KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN **2**
SENARAI LAMPIRAN **5**
TUJUAN **17**
LATAR BELAKANG **17**
GLOSARI ISTILAH **18**
PENINGKATAN PENYAMPAIAN MELALUI PEMBUDAYAAN NILAI **19**
PENGOPTIMUMAN SUMBER MANUSIA DALAM PERKHIDMATAN AWAM **20**
KUMPULAN PERKHIDMATAN **20**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN **21**
SKIM PERKHIDMATAN **22**
Penetapan Kelayakan Masuk Minimum Dalam Perkhidmatan Awam 23
Penyeragaman dan Penggelaran Semula Gred Jawatan 24
Peluasan Kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Perkhidmatan Awam 25
Pindaan Perbekalan Lain Dalam Skim Perkhidmatan 26
Penjumudan Skim Perkhidmatan 26
Urusan Skim Perkhidmatan 30
Urusan Perjawatan 31
PENETAPAN SEMULA KETUA PERKHIDMATAN **31**
Kuasa Penetapan Ketua Perkhidmatan 32
Peranan Ketua Perkhidmatan 32
Kriteria Penetapan Ketua Perkhidmatan 33
Penetapan Ketua Perkhidmatan Baharu 34
Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Jawatan Sementara Kontrak Tetap (JSKT) 34
PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR GAJI 35
Gaji Permulaan Terendah 35
Jadual Gaji Minimum-Maksimum 36
Tarikh Pergerakan Gaji 36
Kadar Pergerakan Gaji Tahunan 37
Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Pegawai Yang Mencapai atau Menghampiri Gaji Maksimum 38
Pemberian PGT Diawalkan 39
Kaedah Pemberian PGT Diawalkan 39
PELARASAN GAJI **40**
Pemberian Pelarasan Gaji 40
Pegawai Yang Layak Menerima Pelarasan Gaji 40
Pegawai Yang Tidak Layak Menerima Pelarasan Gaji 41
Kaedah dan Prinsip Pelarasan Gaji 41
Kenaikan Pangkat Pada Tarikh Pelarasan Gaji 43
Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang 43

Pemindahan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 atau Sistem Saraan Baru Kepada Gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam 43
Simulasi Pelarasan Gaji dan Pemberian PGT 43
ELAUN 44
Prinsip, Jenis dan Syarat Umum Kelayakan Elaun 44
Pengukuhan Pemberian Elaun 44
Elaun Yang Dimansuh 46
Elaun Yang Dipinda Nama 46
Elaun Yang Berkuat Kuasa 46
Pegun Kadar Elaun 46
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) Secara KUP 47
KEMUDAHAN 47
Kemudahan Dalam Perkhidmatan Awam 47
Definisi Kemudahan Dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam 47
Objektif Pemberian Kemudahan 47
Prinsip dan Kriteria Pemberian Kemudahan 48
Pemberian Kemudahan Baharu 49
Penambahbaikan Kemudahan 49
PENGURUSAN BAKAT 54
Penilaian Prestasi 54
Prinsip Ganjaran Berasaskan Prestasi dan Tatakelakuan 55
Penambahbaikan Kriteria Kelayakan Pemberian PGT 55
Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi 56
Pengiktirafan 56
KEMAJUAN KERJAYA 57
Kenaikan Pangkat Secara *One-Off* Untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional 58
Penambahbaikan Laluan Kemajuan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains Secara Kenaikan Pangkat Tanpa Kekosongan Jawatan Dengan Kriteria Kecemerlangan 58
Kemajuan Kerjaya Melalui Peluasan Jawatan Gred Fleksi 59
Kemajuan Kerjaya Secara Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* - SME) 60
LATIHAN 60
DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*) 61
PERSARAAN DAN FAEDAH PERSARAAN 61
TAWARAN OPSYEN 62
Opsyen 62
Tempoh Opsyen 62
Kategori Opsyen SSPA 63
Kategori A: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dikekalkan 64
Kategori B: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Dengan Kelayakan

Masuk Peringkat SPM 64
Kategori C: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa 71
Kategori D: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM 72
Kategori E: Opsyen Bagi Pegawai Yang Kekal Dalam Skim Perkhidmatan Di Bawah Jawatankuasa Kabinet 1976 dan SSB serta Jawatan Dihapuskan..... 73
Syarat Opsyen.....74
Pelaksanaan Opsyen.....76
Pengurusan Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*).....84
Opsyen Muktamad 84
Pemakaian Kepada Pegawai Yang Tidak Bersetuju Menerima Opsyen SSPA Atau Pegawai Yang Bersetuju Menerima Opsyen SSPA Tetapi Belum Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa Di Bawah SSPA.....85
TARIKH KUAT KUASA 85
PEMAKAIAN.....86
LAMPIRAN.....88

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Perkara	Lampiran
	LAMPIRAN A	
1.	Peningkatan Penyampaian Melalui Pembudayaan Nilai	A
	LAMPIRAN B	
2.	Indeks Pemindahan Gred Jawatan Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Ijazah	B1
3.	Indeks Pemindahan Gred Jawatan Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Diploma/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	B2
4.	Indeks Pemindahan Gred Jawatan Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	B3
5.	Indeks Pemindahan Gred Jawatan Bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu	B4
6.	Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diperuntukkan Kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM)	B5
7.	Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diperuntukkan Kelayakan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	B6
8.	Pertukaran Pelantikan Dalam Urusan Penjumudan Skim Perkhidmatan	B7
9.	Indeks Keseluruhan Pemindahan Skim Perkhidmatan	B8
10.	Format Iklan Jawatan	B9
11.	Penentuan Kelayakan Bagi Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan Yang Mensyaratkan Kelayakan SPM, SVM dan STPM/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	B10
12.	Senarai dan Teks Skim Perkhidmatan	B11

Bil.	Perkara	Lampiran
	LAMPIRAN C	
13.	Senarai Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa Di Bawah SSPA	C1
14.	Senarai Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Mengikut Bidang Pengkhususan	C2
	LAMPIRAN D	
15.	Jadual Gaji Minimum-Maksimum Bagi: Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Kumpulan Pelaksana	D1
16.	Gambar Rajah Pelaksanaan Pemberian PGT	D2
17.	Simulasi Pemberian Pelarasan Gaji dan PGT	D3
	LAMPIRAN E	
18.	Prinsip, Jenis Dan Syarat Umum Kelayakan Elaun	E1
19.	Senarai Elaun Yang Dimansuh	E2
20.	Senarai Elaun Yang Dipinda Nama	E3
21.	Senarai Elaun Yang Berkuat Kuasa	E4
22.	Pegun Kadar Elaun	E5
	LAMPIRAN F	
23.	Prinsip Pemberian Kemudahan	F1
24.	Kemudahan Yang Dikekalkan	F2

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN G

25. **Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dikekalkan**

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	G1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	G2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	G3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	G4

LAMPIRAN H

Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Dengan Kelayakan Masuk Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

26. **Subkategori B1: Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu**

(Pegawai Yang <u>Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	H1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	H2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	H3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	H4

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN I

27. **Subkategori B1: Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu**

(Pegawai Yang <u>Belum Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	I1
(ii)	Surat Akuan oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	I2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	I3
(iv)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam daripada Pegawai	I4

LAMPIRAN J

28. **Subkategori B2: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - Skim Perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan**

(Pegawai Yang <u>Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	J1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	J2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	J3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	J4

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN K

29. **Subkategori B2: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - Skim Perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan**

(Pegawai Yang <u>Belum Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	K1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	K2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	K3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	K4

LAMPIRAN L

30. **Subkategori B3: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa (3 Skim Perkhidmatan)**

(Pegawai Yang <u>Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	L1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	L2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	L3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	L4

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN M

31. **Subkategori B3: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa (3 Skim Perkhidmatan)**

(Pegawai Yang <u>Belum Memenuhi</u> Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA)

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	M1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	M2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	M3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	M4

LAMPIRAN N

32. **Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuatkuasa**

(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	N1
(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	N2
(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	N3
(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	N4

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN O

33.	**Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM**		
	(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	O1
	(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	O2
	(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	O3
	(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	O4

LAMPIRAN P

34.	**Opsyen Bagi Pegawai Yang Kekal Dalam Skim Perkhidmatan Di Bawah JKK 1976 Dan SSB Serta Jawatan Dihapuskan**		
	(i)	Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	P1
	(ii)	Surat Akuan Oleh Pegawai Mengenai Penerimaan Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	P2
	(iii)	Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	P3
	(iv)	Surat Akuan Oleh Ketua Jabatan Mengenai Penerimaan Borang Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Daripada Pegawai	P4

Bil.	Perkara	Lampiran

LAMPIRAN Q

35.	Senarai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran Yang Dibatalkan	Q

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Klasifikasi dan Kod Klasifikasi Perkhidmatan

Jadual 2: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf

Jadual 3: Penyeragaman dan Penggelaran Semula Gred Jawatan Perkhidmatan Awam

Jadual 4: Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Jadual 5: Urusan Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Jadual 6: Pekeliling Perkhidmatan/Surat Pekeliling Perkhidmatan Bagi Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan Yang Mensyaratkan Kelayakan SPM/SVM dan STPM/STAM

Jadual 7: Kadar Pelarasan Gaji Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Jadual 8: Komponen dan Elemen Prestasi di bawah MyPERFORMANCE

Jadual 9: Bilangan Penerima Penganugerahan P.P.C. dan Pemberian APC

Jadual 10: Kategori Opsyen di bawah SSPA

Jadual 11: Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu

Jadual 12: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM

Jadual 13: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa

Jadual 14: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM

SINGKATAN

CoS	*Contract of Service*
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
GPT	Gaji Permulaan Terendah
JGMM	Jadual Gaji Minimum-Maksimum
JKK 1976	Pemindahan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JSKT	Jawatan Sementara Kontrak Tetap
KGT	Kenaikan Gaji Tahunan
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KUP	Khas Untuk Penyandang
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PAP	Perkhidmatan Awam Persekutuan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPSM	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SME	*Subject Matter Expert*

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia.
SSB	Sistem Saraan Baru
SSM	Sistem Saraan Malaysia
SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
TBK	*Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
TPG	Tarikh Pergerakan Gaji
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi pegawai lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan yang melibatkan struktur perkhidmatan merangkumi skim perkhidmatan, urusan perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, persaraan dan faedah persaraan.

LATAR BELAKANG

2. Seiring dengan aspirasi nasional yang memberi fokus terhadap keberkesanan dan pencapaian keberhasilan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, SSPA adalah wadah dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan bagi memenuhi harapan rakyat serta pemegang taruh yang semakin meningkat.

3. Tiga (3) strategi utama telah dikenal pasti bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam seperti yang berikut:

(a) meningkatkan pendapatan boleh guna pegawai awam;

(b) mengurangkan tanggungan fiskal Kerajaan bagi pembayaran faedah persaraan; dan

(c) meningkatkan produktiviti pegawai awam melalui pembudayaan nilai dan adaptasi teknologi.

4. SSPA adalah berpaksikan kepada falsafah ganjaran menyeluruh (*total rewards*) merangkumi skim perkhidmatan, urusan perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, persaraan dan faedah persaraan ke arah peningkatan motivasi, prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam. Peningkatan ini perlu disokong dengan pembudayaan nilai-nilai teras yang ditetapkan dalam perkhidmatan awam.

GLOSARI ISTILAH

5. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini—

"Nilai teras perkhidmatan awam" merujuk kepada enam (6) nilai utama yang ditetapkan melalui Arahan YAB PM No. 1 Tahun 1998 Siri 2 No. 1 Tahun 2000 iaitu Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan Program-Program Nilai Murni iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur;

"Gaji hakiki" bermaksud gaji pokok yang ditetapkan ke atas seseorang pegawai berdasarkan gred dan skim perkhidmatan;

"Gaji Permulaan Terendah (GPT)" bermaksud gaji permulaan yang paling rendah dalam perkhidmatan awam yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada kadar RM1,500 sebulan;

"Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)" bermaksud jadual yang menunjukkan gaji minimum dan gaji maksimum bagi setiap gred;

"Pelarasan gaji" bermaksud pemberian kenaikan gaji secara menyeluruh mengikut kadar yang ditetapkan sama ada dalam bentuk peratusan atau kadar tertentu;

"Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)" bermaksud peningkatan ke atas gaji hakiki pegawai pada kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut gred dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM);

"Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)" bermaksud tarikh berlakunya pergerakan gaji tahunan pegawai yang ditetapkan pada salah satu daripada empat tarikh dalam setahun iaitu 1 Januari, 1 April, 1 Julai atau 1 Oktober.

PENINGKATAN PENYAMPAIAN MELALUI PEMBUDAYAAN NILAI

6. Menerusi SSPA, motivasi, prestasi dan produktiviti dipacu dengan pemantapan pembudayaan amalan nilai-nilai teras perkhidmatan awam yang ditetapkan iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur. Pembudayaan nilai dalam perkhidmatan awam dilaksanakan berdasarkan enam (6) prinsip yang berikut:

(a) menegakkan undang-undang dengan memastikan kepatuhan kepada undang-undang, etika dan prosedur kerja yang ditetapkan dalam sistem perkhidmatan awam;

(b) merekayasa proses dan prosedur yang memupuk disiplin kerja secara sistematik bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian;

(c) memelihara kesejahteraan psikologi untuk menyokong kualiti kehidupan yang membolehkan pegawai berfungsi secara positif ke arah produktiviti;

(d) memastikan kebertanggungjawaban ketua dan penyelia dalam menjalankan aktiviti penyeliaan dan pemantauan berkala secara sistematik

serta mengambil tindakan pengesanan awal dalam pengurusan prestasi dan tatatertib;

(e) menyediakan persekitaran dan budaya organisasi yang kondusif dengan aspek keselamatan psikologi bagi mendorong komunikasi terbuka, perkongsian idea, positif terhadap perubahan dan mempunyai dinamik pasukan yang mantap demi kepentingan perkhidmatan awam; dan

(f) menyelaras komunikasi secara strategik untuk memastikan hebahan maklumat disampaikan dengan jelas, tepat dan berkesan serta memelihara imej dan persepsi pemegang taruh kepada organisasi perkhidmatan awam.

7. Pelaksanaan ini berupaya merapatkan kesenjangan antara norma pelaksanaan kerja dengan kepatuhan kepada undang-undang, etika dan prosedur kerja yang ditetapkan dalam sistem perkhidmatan awam seperti di **Lampiran A**. Usaha ini dapat direalisasikan menerusi pengukuhan tatakelola organisasi, pemerkasaan peranan kepimpinan dan pemantapan tadbir urus insan (individu).

PENGOPTIMUMAN SUMBER MANUSIA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

8. Pengoptimuman sumber manusia dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos dan mengelakkan pembaziran sumber dalam sektor awam. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai kaedah seperti pendigitalan penyampaian perkhidmatan, pengurangan pertindihan fungsi agensi serta penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*) termasuk kolaborasi, penswastaan dan penyumberluaran (*outsourcing*).

KUMPULAN PERKHIDMATAN

9. Di bawah SSPA, tiga (3) kumpulan perkhidmatan sedia ada dikekalkan iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

10. Kumpulan Pengurusan Tertinggi terdiri daripada Jawatan Gred Utama dan Jawatan Gred Khas. Jawatan Gred Utama adalah merupakan jawatan di peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang menjalankan fungsi pengurusan strategik dan menerajui jentera pengurusan organisasi sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi. Jawatan Gred Khas pula ditetap berdasarkan pengiktirafan tahap kepakaran dan pengalaman pegawai yang tidak melaksanakan peranan atau tugas yang bersifat pengurusan dan strategik.

11. Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah jawatan melibatkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ke atas, manakala Kumpulan Pelaksana adalah jawatan melibatkan kelayakan masuk di peringkat Diploma/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan ke bawah.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

12. Sebanyak 21 klasifikasi perkhidmatan sedia ada di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) dikekalkan berasaskan persamaan peranan, bidang dan fungsi seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Klasifikasi dan Kod Klasifikasi Perkhidmatan

Bil.	Klasifikasi Perkhidmatan	Kod Klasifikasi Perkhidmatan
1.	Pengangkutan	A
2.	Bakat dan Seni	B
3.	Sains	C
4.	Pendidikan	D
5.	Ekonomi	E
6.	Sistem Maklumat	F
7.	Pertanian	G
8.	Kemahiran	H

Bil.	Klasifikasi Perkhidmatan	Kod Klasifikasi Perkhidmatan
9.	Kejuruteraan	J
10.	Keselamatan dan Pertahanan Awam	K
11.	Perundangan dan Kehakiman	L
12.	Tadbir dan Diplomatik	M
13.	Pentadbiran dan Sokongan	N
14.	Pencegahan	P
15.	Penyelidikan dan Pembangunan	Q
16.	Sosial	S
17.	Penguatkuasaan Maritim	T
18.	Perubatan dan Kesihatan	U
19.	Kewangan	W
20.	Polis	Y
21.	Tentera	Z

SKIM PERKHIDMATAN

13. Dalam pelaksanaan SSPA, penambahbaikan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa melibatkan perkara-perkara yang berikut:

(a) penetapan kelayakan masuk minimum dalam perkhidmatan awam;

(b) penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan;

(c) peluasan kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam perkhidmatan awam;

(d) pindaan perbekalan lain dalam skim perkhidmatan; dan

(e) penjumudan skim perkhidmatan.

Penetapan Kelayakan Masuk Minimum Dalam Perkhidmatan Awam

14. Berikutan perubahan dasar pendidikan negara dan akses pendidikan ke peringkat menengah atas, kelayakan masuk minimum ke perkhidmatan awam ditetapkan pada kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebanyak 11 skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) dinaik taraf kepada skim perkhidmatan berkelayakan SPM. Skim perkhidmatan terlibat adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Jawatan SSM
1.	Pengawas Hutan	G11, G14
2.	Pembantu Hidupan Liar	G11, G14
3.	Pemandu Kenderaan	H11, H14, H16, H18
4.	Pemandu/Operator Jentera Pemunggah	H11, H14, H16, H18
5.	Pembantu Awam	H11, H14, H16, H18
6.	Operator Loji	H11, H14, H16, H18
7.	Pengawal Keselamatan	KP11, KP14, KP16, KP18
8.	Bentara Parlimen	N11, N14, N16, N18
9.	Penghantar Notis	N11, N14, N16, N18
10.	Pembantu Operasi	N11, N14, N16, N18
11.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11, U14, U16, U18

15. Bagi mengoptimumkan sumber manusia melalui pelaksanaan berbilang tugas *(multitasking)* dan berbilang kemahiran *(multi-skilling)*, skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemunggah, Pembantu Awam, Operator Loji, Bentara Parlimen, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi **digabungkan** sebagai **satu (1) skim perkhidmatan baharu berkelayakan SPM** iaitu **Pembantu Khidmat Am** yang diletakkan di bawah klasifikasi perkhidmatan Kemahiran (H). Penyandang sedia ada ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am.

16. Skim perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan **dinaik taraf** ke skim perkhidmatan berkelayakan SPM dan penyandang sedia ada ditukar lantik ke skim perkhidmatan tersebut. Skim perkhidmatan Pengawal Keselamatan **dijumudkan** dan penyandang sedia ada ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Keselamatan yang berkelayakan SPM. Skim perkhidmatan Pengawas Hutan dan Pembantu Hidupan Liar berkelayakan PT3/PMR **dimansuhkan** di mana penyandang sedia ada ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengawas Hutan dan Pembantu Hidupan Liar yang berkelayakan SPM.

Penyeragaman dan Penggelaran Semula Gred Jawatan

17. Bagi menangani isu ketidakseragaman gred jawatan antara skim perkhidmatan di bawah SSM, penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan dilaksanakan secara menyeluruh kepada perkhidmatan awam seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: Penyeragaman dan Penggelaran Semula Gred Jawatan Perkhidmatan Awam

Kelayakan Masuk	Gred SSM	Gred SSPA
Ijazah	55/56	15
	53/54	14
	51/52	13
	47/48	12
	45/46	11
	43/44	10
	41/42	9
Diploma/ STPM	39/40	8
	37/38	7
	36**	
	35/36*	6
	33/34	
	31/32	
	29/30	5

Kelayakan Masuk	Gred SSM	Gred SSPA
SPM	27/28	4
	25/26	3
	24	2
	21/22	
	19/20	1

*Gred kenaikan pangkat pertama **Gred kenaikan pangkat kedua

18. Indeks pemindahan gred jawatan di bawah SSM kepada SSPA bagi skim perkhidmatan berkelayakan Ijazah, Diploma/STPM, SPM dan skim perkhidmatan bersepadu adalah seperti di **Lampiran B1**, **Lampiran B2**, **Lampiran B3** dan **Lampiran B4**.

Peluasan Kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Perkhidmatan Awam

19. Bagi memberi peluang kepada calon berkemahiran menyertai perkhidmatan awam, syarat kelayakan TVET diperluaskan dalam syarat lantikan bagi skim perkhidmatan bersesuaian merangkumi kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

20. Sebanyak 26 skim perkhidmatan berkelayakan SPM diperluaskan kelayakan SVM manakala 11 skim perkhidmatan berkelayakan Diploma/STPM diperluaskan kelayakan DKM/DLKM. Penetapan kelayakan TVET ini mengambil kira bidang-bidang yang bersesuaian dengan skop tugas dalam skim perkhidmatan berkaitan. Senarai keseluruhan skim perkhidmatan yang diperuntukkan kelayakan SVM dan DKM/DLKM seperti di **Lampiran B5** dan **Lampiran B6**.

Pindaan Perbekalan Lain Dalam Skim Perkhidmatan

21. Bagi tujuan penambahbaikan skim perkhidmatan, perbekalan lain dalam skim perkhidmatan sedia ada turut dipinda merangkumi syarat lantikan, perubahan gaji permulaan dan peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Penjumudan Skim Perkhidmatan

22. Penjumudan sesuatu skim perkhidmatan ditentukan berdasarkan beberapa kriteria iaitu perkhidmatan yang fungsinya tidak lagi diperlukan, boleh diambil alih oleh perkhidmatan lain, diasingkan saraan atau dialih daya (*outsource*). Bagi memastikan penggunaan sumber manusia secara optimum, sebanyak 22 skim perkhidmatan dijumudkan seperti **Jadual 4**.

Jadual 4: Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Jawatan SSM
1.	Pemandu Lokomotif	A13, A19/20, A22, A26, A28
2.	Jurusolek	B19, B21/22, B25/26, B27/28
3.	Pensyarah UiTM	DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Khas
4.	Penolong Pensyarah UiTM	DM29, DM32, DM34, DM40
5.	Pengurus Taman/Ladang	G41, G44, G48, G52, G54
6.	Penolong Pengurus Taman/Ladang	G29, G32, G36, G40
7.	Pembantu Taman/Ladang	G19, G22, G26, G28
8.	Merinyu Tali Air	J19, J22, J26, J28
9.	Pegawai Penyelidik Sosial	N41, N44, N48, N52, N54
10.	Penolong Pegawai Penyelidik Sosial	N29, N32, N36, N40
11.	Pembantu Penyelidik Sosial	N19, N22, N26, N28

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Jawatan SSM
12	Pengurus Asrama	N41, N44, N48, N52, N54
13.	Penolong Pengurus Asrama	N29, N32, N36, N40
14.	Penyelia Asrama	N19, N22, N26, N28
15.	Pegawai Penerbitan	N41, N44, N48, N52, N54
16.	Penolong Pegawai Penerbitan	N29, N32, N36, N40
17.	Pembantu Penerbitan	N19, N22, N26, N28
18.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19, N22, N26, N28
19.	Operator Wayarles	N19, N22, N26, N28
20.	Pemeriksa Cap Jari	N19, N22, N26, N28
21.	Pembantu Pemuliharaan	S19, S22, S26, S28
22.	Pegawai Kewangan	W41, W44, W48, W52, W54

23. Pegawai yang terlibat dengan penjumudan skim perkhidmatan akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5: Urusan Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Bil.	Skim Perkhidmatan SSM Yang Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik dengan Gred SSPA
1.	Pemandu Lokomotif Gred A13, A19/20, A22, A26, A28	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4
2.	Jurusolek Gred B19, B21/22, B25/26, B27/28	Pereka Gred B1, B2, B3
3.	Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Khas	Pensyarah Universiti Gred DS11, DS13, DS14, Khas

Bil.	Skim Perkhidmatan SSM Yang Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik dengan Gred SSPA
4.	Penolong Pensyarah UiTM Gred DM29, DM32, DM34, DM40	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ **Penolong Jurutera** Gred JA1, JA2, JA3, **JA5, JA6, JA7, JA8** (Memiliki kelayakan kejuruteraan)
		Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, N6, N7, N8 (Memiliki kelayakan selain kejuruteraan)
5.	Pengurus Taman/Ladang Gred G41, G44, G48, G52, G54	Pegawai Pertanian Gred G9, G10, G12, G13, G14 [Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)]
		Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14 [Badan Berkanun Negeri (BBN)]
6.	Penolong Pengurus Taman/Ladang Gred G29, G32, G36, G40	Penolong Pegawai Pertanian Gred G5, G6, G7, G8 (BBP dan PBT)
		Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, N6, N7, N8 (BBN)
7.	Pembantu Taman/Ladang Gred G19, G22, G26, G28	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4 (BBP dan PBT)
		Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4 (BBN)
8.	Merinyu Tali Air Gred J19, J22, J26, J28	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4
9.	Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41, N44, N48, N52, N54	Pegawai Arkib Gred S9, S10, S12, S13, S14 [Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP)]
		Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14 (BBP, PAN dan BBN)

Bil.	Skim Perkhidmatan SSM Yang Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik dengan Gred SSPA
10.	Penolong Pegawai Penyelidik Sosial Gred N29, N32, N36, N40	Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, N6, N7, N8
11.	Pembantu Penyelidik Sosial Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4
12.	Pengurus Asrama Gred N41, N44, N48, N52, N54	Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14
13.	Penolong Pengurus Asrama Gred N29, N32, N36, N40	Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, N6, N7, N8
14.	Penyelia Asrama Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4
15.	Pegawai Penerbitan Gred N41, N44, N48, N52, N54	Pegawai Penerangan Gred S9, S10, S12, S13, S14 (PAP)
		Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14 (BBP, PAN, BBN dan PBT)
16.	Penolong Pegawai Penerbitan Gred N29, N32, N36, N40	Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, N6, N7, N8
17.	Pembantu Penerbitan Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4
18.	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4
19.	Operator Wayarles Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4
		Pembantu Laut Gred A1, A2, A3, A4 (Jabatan Laut Malaysia)
		Pembantu Perikanan Gred G1, G2, G3, G4 (Jabatan Perikanan Malaysia)
20.	Pemeriksa Cap Jari Gred N19, N22, N26, N28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4

Bil.	Skim Perkhidmatan SSM Yang Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik dengan Gred SSPA
21.	Pembantu Pemuliharaan Gred S19, S22, S26, S28	Pembantu Arkib Gred S1, S2, S3, S4 (PAP dan PAN)
		Pembantu Pustakawan Gred S1, S2, S3, S4 (BBP)
22.	Pegawai Kewangan Gred W41, W44, W48, W52, W54	Akauntan Gred WA9, WA10, WA12, WA13, WA14 (Memiliki kelayakan perakaunan)
		Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14 (Memiliki kelayakan selain perakaunan)

24. Urusan pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan adalah seperti di **Lampiran B7**. Berikutan daripada semakan semula skim perkhidmatan, sebanyak satu (1) skim perkhidmatan baharu digubal dan 23 skim perkhidmatan dijumudkan [termasuk satu (1) skim perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM)]. Dengan ini, jumlah keseluruhan skim perkhidmatan di bawah SSPA adalah sebanyak 199. Indeks keseluruhan pemindahan skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B8**.

Urusan Skim Perkhidmatan

25. Pelantikan pegawai mulai 1 Disember 2024 hendaklah mengikut skim perkhidmatan di bawah SSPA. Format iklan jawatan hendaklah diasaskan kepada skim perkhidmatan berkenaan mengikut contoh seperti di **Lampiran B9**.

26. Bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan yang mensyaratkan kelayakan SPM/SVM dan STPM/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), rujukan hendaklah dibuat kepada pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan seperti di **Jadual 6**:

Jadual 6: Pekeliling Perkhidmatan/Surat Pekeliling Perkhidmatan Bagi Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan Yang Mensyaratkan Kelayakan SPM/SVM dan STPM/STAM

Bil	Peringkat Kelayakan	Rujukan Pekeliling Perkhidmatan (PP)/ Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)
1.	SPM	SPP Bilangan 1 Tahun 2002
2.	SVM	PP Bilangan 1 Tahun 2016
3.	STPM	SPP Bilangan 11 Tahun 2005
4.	STAM	SPP Bilangan 14 Tahun 2009

Catatan: Penjelasan mengenai pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan di atas adalah seperti di **Lampiran B10.** Bagi urusan pertukaran pelantikan penyandang sedia ada, syarat Bahasa Melayu adalah **dikecualikan.**

27. Senarai dan teks skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B11**.

Urusan Perjawatan

28. Bagi urusan kajian keperluan perjawatan termasuk pewujudan gred jawatan baharu, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA untuk pertimbangan.

PENETAPAN SEMULA KETUA PERKHIDMATAN

29. Penetapan semula Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan ini menggantikan ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010: Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan juga termasuk Surat Edaran berkaitan terdahulu.

Kuasa Penetapan Ketua Perkhidmatan

30. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh menentukan Ketua Perkhidmatan bagi sesuatu skim perkhidmatan sepertimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [*P.U. (A)1/2012*].

Peranan Ketua Perkhidmatan

31. Penetapan Ketua Perkhidmatan ini merupakan salah satu langkah untuk menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai melalui perancangan strategik sumber manusia secara menyeluruh meliputi empat (4) peranan utama seperti yang berikut:

(a) **Pengurusan Perjawatan dan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan**
Memastikan pengurusan perjawatan dan skim perkhidmatan dilaksanakan mengikut kesesuaian fungsi teras organisasi secara cekap dan berkesan.

(b) **Pengendalian Urusan Personel dan Perkhidmatan**
Memastikan urusan pelantikan, penempatan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi dan urusan perkhidmatan lain dilaksanakan secara teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

(c) **Perancangan Strategik Pembangunan Modal Insan**
Memastikan Analisis Keperluan Latihan (*Training Needs Analysis)* dan pembangunan kompetensi pegawai dilaksanakan dengan sistematik dan komprehensif.

(d) **Perancangan dan Pelaksanaan Program Kemajuan Kerjaya**
Memastikan pelan penggantian (*succession planning*) dilaksanakan bagi menarik dan mengekal bakat melalui urusan kemajuan kerjaya yang sistematik, penempatan yang bersesuaian dengan kompetensi dan pengurusan kerjaya terancang.

32. Ketua Perkhidmatan juga perlu mengambil kira dasar-dasar semasa Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Kriteria Penetapan Ketua Perkhidmatan

33. Kriteria utama yang diguna pakai dalam mempertimbang penetapan Ketua Perkhidmatan bagi satu-satu skim perkhidmatan adalah berdasarkan perkara berikut:

(a) **Skop Fungsi Utama Setiap Agensi**

Ketua Jabatan di agensi yang mempunyai skop fungsi yang khusus kepada satu (1) skim perkhidmatan akan ditetapkan sebagai Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, sesuatu skim perkhidmatan boleh mempunyai lebih daripada satu (1) Ketua Perkhidmatan berdasarkan kepada kepelbagaian dan pengkhususan bidang-bidang tertentu. Keadaan ini berlaku apabila skim perkhidmatan tersebut melibatkan kemahiran teknikal yang khusus atau kepakaran khusus bagi satu-satu agensi.

(b) **Bilangan Jawatan**

Penetapan Ketua Perkhidmatan boleh ditetapkan berdasarkan jumlah perjawatan yang terdapat di agensi. Ketua Jabatan yang mempunyai bilangan jawatan yang besar bagi satu-satu skim perkhidmatan serta peluang kemajuan kerjaya yang baik akan ditetapkan sebagai Ketua Perkhidmatan. Manakala bagi agensi yang mempunyai jumlah jawatan yang kecil dan tidak mempunyai peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti, jawatan terbabit akan dijadikan jawatan kader kepada mana-mana Ketua Perkhidmatan yang bersesuaian dengan skop dan bidang tugas yang dilaksanakan.

(c) **Ketua Jabatan**

Skim-skim perkhidmatan lain yang tidak dapat dikenal pasti Ketua Perkhidmatan yang bersesuaian, Ketua Jabatan masing-masing akan ditetapkan sebagai Ketua Perkhidmatan.

34. Walau apa-apa pun ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh menentukan Ketua Perkhidmatan bagi mana-mana skim perkhidmatan atau mana-mana pegawai sebagaimana peruntukan P.U. (A) 1/2012.

Penetapan Ketua Perkhidmatan Baharu

35. Ketua Perkhidmatan bagi 199 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA secara keseluruhan adalah seperti di **Lampiran C1**. Senarai Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan mengikut bidang pengkhususan adalah seperti di **Lampiran C2**.

Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Jawatan Sementara Kontrak Tetap (JSKT)

36. Jawatan Sementara Kontrak Tetap (JSKT) adalah jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi menempatkan pegawai lantikan kontrak *Contract of Service* (CoS), untuk tujuan pelantikan secara tetap sekiranya tiada kekosongan jawatan.

37. Pelantikan secara tetap boleh dipertimbangkan kepada pegawai CoS yang telah dilantik sebelum atau pada 23 Oktober 2015 dan berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

38. Berdasarkan penetapan yang telah dibuat, beberapa agensi telah melaksanakan urusan pewujudan JSKT dan majoriti pegawai CoS yang layak untuk dilantik tetap pada masa ini berada di agensi seperti berikut:

(a) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), KKDW;

(b) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), KPN;

(c) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), JPM;

(d) Akademi Kenegaraan Malaysia, JPM;

(e) Bahagian Kawal Selia FELDA, JPM; dan

(f) Bahagian Kampung Baru Cina, KPKT.

39. Ketua Perkhidmatan bagi pegawai JSKT di agensi tersebut adalah Ketua Jabatan masing-masing, manakala agensi selain yang tersenarai di atas, Ketua Perkhidmatan adalah berdasarkan **Lampiran C1** Pekeliling Perkhidmatan ini.

PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR GAJI

40. Pegawai yang menerima opsyen SSPA adalah layak menerima penambahbaikan struktur gaji yang meliputi penambahbaikan Gaji Permulaan Terendah (GPT), Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT).

41. Pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA, pegawai adalah tertakluk kepada struktur gaji SSM secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

42. Pegawai yang menolak opsyen SSPA tidak layak menerima penambahbaikan struktur gaji. Pegawai adalah tertakluk kepada struktur gaji SSM secara KUP.

Gaji Permulaan Terendah

43. Susulan penetapan kelayakan masuk minimum dalam perkhidmatan awam di bawah SSPA adalah SPM atau setaraf, GPT ditambah baik kepada RM1,500 sebulan bagi pegawai di Gred 1.

44. Penetapan GPT baharu ini hanya terpakai kepada pegawai yang menerima opsyen SSPA. Bagi pegawai Gred 11 (SSM) yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik kepada skim perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA, sekiranya gaji pegawai setelah diberi pelarasan gaji adalah di bawah daripada GPT, gaji pegawai tersebut akan dipindahkan ke amaun GPT dalam JGMM yang sama.

Jadual Gaji Minimum-Maksimum

45. JGMM sedia ada telah ditambah baik dan diseragamkan mengikut gred SSPA selaras dengan penetapan kelayakan masuk minimum dalam perkhidmatan awam berasaskan SPM, penetapan GPT baharu, pemberian pelarasan gaji serta penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan.

46. Penambahbaikan dan prinsip pembentukan JGMM di bawah SSPA adalah seperti yang berikut:

(a) JGMM sedia ada ditambah baik mengikut prinsip kadar upah untuk kerja, prinsip kelayakan masuk dan latihan serta prinsip relativiti gred dan pariti antara skim perkhidmatan;

(b) penetapan GPT pada kadar RM1,500 sebulan bagi Gred 1;

(c) JGMM diseragamkan mengikut gred iaitu satu JGMM bagi setiap gred; dan

(d) gaji minimum dan gaji maksimum bagi Gred 15 dan ke bawah ditambah baik.

47. JGMM mengikut gred yang berkuat kuasa adalah seperti di **Lampiran D1**.

Tarikh Pergerakan Gaji

48. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan iaitu pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober adalah dikekalkan.

49. Pelarasan gaji ini tidak mengubah TPG pegawai. Pegawai Gred 11 (SSM) yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan dan gajinya dipindahkan ke gaji permulaan skim perkhidmatan pegawai atau GPT, TPG pegawai tersebut ditetapkan pada 1 Oktober tahun berikutnya.

50. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam seperti yang diperuntukkan di bawah subperaturan 27(2) P.U. (A) 1/2012, Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan/Agensi adalah diwakilkan kuasa menurut subperaturan 62(1) P.U. (A) 1/2012 untuk melaksanakan perubahan TPG pegawai berkaitan di perenggan 49 Pekeliling Perkhidmatan ini, tertakluk kepada syarat-syarat pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) yang telah ditetapkan.

Kadar Pergerakan Gaji Tahunan

51. Tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, pemberian PGT kepada seseorang pegawai yang layak adalah berdasarkan kadar seperti yang berikut:

(a) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)

Kadar KGT bermaksud amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam JGMM.

(b) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan di Gaji Maksimum (KGM)

Kadar KGM bermaksud amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam JGMM apabila pegawai menghampiri atau mencapai gaji maksimum.

52. Kadar KGT dan KGM mengikut gred yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 adalah seperti di **Lampiran D1.** Pegawai yang sedang menerima kadar KGT yang lebih tinggi daripada kadar KGT berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 akan kekal menggunakan kadar KGT tersebut secara KUP. Namun demikian, bagi pegawai yang sedang menggunakan kadar tetap 3%, pegawai tersebut tertakluk kepada kadar KGT dan KGM yang berkuat kuasa di bawah SSPA.

Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Pegawai Yang Mencapai atau Menghampiri Gaji Maksimum

53. Bagi memastikan pemberian PGT kepada pegawai yang mencapai atau menghampiri gaji maksimum teratur dan selaras dengan dasar semasa, pelaksanaan pemberian PGT di gaji maksimum ditambah baik seperti yang berikut:

(a) terma kadar tetap 3% dipinda kepada kadar KGM;

(b) kadar KGM diseragamkan mengikut gred yang sama (satu amaun untuk setiap gred); dan

(c) kadar KGM Gred 15 dan ke bawah adalah seperti di **Lampiran D1**. Bagi pegawai yang memerlukan kadar KGM tetapi tidak tersenarai dalam **Lampiran D1**, Ketua Jabatan perlu mengemukakan permohonan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA untuk disediakan kadar KGM berdasarkan prinsip yang telah ditetapkan.

54. Pelaksanaan pemberian KGM kepada pegawai yang layak adalah seperti yang berikut:

(a) bagi pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum**, pegawai akan diberikan PGT berdasarkan kadar KGM mengikut gred yang dinyatakan dalam **Lampiran D1**;

(b) bagi pegawai yang belum mencapai gaji maksimum tetapi dalam keadaan amaun pergerakan gaji yang berikutnya sebelum mencapai gaji maksimum dalam JGMM adalah kurang daripada kadar satu (1) KGT, prinsip berikut adalah terpakai:

(i) sekiranya amaun perbezaan antara gaji hakiki pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM adalah kurang daripada kadar KGM mengikut

gred pegawai yang dinyatakan dalam **Lampiran D1,** maka pergerakan gaji pegawai hendaklah menggunakan amaun kadar KGM; atau

(ii) sekiranya amaun perbezaan antara gaji hakiki pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM adalah lebih tinggi daripada kadar KGM mengikut gred pegawai yang dinyatakan dalam **Lampiran D1**, maka pergerakan gaji pegawai hendaklah menggunakan amaun perbezaan pergerakan gaji yang lebih tinggi itu, terhad kepada gaji maksimum.

55. Gambar rajah pelaksanaan pemberian PGT adalah seperti di **Lampiran D2**.

Pemberian PGT Diawalkan

56. Selain urusan perkhidmatan yang melibatkan kenaikan pangkat, pelaksanaan pemberian PGT diawalkan turut dilaksanakan bagi—

(a) pegawai yang bersara paksa sebelum TPG; atau

(b) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG.

57. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di bawah subperaturan 27(2) P.U. (A) 1/2012, Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan/Agensi adalah diwakilkan kuasa menurut subperaturan 62(1) P.U. (A) 1/2012 untuk mengawalkan PGT pegawai sebagaimana yang diperuntukkan, tertakluk kepada syarat pemberian PGT yang telah ditetapkan.

Kaedah Pemberian PGT Diawalkan

58. Tertakluk kepada syarat pemberian PGT, pegawai yang layak mendapat PGT diawalkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah seperti yang berikut:

(a) pegawai yang berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa dan tarikh persaraan tersebut adalah sebelum TPG pegawai pada tahun berkenaan. Bersara paksa adalah mengikut subseksyen 10(1) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] dan subseksyen 6A(5B) Akta 227, atau subseksyen 10(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] dan subseksyen 6A(5B) Akta 239; atau

(b) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG pegawai pada tahun berkenaan.

PELARASAN GAJI

Pemberian Pelarasan Gaji

59. Sebagai satu penambahbaikan kepada struktur gaji, pelarasan gaji sebanyak 15% diberikan secara berfasa seperti di **Jadual 7.**

Jadual 7: Kadar Pelarasan Gaji Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

<table>
<tr><th rowspan="2">Kumpulan Perkhidmatan</th><th colspan="2">Kadar Pelarasan dan Tarikh Pelaksanaan</th></tr>
<tr><th>Fasa 1:
1 Disember 2024</th><th>Fasa 2:
1 Januari 2026</th></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td rowspan="2">8% atau minimum RM240</td><td rowspan="2">7%</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td></tr>
</table>

Pegawai Yang Layak Menerima Pelarasan Gaji

60. Pegawai yang menerima opsyen SSPA dan berada dalam situasi berikut layak untuk menerima pelarasan gaji secara berfasa:

(a) **Fasa 1**

(i) pegawai yang dilantik sebelum 1 Disember 2024 dan sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024; atau

(ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024.

(b) **Fasa 2**

(i) pegawai yang dilantik sebelum 1 Januari 2026 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2026; atau

(ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026.

Pegawai Yang Tidak Layak Menerima Pelarasan Gaji

61. Pegawai yang tidak layak untuk menerima pelarasan gaji adalah seperti yang berikut:

(a) pegawai yang menolak opsyen SSPA; atau

(b) pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada 1 Disember 2024 (fasa 1) atau 1 Januari 2026 (fasa 2).

Kaedah dan Prinsip Pelarasan Gaji

Fasa 1

62. Bagi maksud pemberian pelarasan gaji sebagai amaun gaji baharu dalam JGMM pada 1 Disember 2024, gaji hakiki pegawai pada 30 November 2024 ditambah dengan kadar pelarasan gaji yang ditetapkan berdasarkan **Jadual 7** seperti yang berikut:

(a) pegawai dengan gaji RM3,000 ke atas diberi pelarasan gaji sebanyak 8%; atau

(b) pegawai dengan gaji RM3,000 dan ke bawah diberi pelarasan gaji sebanyak RM240.

63. Sekiranya gaji pegawai setelah diberi pelarasan gaji adalah di bawah daripada GPT atau gaji permulaan skim perkhidmatan di bawah SSPA, gaji pegawai akan dipindahkan ke amaun GPT atau gaji permulaan skim perkhidmatan tersebut. Amaun gaji pegawai selepas pelarasan gaji akan dipindahkan ke JGMM baharu seperti di **Lampiran D1**.

64. Bagi pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan di bawah SSPA—

(a) gaji pegawai adalah tertakluk kepada struktur gaji yang berkuat kuasa di bawah SSM; dan

(b) gaji pegawai akan dipindahkan berdasarkan skim perkhidmatan dan struktur gaji di bawah SSPA sehari selepas pegawai memenuhi syarat pertukaran pelantikan di bawah SSPA.

Fasa 2

65. Pemberian pelarasan gaji bagi fasa 2 adalah berdasarkan gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2025 ditambah dengan kadar 7% pada 1 Januari 2026. Amaun gaji pegawai tersebut kekal dalam JGMM yang terpakai kepada pegawai berkenaan.

66. Pegawai yang tarikh pergerakan gajinya adalah pada 1 Januari 2026, pelarasan gaji hendaklah diberi terlebih dahulu dan seterusnya diberi PGT, tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia.

Kenaikan Pangkat Pada Tarikh Pelarasan Gaji

67. Pegawai yang tarikh kenaikan pangkatnya pada 1 Disember 2024 atau pada 1 Januari 2026, hendaklah diberi pelarasan gaji terlebih dahulu dan seterusnya ditetapkan gaji permulaan di gred kenaikan pangkat berdasarkan prinsip kenaikan pangkat atas gaji SSPA.

Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang

68. Jadual Gaji KUP akan disediakan bagi keadaan yang berikut:

(a) JGMM bagi pegawai tidak tersenarai di **Lampiran D1**; atau

(b) JGMM sedia ada tidak dapat menampung amaun gaji pegawai setelah pelarasan gaji fasa 1 atau fasa 2 dilaksanakan.

69. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA untuk disediakan Jadual Gaji KUP dengan mengemukakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemas kini.

Pemindahan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 atau Sistem Saraan Baru Kepada Gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

70. Pemindahan gaji pegawai yang berada dalam Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 atau Sistem Saraan Baru (SSB) yang menerima opsyen SSPA adalah berdasarkan pemindahan gred pegawai dalam SSPA.

Simulasi Pelarasan Gaji dan Pemberian PGT

71. Simulasi bagi pemberian pelarasan gaji fasa 1 dan fasa 2 serta pemberian PGT adalah seperti di **Lampiran D3**.

ELAUN

Prinsip, Jenis dan Syarat Umum Kelayakan Elaun

72. Dalam SSPA, prinsip elaun, jenis elaun dan syarat umum kelayakan elaun adalah dikekalkan serta diperincikan seperti di **Lampiran E1**.

Pengukuhan Pemberian Elaun

73. Pengukuhan elaun telah dilaksanakan melalui penambahbaikan kepada **kriteria dan kaedah pembayaran elaun**.

74. Pemberian elaun adalah berdasarkan kriteria elaun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam memastikan tujuan pemberian elaun berkenaan menepati keperluan perkhidmatan, kriteria yang berkuat kuasa dalam SSM telah ditambah baik seperti yang berikut:

(a) **sara hidup** iaitu menampung sebahagian keperluan perbelanjaan hidup pegawai selain gaji hakiki;

(b) **tanggungjawab tambahan** iaitu berdasarkan pelaksanaan tugas rasmi / tugas tambahan;

(c) **penempatan** iaitu berdasarkan kedudukan pegawai yang terdedah kepada elemen risiko kerja, kesusahan dan kerumitan tugas;

(d) **kelayakan** iaitu berdasarkan kemahiran dan kompetensi tambahan yang dimiliki pegawai dan tidak dinyatakan dalam syarat kelayakan masuk skim perkhidmatannya; dan

(e) **bayaran balik perbelanjaan** iaitu bayaran atas tuntutan perbelanjaan yang telah dibayar terlebih dahulu oleh pegawai bagi melaksanakan tugas rasmi yang diarahkan.

75. Pembayaran mana-mana elaun hendaklah **diberhentikan** sekiranya—

(a) pegawai tidak melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian elaun;

(b) pegawai tidak ditempatkan di penempatan (perjawatan atau kawasan) yang melayakkan pemberian elaun; atau

(c) pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Jabatan atau tanpa sebab yang munasabah.

76. Pembayaran elaun adalah berdasarkan kelayakan pegawai antaranya mengikut gred, skim perkhidmatan, tempoh masa (jumlah jam, harian atau bulanan), bilangan operasi atau apa-apa bentuk pengiraan yang ditetapkan.

77. Pengiraan pro rata terpakai kepada elaun-elaun yang dibayar secara bulanan sahaja. Keadaan yang melayakkan pembayaran pro rata adalah seperti yang berikut:

(a) tempoh penempatan pegawai di pejabat baharu tidak genap satu (1) bulan kalendar; atau

(b) pegawai diarah menjalankan tugas yang melayakkan pemberian elaun tertentu tidak genap satu (1) bulan kalendar.

78. Kaedah pengiraan pro rata adalah seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Bilangan Hari Menjalankan Tugas*}}{\text{Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan}} \times \text{Kadar Sebulan Elaun}$$

**Pegawai perlu menjalankan tugas sekurang-kurangnya empat (4) jam untuk dikira sebagai satu (1) hari.*

79. Pembayaran elaun menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan. Sekiranya elaun tersebut belum dibayar oleh jabatan asal bagi tempoh sebelum pegawai bertukar ke jabatan baharu, bayaran dalam tempoh tersebut hendaklah dibuat oleh jabatan asal.

Elaun Yang Dimansuh

80. Senarai elaun yang dimansuh seperti di **Lampiran E2.**

Elaun Yang Dipinda Nama

81. Senarai elaun yang dipinda nama seperti di **Lampiran E3.**

Elaun Yang Berkuat Kuasa

82. Jumlah elaun yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam adalah sebanyak 130 dan 91 daripadanya merupakan elaun-elaun yang berkuat kuasa bagi Pekeliling Perkhidmatan ini seperti di **Lampiran E4.**

83. Senarai elaun yang diterima oleh ATM, PDRM, APMM dan SPRM serta pegawai dalam KPT diperincikan melalui pekeliling perkhidmatan masing-masing.

Pegun Kadar Elaun

84. Di bawah SSM, sebanyak tiga (3) elaun yang dibayar berasaskan peratusan daripada gaji hakiki iaitu Bayaran Insentif Pedalaman (BIP), Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) dan Bayaran Imbuhan Wilayah (BIW). Di bawah SSPA, elaun-elaun ini akan pegun pada suatu kadar tetap dan pelaksanaannya adalah seperti yang berikut:

(a) bagi penerima sedia ada, kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA; dan

(b) bagi pegawai lantikan baharu atau pegawai yang baru berkelayakan mulai 1 Disember 2024 akan menerima elaun pada kadar tetap baharu.

85. Perincian pelaksanaan BIP, BIPK dan BIW adalah seperti di **Lampiran E5.**

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) Secara KUP

86. Pegawai yang menerima kadar ITKA yang lebih tinggi (SSM) daripada kadar ITKA yang berkuat kuasa dalam SSPA, pegawai kekal menggunakan kadar ITKA yang lebih tinggi secara KUP.

KEMUDAHAN

Kemudahan Dalam Perkhidmatan Awam

87. Definisi, prinsip dan kriteria pemberian kemudahan di bawah SSPA diperkukuhkan supaya ia lebih objektif dan menyeluruh serta memfokuskan kepada elemen menarik dan mengekalkan bakat. Pengukuhan prinsip dan kriteria serta pewujudan definisi dapat memperkasakan tadbir urus pemberian kemudahan bagi memastikan ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan seterusnya meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Definisi Kemudahan Dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

88. Kemudahan didefinisikan sebagai suatu faedah atau manfaat tambahan selain gaji dan imbuhan yang boleh diberikan atas budi bicara Kerajaan bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan, menarik dan mengekalkan bakat serta menjamin kesejahteraan pegawai.

Objektif Pemberian Kemudahan

89. Pemberian kemudahan dalam perkhidmatan awam adalah menjurus kepada tiga (3) objektif utama seperti yang berikut:

(a) memastikan kesinambungan perkhidmatan supaya penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah terjamin, produktif dan berkesan;

(b) menarik dan mengekalkan bakat supaya dapat mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing dalam perkhidmatan awam; dan

(c) memelihara kesejahteraan pegawai dengan meningkatkan kualiti kesihatan dan keseimbangan hidup, menyokong pelaksanaan tanggungjawab sosial serta menjaga imej dan status.

Prinsip dan Kriteria Pemberian Kemudahan

90. Kemudahan diperuntukkan berdasarkan empat (4) prinsip iaitu holistik, khusus, dinamik dan bersasar dengan perincian seperti di **Lampiran F1**.

91. Kriteria pemberian kemudahan kepada pegawai diperkemas dan diperhalusi supaya lebih jelas dan objektif berdasarkan lima (5) kriteria seperti yang berikut:

(a) budaya kerja produktif bagi meningkatkan prestasi pegawai, pencapaian dan penambahbaikan organisasi secara berpanjangan;

(b) motivasi melaksanakan tugas kepada pegawai yang memikul tanggungjawab dan risiko dalam melaksanakan tugas hariannya supaya pegawai lebih bermotivasi dan bersemangat untuk meningkatkan prestasi perkhidmatannya;

(c) kesihatan dan keseimbangan hidup bagi menyokong usaha mencapai keseimbangan hidup dan penjagaan kesihatan secara keseluruhannya;

(d) tanggungjawab sosial pegawai diperkasa melalui pemberian kemudahan agar dapat menyokong pembangunan ummah, memperkasakan perpaduan dan keharmonian masyarakat; dan

(e) imej dan status diberi perhatian bagi menjaga kedudukan pegawai pada pandangan masyarakat umum di samping memperkukuh posisi dan tanggungjawab dalam struktur organisasi perkhidmatan awam.

Pemberian Kemudahan Baharu

92. Terdapat dua (2) kemudahan baharu di bawah SSPA yang diwujudkan bagi memelihara kesejahteraan pegawai dengan mengimbangi kehidupan dan keperluan tugas seperti yang berikut:

(a) **Kemudahan Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan**

Pemberian kemudahan vaksin diberikan kepada pegawai yang diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk mengambil vaksin atas sebab keperluan perkhidmatan/keperluan melaksanakan tugas. Jenis vaksin dan kadar pemberian adalah berdasarkan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(b) **Cuti Tanpa Rekod Kelompok**

Pewujudan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok yang lebih fleksibel dengan bilangan hari maksimum 20 hari setahun kalendar merupakan gabungan 13 CTR sedia ada dengan tujuh (7) CTR baharu. Pegawai boleh mengambil mana-mana jenis CTR Kelompok mengikut syarat yang ditetapkan dan mengatur bilangan hari CTR yang diambil mengikut keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

Penambahbaikan Kemudahan

93. Kemudahan sedia ada yang ditambah baik melibatkan perubahan kepada syarat, kadar dan nama seperti yang berikut:

(a) **Pakaian Seragam dan Pakaian Keperluan Tugas**

Kemudahan Pakaian Seragam disusun semula kepada Pakaian Seragam dan Pakaian Keperluan Tugas. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(b) **Bantuan Baju Kot**

Kadar Bayaran Baju Kot Kepada Pegawai Yang Bertugas Di Mahkamah telah ditambah baik daripada RM250 sehelai kepada RM500 tanpa had bilangan helai baju. Kemudahan Bayaran Baju Kot Kepada Pegawai Yang Bertugas Di Mahkamah dan Bantuan Pakaian Blazer digabungkan menjadi Bantuan Baju Kot. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(c) **Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah**

Nama Elaun Pakaian Seragam (Istiadat) yang diperuntukkan kepada Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah dipinda kepada Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah. Peruntukan kepada Pegawai Syariah ditambah baik supaya boleh menerima kedua-dua Bantuan Baju Kot dan Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(d) **Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja**

Nama kemudahan ini dipinda daripada Pakaian Panas Bilik Komputer kepada Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja. Kadar sedia ada sebanyak RM150 ditambah baik kepada sebanyak RM200. Pemberian kemudahan ini diperluaskan kepada mana-mana pegawai yang bertugas di persekitaran kerja yang diselenggara di bawah suhu 20 darjah Celcius. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(e) **Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan**

Kemudahan pemeriksaan kesihatan dipanjangkan kepada pegawai yang diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan atas sebab keperluan perkhidmatan atau keperluan melaksanakan tugas. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(f) **Kemudahan Perubatan Bagi Anak Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Masih Mendapat Pendidikan Melebihi Umur 21 Tahun**

Pemberian kemudahan perubatan untuk keluarga pegawai ditambah baik dengan pemanjangan had umur anak pegawai yang masih mendapat pendidikan menuju Ijazah Pertama daripada 21 tahun kepada 26 tahun. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(g) **Tambang Ziarah Wilayah**

Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal digantikan dengan Tambang Ziarah Wilayah. Kemudahan ini juga ditambah baik merangkumi perkara yang berikut:

(i) syarat kelayakan dipinda daripada pegawai bertukar wilayah berdasarkan wilayah kelahiran ibu atau bapa kepada pegawai yang berkhidmat di suatu wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu atau bapa;

(ii) tempoh kelayakan dipinda daripada satu (1) tahun perkhidmatan kepada satu (1) tahun kalendar; dan

(iii) pegawai layak disediakan kemudahan tambang untuk melawat pasangan dan anak yang menetap di wilayah selain wilayah menetap ibu atau bapa tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu atau bapa.

Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(h) **Tambang Ihsan Wilayah**

Kemudahan Tambang Ihsan untuk menziarah ibu, bapa, ibu mentua atau bapa mentua yang sakit tenat/meninggal dunia digantikan dengan Tambang Ihsan Wilayah. Kemudahan ini juga ditambah baik dengan pindaan syarat kelayakan daripada pegawai bertukar wilayah berdasarkan wilayah kelahiran ibu atau bapa kepada pegawai yang berkhidmat di suatu wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu atau bapa. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(i) **Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah**

Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang untuk mengiringi jenazah pegawai atau keluarga yang meninggal dunia di wilayah berkhidmat digantikan dengan Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah. Kemudahan ini juga ditambah baik dengan pindaan syarat kelayakan daripada pegawai bertukar wilayah berdasarkan wilayah kelahiran ibu atau bapa kepada pegawai yang berkhidmat di suatu wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu atau bapa. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(j) **Dasar Bekerja Dari Rumah**

Kemudahan Bekerja Dari Rumah (BDR) ditambah baik merangkumi perkara yang berikut:

(i) memperuntukkan elemen permohonan oleh pegawai untuk menggunakan kemudahan ini berbanding peraturan terdahulu di mana BDR hanya boleh digunakan apabila terdapat arahan atau kebenaran daripada Kerajaan atau Ketua Jabatan sahaja; dan

(ii) selain daripada tempat tinggal yang didaftarkan dalam sistem HRMIS, pegawai juga boleh BDR di mana-mana lokasi yang bersesuaian sebagai tempat bekerja tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan.

Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(k) **Waktu Bekerja Bukan Pejabat**

Jumlah jam bekerja bagi Waktu Bekerja Bukan Pejabat ditambah baik dengan menyamakan dengan jumlah jam Waktu Bekerja Pejabat iaitu 45 jam seminggu termasuk rehat. Ketua Jabatan boleh menyusun jadual waktu bekerja pegawainya antara empat (4) hingga enam (6) hari seminggu dan hari rehat antara satu (1) hingga tiga (3) hari seminggu. Pelaksanaan waktu bekerja ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(l) **Cuti Separuh Gaji**

Kemudahan Cuti Separuh Gaji sedia ada yang diberikan atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat meliputi keluarga pegawai sendiri (isteri/suami dan anak-anak), ibu bapa, adik-beradik, ibu bapa mentua, nenek dan datuk pegawai diperluaskan kepada ibu bapa angkat, ibu bapa tiri, anak angkat, anak pelihara, anak angkat *de facto* dan anak tiri tanggungan. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

(m) **Cuti Menjaga Anak**

Kemudahan Cuti Menjaga Anak dipanjangkan kepada pegawai lelaki yang mempunyai anak kandung, anak tiri tanggungan, anak angkat *de facto*, anak angkat atau anak pelihara. Tempoh cuti yang dibenarkan terhad sehingga satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai umur lima (5) tahun, mengikut mana-mana yang terdahulu. Pelaksanaan pemberian kemudahan ini boleh dirujuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.

94. Sebanyak 58 kemudahan sedia ada dikekalkan tanpa pindaan seperti di **Lampiran F2**. Penjenamaan semula nama kemudahan juga dibuat ke atas beberapa kemudahan yang dikekalkan ini.

PENGURUSAN BAKAT

Penilaian Prestasi

95. Sistem penilaian prestasi baharu MyPERFORMANCE diperkenalkan bagi memperkukuh pengurusan bakat dan penyampaian perkhidmatan awam. Pembangunan MyPERFORMANCE adalah berasaskan kepada aspek kompetensi dan nilai serta menitikberatkan lima (5) prinsip iaitu adil, objektif, telus, relevan dan kebolehasingan.

96. MyPERFORMANCE merangkumi komponen dan elemen prestasi baharu seperti di **Jadual 8.**

Jadual 8: Komponen dan Elemen Prestasi di bawah MyPERFORMANCE

Komponen	Elemen Prestasi
Generik	1. Kompetensi Tingkah Laku 2. Nilai Sepunya 3. Penglibatan dan Sumbangan
Fungsian	1. Penghasilan Kerja 2. Kompetensi Fungsian

97. Elemen prestasi ini adalah berdasarkan kepada fungsi dan peranan jabatan serta keperluan semasa perkhidmatan awam di mana setiap elemen akan dinilai secara sistematik termasuk mengambil kira setiap peringkat penilaian bagi memastikan hasil penilaian yang lebih menyeluruh dan berkesan. Hasil penilaian akan digunakan untuk pelbagai urusan sumber manusia ke arah menggalakkan budaya kerja yang produktif dan organisasi berprestasi tinggi.

98. Bagi menggalakkan amalan memberi maklum balas secara berterusan dalam kalangan pegawai, platform *Career Development Conversation* (CDC) turut diperkenalkan sebagai medium yang membolehkan maklum balas secara terpandu berkaitan aspek prestasi dan pembangunan kerjaya pegawai dapat dilakukan pada bila-bila masa.

99. Pelaksanaan MyPERFORMANCE diperincikan melalui panduan yang berasingan.

Prinsip Ganjaran Berasaskan Prestasi dan Tatakelakuan

100. Selaras dengan hasrat untuk memastikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam dan menjaga kesejahteraan pegawai, prinsip pemberian ganjaran berasaskan prestasi dan tatakelakuan diperkenal di bawah SSPA melalui penambahbaikan kriteria kelayakan PGT dan pemberian insentif berasaskan prestasi.

Penambahbaikan Kriteria Kelayakan Pemberian PGT

101. Penetapan kelayakan pemberian PGT berdasarkan peraturan sedia ada adalah berdasarkan penilaian prestasi atau tempoh kategori cuti yang diluluskan kepada pegawai dalam tahun penilaian tersebut. Namun, terdapat pegawai yang mempunyai kes pelanggaran tatakelakuan turut diberikan kenaikan gaji tahunan. Oleh itu, bagi memastikan prinsip keadilan dalam pertimbangan kelayakan pemberian PGT, tapisan tatatertib dijadikan kriteria tambahan selain daripada kriteria lain yang ditetapkan.

102. Dalam hal ini, dasar kelayakan pemberian PGT ditambah baik dengan memperkenalkan Prinsip Ganjaran Berasaskan Prestasi dan Tatakelakuan. Melalui dasar ini, kelayakan pemberian PGT bagi seseorang pegawai hendaklah dipertimbangkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia berdasarkan kepada penilaian prestasi, tempoh kategori cuti yang diluluskan dan tatakelakuan pegawai dalam tahun penilaian.

103. Kelayakan pemberian PGT diperincikan melalui panduan yang berasingan.

Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi

104. Bagi mengiktiraf pegawai yang mencapai prestasi baik dan telah berkhidmat untuk tempoh tertentu di gred semasa, insentif berasaskan prestasi diperkenalkan untuk meningkatkan tahap motivasi dan produktiviti dalam kalangan pegawai.

105. Pemberian insentif ini melibatkan pegawai Kumpulan Pelaksana yang berada di Gred 3, Gred 4, Gred 7 dan Gred 8 yang memenuhi semua kriteria yang ditetapkan. Kadar insentif yang diberikan adalah mengikut kadar KGT atas gred pegawai.

106. Pelaksanaan pemberian insentif ini diperincikan melalui panduan yang berasingan.

Pengiktirafan

107. Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) dan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah salah satu bentuk pengiktirafan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang cemerlang berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam dan membudayakan prestasi kerja yang tinggi dalam kalangan pegawai awam, penambahbaikan dibuat dari aspek bilangan penerima anugerah dan asas pertimbangan seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9: Bilangan Penerima Penganugerahan P.P.C. dan Pemberian APC

Pengiktirafan	Bilangan Penerima
Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)	Ditentukan oleh JPA
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	8% daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian

108. Bilangan penerima P.P.C. akan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Induk P.P.C. yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

109. Bagi memastikan pengiktirafan dan penganugerahan kepada pegawai dilaksanakan dengan lebih inklusif, adil dan telus, penambahbaikan dibuat ke atas syarat kelayakan dan asas pertimbangan berdasarkan komponen dan wajaran baharu.

110. Panel Pembangunan Sumber Manusia diperuntukkan kuasa untuk mewujudkan bentuk pengiktirafan lain yang bersesuaian kepada pegawai yang berprestasi tinggi.

111. Penganugerahan P.P.C., pemberian APC dan pengiktirafan lain diperincikan melalui panduan yang berasingan.

KEMAJUAN KERJAYA

112. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi menangani isu kemajuan kerjaya pegawai perkhidmatan awam antaranya kaedah kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK), kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan dan kenaikan pangkat secara Khas untuk Penyandang (KUP).

113. Bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional tertentu, kaedah kemajuan kerjaya pegawai ditambah baik melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berikut:

(a) kenaikan pangkat secara *one-off* untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

(b) penambahbaikan laluan kemajuan kerjaya bagi skim perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains secara kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan dengan kriteria kecemerlangan;

(c) peluasan jawatan gred fleksi; dan

(d) kemajuan kerjaya secara Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* - SME).

Kenaikan Pangkat Secara *One-Off* Untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional

114. Kenaikan pangkat secara *one-off* dilaksanakan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang mana skim perkhidmatannya diperuntukkan kenaikan pangkat hanya tertakluk kepada kekosongan jawatan sahaja. Urusan ini melibatkan pegawai di Gred 9, Gred 10 dan Gred 12 untuk dipertimbangkan ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama.

115. Pegawai yang layak dipertimbangkan adalah pegawai yang menerima opsyen SSPA serta memenuhi syarat yang ditetapkan dari segi prestasi, tempoh perkhidmatan dan syarat kenaikan pangkat lain sehingga 30 November 2024.

116. Pelaksanaan kenaikan pangkat secara *one-off* ini akan diperincikan melalui panduan yang berasingan.

Penambahbaikan Laluan Kemajuan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains Secara Kenaikan Pangkat Tanpa Kekosongan Jawatan Dengan Kriteria Kecemerlangan

117. Prinsip kenaikan pangkat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan secara jawatan gred fleksi seperti mana yang telah diberikan kepada skim-skim perkhidmatan antaranya Pensyarah Universiti, Pegawai Penyelidik dan Akauntan dipanjangkan kepada skim-skim perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains.

118. Dalam melaksanakan urusan ini, Ketua Perkhidmatan perlu mewujudkan kriteria kecemerlangan yang boleh digunakan sebagai kaedah tapisan untuk kenaikan pangkat dan mengemukakannya kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.

119. Selaras dengan laluan kenaikan pangkat berasaskan kriteria kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat melaksanakan tugas tambahan di gred kenaikan pangkat yang baharu.

120. Bagi urusan perjawatan termasuk pewujudan jawatan KUP atau jawatan gred fleksi, Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA untuk melaksanakan perubahan perjawatan skim perkhidmatan dalam Waran Perjawatan sedia ada.

Kemajuan Kerjaya Melalui Peluasan Jawatan Gred Fleksi

121. Pewujudan jawatan gred fleksi adalah bertujuan untuk menambahbaik kemajuan kerjaya dalam perkhidmatan awam. Ini termasuk memberi peluang meningkatkan mobiliti pegawai, di samping dapat mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan awam. Jawatan gred fleksi memberi keanjalan kepada jawatan yang membolehkan jawatan itu mempunyai lebih dari satu gred pada sesuatu skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.

122. Di bawah inisiatif SSPA, urusan kemajuan kerjaya melalui peluasan jawatan gred fleksi dikhususkan kepada jawatan yang melibatkan skop fungsi tugas yang bersifat penyelidikan, penggubalan dasar serta pengajaran dan pembelajaran. Peluasan jawatan gred fleksi membolehkan penyandang yang berada di Gred 9 hingga Gred 12 dinaikkan pangkat dan dikekalkan di perjawatan yang sama sehingga empat (4) lapisan gred terhad di Gred 13. Kaedah ini tidak terpakai kepada mana-mana skim perkhidmatan yang telah diperuntukkan kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan.

123. Ketua Jabatan perlu mengenal pasti kesesuaian sesuatu perjawatan bagi pelaksanaan urusan ini dengan mengambil kira keharmonian struktur hierarki, termasuk tugas penyeliaan. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan.

Kemajuan Kerjaya Secara Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* - SME)

124. Pengiktirafan kepakaran ke atas pegawai telah diperkenalkan melalui pelaksanaan kemajuan kerjaya secara laluan Pakar Bidang Khusus - *Subject Matter Expert* (SME). Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi dalam perkhidmatan awam bagi mengurangkan kebergantungan kepakaran daripada pihak luar.

125. Ketua Perkhidmatan bertanggungjawab mengenal pasti bidang dan kriteria kepakaran untuk dipertimbangkan oleh pihak berkuasa kenaikan pangkat yang berkenaan.

126. Pelaksanaan laluan SME adalah melalui urusan pemangkuan/kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan secara KUP tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa kenaikan pangkat yang berkenaan.

127. Pelaksanaan kemajuan kerjaya secara laluan SME ini akan diperincikan melalui panduan berasingan.

LATIHAN

128. Pembangunan latihan berteraskan transformasi minda dan pengukuhan kompetensi bagi membangunkan keupayaan intelektual, kemahiran dan sahsiah dilaksanakan melalui strategi yang berikut:

(a) penajaan dan kemudahan cuti belajar kepada pegawai untuk mengikuti latihan dalam dan luar negara dilaksanakan dengan kemudahan yang ditambah baik dari semasa ke semasa;

(b) pegawai hendaklah mengikuti latihan yang merangkumi aspek kompetensi fungsian di samping kompetensi generik yang diperlukan untuk memenuhi keperluan deskripsi tugas yang ditetapkan; dan

(c) Ketua Jabatan hendaklah mengenal pasti bidang yang perlu diberi keutamaan untuk kepentingan perkhidmatan seperti pengurusan dan kepimpinan, kemahiran perundingan, komunikasi berkesan, transformasi digital, hubungan antarabangsa dan bidang baharu selaras dengan perkembangan semasa mengikut keperluan skim perkhidmatan.

129. Kompetensi fungsian merupakan pengetahuan, kemahiran, tatakelakuan dan nilai peribadi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas sesuatu jawatan secara khusus dengan berkesan. Manakala kompetensi generik merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, tatakelakuan dan nilai peribadi yang perlu dimiliki oleh setiap pegawai awam tanpa mengira gred jawatan dan organisasi pegawai awam berkenaan.

130. Pelaksanaan dasar mengenai latihan dalam perkhidmatan awam ini diperincikan melalui panduan yang berasingan.

DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*)

131. Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) kepada pegawai berprestasi rendah merupakan pelengkap kepada kitaran pengurusan bakat untuk mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan awam. Bagi memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan, Dasar Pemisah (*Exit Policy*) sedia ada ditambah baik dari aspek dasar dan prosedur pelaksanaan supaya tindakan tegas untuk mengeluarkan pegawai berprestasi rendah dan bermasalah dapat dilaksanakan dengan adil, cepat dan pantas.

132. Penambahbaikan pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) ini diperincikan melalui panduan yang berasingan.

PERSARAAN DAN FAEDAH PERSARAAN

133. Persaraan pegawai yang telah diberikan taraf berpencen dan pegawai di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [*Akta 227*]. Bagi pegawai di bawah skim pencen, faedah persaraan pegawai tersebut adalah tertakluk kepada Akta 227 manakala pegawai di bawah skim KWSP, faedah

persaraan pegawai tersebut adalah tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*].

TAWARAN OPSYEN

Opsyen

134. Opsyen hanya akan diberikan kepada pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024. Pegawai tetap adalah yang dilantik ke jawatan tetap termasuk pegawai dalam tempoh percubaan atau pegawai yang sedang dalam pertukaran sementara atau peminjaman. Opsyen hendaklah ditawarkan pada gred hakiki pegawai.

135. Bagi pegawai yang bersara, meletak jawatan, ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024, opsyen tidak ditawarkan kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024.

136. Pegawai yang menolak tawaran SSPA akan terus kekal di bawah skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan sedia ada di bawah SSM secara KUP kecuali setelah dinaikkan pangkat dalam skim perkhidmatannya, penyelarasan kepada gred SSPA yang setara hendaklah dibuat dan pegawai adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA.

Tempoh Opsyen

137. Opsyen hendaklah dibuat dalam tempoh **40 hari** mulai **21 Oktober 2024** hingga **30 November 2024**.

138. Tawaran opsyen kepada semua pegawai yang layak akan diuruskan oleh Pengurus Sumber Manusia Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Pengurus Sumber Manusia Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah menyediakan borang opsyen yang berkenaan kepada pegawai mengikut kategori opsyen yang ditetapkan.

139. Pegawai adalah bertanggungjawab untuk membuat pilihan opsyen sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan tawaran opsyen yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan hendaklah mengembalikan borang opsyen berkenaan kepada Ketua Jabatan masing-masing sebelum atau pada 30 November 2024.

Kategori Opsyen SSPA

140. Terdapat lima (5) kategori opsyen seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10: Kategori Opsyen di bawah SSPA

Kategori Opsyen	
A.	**Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dikekalkan**
B.	**Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Dengan Kelayakan Masuk Peringkat SPM**
	B1. Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu;
	B2. Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM; dan
	B3. Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa
C.	**Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa**
D.	**Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM**
E.	**Opsyen Bagi Pegawai Yang Kekal Dalam Skim Perkhidmatan Di Bawah Jawatankuasa Kabinet 1976 dan SSB Serta Jawatan Dihapuskan**

Kategori A: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dikekalkan

141. Pegawai akan dipindahkan ke skim perkhidmatan di bawah SSPA seperti di **Lampiran B1, Lampiran B2, Lampiran B3** dan **Lampiran B4** melalui opsyen SSPA.

142. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran G1**

(b) Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran G2**

(c) Borang Opsyen SSPA - **Lampiran G3**

(d) Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai - **Lampiran G4**

143. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA.**

144. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA **akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Kategori B: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Dengan Kelayakan Masuk Peringkat SPM

145. Kategori ini mensyaratkan skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk di peringkat SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Bagi pegawai yang memiliki kelayakan SPM, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditetapkan.

146. Bagi pegawai yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA, pegawai perlu memenuhi syarat tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang berdasarkan prinsip tempoh pengalaman menggantikan kelayakan akademik SPM. Pegawai dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal di bawah SSM secara KUP sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan. Tempoh pengalaman menggantikan kelayakan akademik yang boleh diambil kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan jawatan semasa yang disandang tidak termasuk mana-mana tempoh yang menghilangkan kekananan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

147. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan pegawai adalah pada tarikh kuat kuasa opsyen bagi pegawai yang memenuhi syarat. Manakala bagi pegawai yang belum memenuhi syarat, tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan pegawai adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.

148. Terdapat **tiga (3) subkategori opsyen** yang terlibat di bawah urusan ini seperti yang berikut:

(a) Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu;

(b) Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM; dan

(c) Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa.

Subkategori B1: Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu

149. Terdapat tujuh (7) skim perkhidmatan yang digabung dan dinaik taraf ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1 seperti di **Jadual 11** dan pegawai akan ditukar lantik melalui opsyen SSPA.

Jadual 11: Skim Perkhidmatan Yang Digabung Ke Skim Perkhidmatan Baharu

Bil.	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
1.	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	**Pembantu Khidmat Am Gred H1**
2.	Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H11, H14, H16, H18	
3.	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
4.	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
5.	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
6.	Penghantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
7.	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	

Pegawai Yang Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

150. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran H1**

(b) Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran H2**

(c) Borang Opsyen SSPA - **Lampiran H3**

(d) Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai - **Lampiran H4**

151. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

152. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

153. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a)	Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran I1**
(b)	Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran I2**
(c)	Borang Opsyen SSPA	- **Lampiran I3**
(d)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai	- **Lampiran I4**

154. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat skim perkhidmatan yang ditetapkan **adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSM secara KUP sehingga pegawai memenuhi syarat tersebut**. Pegawai akan dipindahkan ke skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA **sehari selepas pegawai memenuhi syarat**.

155. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Subkategori B2: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM

156. Terdapat satu (1) skim perkhidmatan yang dinaik taraf dengan kelayakan masuk peringkat SPM seperti di **Jadual 12** dan pegawai akan ditukar lantik melalui opsyen SSPA.

Jadual 12: Skim Perkhidmatan Yang Dinaik Taraf Ke Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM

Bil.	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
1.	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11, U14, U16, U18	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1

Pegawai Yang Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

157. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran J1**

(b) Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran J2**

(c) Borang Opsyen SSPA - **Lampiran J3**

(d) Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai - **Lampiran J4**

158. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

159. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

160. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a)	Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran K1**
(b)	Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran K2**
(c)	Borang Opsyen SSPA	- **Lampiran K3**
(d)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai	- **Lampiran K4**

161. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat skim perkhidmatan yang ditetapkan adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSM secara KUP sehingga pegawai memenuhi syarat tersebut**. Pegawai akan dipindahkan ke **skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan** di bawah SSPA **sehari selepas pegawai memenuhi syarat**.

162. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Subkategori B3: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa

163. Terdapat tiga (3) skim perkhidmatan yang dijumudkan dan pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan seperti di **Jadual 13** melalui opsyen SSPA.

Jadual 13: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa

Bil.	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
1.	Pengawal Keselamatan KP11, KP14, KP16, H18	Pembantu Keselamatan Gred KP1
2.	Pengawas Hutan Gred G11, G14	Pengawas Hutan Gred G1
3.	Pembantu Hidupan Liar Gred G11, G14	Pembantu Hidupan Liar Gred G1

Pegawai Yang Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

164. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran L1**

(b) Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran L2**

(c) Borang Opsyen SSPA - **Lampiran L3**

(d) Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai - **Lampiran L4**

165. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

166. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan Di Bawah SSPA

167. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a)	Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran M1**
(b)	Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran M2**
(c)	Borang Opsyen SSPA	- **Lampiran M3**
(d)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai	- **Lampiran M4**

168. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat skim perkhidmatan yang ditetapkan adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSM secara KUP sehingga pegawai memenuhi syarat tersebut**. Pegawai akan dipindahkan ke skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA **sehari selepas pegawai memenuhi syarat**.

169. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA akan **terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Kategori C: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Ke Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa

170. Terdapat **22 skim perkhidmatan** yang dijumudkan dan pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA melalui opsyen SSPA seperti dalam **Jadual 5**.

171. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a)	Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran N1**
(b)	Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran N2**
(c)	Borang Opsyen SSPA	- **Lampiran N3**
(d)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai	- **Lampiran N4**

172. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

173. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA **akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Kategori D: Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM

174. Pegawai dalam kategori ini adalah pegawai yang berada di **skim perkhidmatan yang dijumudkan di bawah SSM**. Pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan seperti di **Jadual 14** melalui opsyen SSPA.

Jadual 14: Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM

Bil.	Skim Perkhidmatan Dijumudkan Di Bawah SSM	Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa Di Bawah SSPA
1.	Pembantu Pertanian Gred G19, G22, G26	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4
2.	Juruteknik Gred J19, J22, J26	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4
3.	Juruteknik Landskap Gred J19, J22, J26	Pembantu Kemahiran Gred H1, H2, H3, H4
4.	Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1, N2, N3, N4

Bil.	Skim Perkhidmatan Dijumudkan Di Bawah SSM	Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa Di Bawah SSPA
5.	Jaga Gred R1, R4	Pembantu Keselamatan Gred KP1, KP2, KP3, KP4

175. Bagi skim perkhidmatan yang dijumudkan di bawah SSM selain daripada senarai di Jadual 14, Pengurus Sumber Manusia hendaklah mengemukakan permohonan berserta salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang dikemaskini kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA bagi penentuan skim perkhidmatan pegawai di bawah SSPA. Setelah ditentukan skim perkhidmatan yang berkenaan, pegawai akan diberikan borang opsyen untuk membuat pilihan opsyen.

176. Dokumen opsyen yang terlibat seperti berikut:

(a) Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran O1**

(b) Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA - **Lampiran O2**

(c) Borang Opsyen SSPA - **Lampiran O3**

(d) Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai - **Lampiran O4**

177. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

178. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA **akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP** kecuali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan ini.

Kategori E: Opsyen Bagi Pegawai Yang Kekal Dalam Skim Perkhidmatan Di Bawah Jawatankuasa Kabinet 1976 dan SSB serta Jawatan Dihapuskan

179. Pegawai dalam kategori ini adalah pegawai yang masih kekal dalam skim perkhidmatan di bawah Jawatankuasa Kabinet 1976 dan SSB serta jawatan dihapuskan.

180. Pengurus Sumber Manusia hendaklah mengemukakan permohonan berserta salinan Buku Perkhidmatan Perkhidmatan Kerajaan yang dikemas kini kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA bagi penentuan skim perkhidmatan pegawai di bawah SSPA. Setelah ditentukan skim perkhidmatan yang berkenaan, pegawai akan diberikan borang opsyen untuk membuat pilihan opsyen dan seterusnya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA.

181. Dokumen opsyen yang terlibat adalah seperti berikut:

(a)	Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran P1**
(b)	Surat Akuan oleh pegawai mengenai penerimaan Surat Tawaran Opsyen SSPA	- **Lampiran P2**
(c)	Borang Opsyen SSPA	- **Lampiran P3**
(d)	Surat Akuan oleh Ketua Jabatan mengenai penerimaan Borang Opsyen SSPA daripada pegawai	- **Lampiran P4**

182. Pegawai yang **bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA adalah **tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA**.

183. Pegawai yang **tidak bersetuju** untuk menerima opsyen SSPA, jika pegawai di bawah Skim Pencen, pegawai **akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)*(b)* Akta Pencen 1980 [*Akta 227*], atau jika pegawai di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pegawai akan dibersarakan di bawah subseksyen 6A(6) Akta 227 yang dibaca bersama perenggan 10(5)*(b)* Akta 227**.

Syarat Opsyen

184. Opsyen hendaklah dibuat **tanpa syarat** dan **mengikut ketetapan sepertimana yang dinyatakan dalam borang opsyen.** Pegawai disifatkan sebagai **tidak bersetuju menerima opsyen SSPA** sekiranya–

(a) **tidak membuat pilihan**;

(b) **membuat pilihan secara tidak jelas**;

(c) **membuat pilihan dengan bersyarat**;

(d) **membuat pilihan dengan bantahan**;

(e) **membuat pilihan dengan pindaan**; atau

(f) **tidak mengembalikan borang opsyen** kepada Ketua Jabatan tanpa sebarang sebab yang munasabah sebelum atau pada 30 November 2024.

185. Opsyen yang ditawarkan kepada pegawai adalah **berdasarkan kepada maklumat perkhidmatan** dalam borang opsyen. Sekiranya maklumat yang dikemukakan **tidak tepat** dan menyebabkan **tawaran yang salah diberikan**, maka tawaran tersebut hendaklah **dianggap tidak sah dan terbatal**. Ketua Jabatan boleh memberikan borang opsyen baharu kepada pegawai untuk membuat pilihan dan menandatanganinya dalam tempoh 40 hari mulai tarikh pegawai menerima borang opsyen baharu yang berkenaan. Tarikh kuat kuasa opsyen adalah kekal pada 1 Disember 2024.

186. Opsyen **hendaklah dibuat oleh pegawai yang berkenaan**. Sekiranya **terbukti terdapat pegawai lain yang membuat pilihan dan menandatangani borang opsyen bagi pihak pegawai yang berkenaan**, opsyen tersebut hendaklah **dianggap tidak sah dan terbatal**. Ketua Jabatan boleh memberikan borang opsyen baharu kepada pegawai untuk membuat pilihan dan menandatanganinya dalam tempoh 40 hari mulai tarikh pegawai menerima borang opsyen baharu yang berkenaan. Tarikh kuat kuasa opsyen adalah kekal pada 1 Disember 2024.

Pelaksanaan Opsyen

187. Penetapan urusan perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) Pegawai dalam Tempoh Percubaan

Bagi pegawai yang dilantik tetap tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan mulai tarikh kuat kuasa SSPA dan bersetuju menerima SSPA, tempoh percubaan pegawai adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

(b) Pengesahan dalam Perkhidmatan

(i) Bagi pegawai yang masih dalam tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

(1) pegawai boleh disahkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa SSPA tertakluk telah berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun atau lebih, dan memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan di bawah SSPA; atau

(2) pegawai yang telah berkhidmat dalam tempoh percubaan selama tiga (3) tahun tetapi belum memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan, dibenarkan untuk menghabiskan baki tempoh percubaan yang dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Melantik dan pegawai boleh disahkan sekiranya telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan di bawah SSPA.

(ii) Urusan pengesahan dalam perkhidmatan bagi pegawai yang ditukar lantik adalah seperti yang berikut:

(1) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal dan memenuhi syarat pertukaran pelantikan disifatkan telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan baharu sehari selepas tarikh kuat kuasa pertukaran

pelantikan. Maklumat pengesahan dalam perkhidmatan pegawai hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai; atau

(2) pegawai yang masih dalam tempoh percubaan dan telah memenuhi syarat pertukaran pelantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan di jawatan baharu sehari selepas memenuhi syarat-syarat berikut:

a. memenuhi tempoh percubaan minimum dengan mengambil kira tempoh percubaan yang telah dilalui di jawatan asal; dan

b. memenuhi syarat pengesahan lain yang ditetapkan di jawatan baharu. Sekiranya pegawai telah memenuhi semua syarat di jawatan asal, syarat pengesahan lain di jawatan baharu dikecualikan. Pegawai yang telah memenuhi sebahagian syarat pengesahan yang ditetapkan di jawatan asal, hanya perlu memenuhi sebahagian syarat di jawatan baharu.

(c) Penetapan Tempoh Perkhidmatan Bagi Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Yang Diperuntukkan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

(i) Bagi pegawai di dalam skim perkhidmatan yang dipinda syarat kelayakan masuk daripada PT3/PMR ke SPM, tempoh perkhidmatan pegawai dalam skim perkhidmatan asal tidak boleh diambil kira bagi kenaikan pangkat secara TBK.

(ii) Bagi pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama), tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan diambil kira.

(iii) Bagi pegawai yang kekal dalam skim perkhidmatan yang sama, tempoh perkhidmatan pegawai dalam skim perkhidmatan tersebut boleh diambil kira bagi kenaikan pangkat secara TBK.

(d) Penetapan Tempoh Pemangkuan Pegawai Yang Sedang Memangku

Bagi pegawai yang sedang memangku dalam skim perkhidmatan asal, pegawai boleh meneruskan pemangkuan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa kenaikan pangkat yang berkenaan.

(e) Penetapan Kekananan

Penetapan kekananan adalah seperti berikut:

(i) kekananan pegawai di jawatan asal dikekalkan, jika—

(1) dipindahkan ke skim perkhidmatan yang sama dan gred yang setara;

(2) ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu diwujudkan; dan

(3) ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berlainan dan gred yang setara.

(ii) kekananan pegawai dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan jika ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berlainan dan gred yang tidak setara.

188. Pelaksanaan opsyen bagi pegawai dalam keadaan tertentu adalah seperti berikut:

(a) Pegawai Yang Ditukar Sementara

(i) Bagi pegawai yang sedang dalam tempoh pelantikan secara pertukaran sementara—

(1) opsyen hendaklah ditawarkan oleh Ketua Jabatan terkini;

(2) bagi pegawai yang menerima opsyen, pelantikan semula atas skim perkhidmatan dan gred yang berkuat kuasa di

bawah SSPA perlu dibuat dengan Ketua Jabatan mengemukakan permohonan kepada Ketua Perkhidmatan mengikut baki tempoh pertukaran sementara sedia ada;

5. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A6 yang kosong apabila telah:

   (a) disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A7

6. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A7 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A8

7. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A8 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A9

8. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2021 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2021).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAUT

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**AL9, AL10, AL12, AL13, AL14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Maritim yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,580.00); atau

   (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Nautical Studies* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,690.00); atau

   (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Laut yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,690.00); atau

   (iv) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Arkitek Laut yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,910.00); atau

   (v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,910.00); atau

   (vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM2,910.00); atau

   (vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM3,460.00); atau

(viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AL9: RM3,460.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred AL9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AL10

6. Pegawai Laut Gred AL9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL10 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AL12

7. Pegawai Laut Gred AL10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL12 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AL13

8. Pegawai Laut Gred AL12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL13 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AL14

9. Pegawai Laut Gred AL13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL14 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Pegawai Laut Gred AL14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Laut yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI LAUT

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**A5, A6, A7, A8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,731.00); atau

   (ii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,812.00); atau

   (iii) Diploma dalam bidang Pengurusan Maritim yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,893.00); atau

   (iv) Diploma Teknologi dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,974.00); atau

   (v) Diploma dalam bidang Sains Nautika yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,974.00); atau

   (vi) *Chief Mate of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,974.00); atau

   (vii) *Second Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM1,974.00); atau

   (viii) Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Laut yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,055.00); atau

(ix) *Master of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,055.00); atau

(x) *Chief Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,055.00); atau

(xi) *Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,136.00); atau

(xii) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,136.00); atau

(xiii) *Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,217.00); atau

(xiv) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,217.00); atau

(xv) *Officer In Charge of a Navigational Watch of 500 GT or more on Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,379.00); atau

(xvi) *Officer In Charge of an Engineering Watch of 750 kW or more on Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,379.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A6

6. Penolong Pegawai Laut Gred A5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A6 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A7

7. Penolong Pegawai Laut Gred A6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A8

8. Penolong Pegawai Laut Gred A7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI LAUT GRED AL9

9. Penolong Pegawai Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred AL9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU LAUT

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**A1, A2, A3, A4**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,500.00); atau

   (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,500.00); atau

   (iii) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,561.00); atau

   (iv) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,561.00); atau

   (v) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,622.00); atau

   (vi) *Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A1: RM1,683.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A2

5. Pembantu Laut Gred A1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A2 yang kosong apabila telah:

   (a) disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A3

6. Pembantu Laut Gred A2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A3 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

   (c) memiliki *Master Of Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau *Officer In Charge Of Engineering Watch of 750 kW or More Near Coastal Trade Voyages*; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A4

7. Pembantu Laut Gred A3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A4 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

   (c) memiliki sijil kecekapan *Officer In Charge of Navigational Watch Of 500 GT or More Near Coastal Trade Voyages* atau lulus peperiksaan khas; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI LAUT GRED A5

8. Pembantu Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Laut yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
JURUTERBANG/PEMERIKSA JURUTERBANG

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**AT9, AT10, AT12, AT13, AT14**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**AT10, AT12, AT13, AT14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Lesen Juruterbang Perdagangan dan *Instrument Rating* yang diiktiraf oleh Kerajaan dan mempunyai sekurang-kurangnya 500 jam pengalaman penerbangan sebagai *Pilot in Command* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AT9: RM2,690.00); atau

   (ii) Kategori C - *Captain Transport Aircraft* dengan mempunyai pengalaman penerbangan 750 jam dari Tentera Udara Diraja Malaysia dan *Instrument Rating* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AT9: RM2,690.00); atau

   (iii) Lesen Penerbangan Komersil dan *Instrument Rating* (CPL/IR) dan 1,500 jam penerbangan dan memiliki 250 jam pengalaman pesawat *Twin Engine* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AT9: RM3,020.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN JURUTERBANG/ PEMERIKSA JURUTERBANG GRED AT10, AT12, AT13 ATAU AT14

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT10, AT12, AT13 atau AT14 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

   (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2;

   (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

   (c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.

   (Gaji permulaan lantikan pada Gred AT10: RM3,840.00/

   Gaji permulaan lantikan pada Gred AT12: RM5,530.00/

   Gaji permulaan lantikan pada Gred AT13: RM6,210.00/

   Gaji permulaan lantikan pada Gred AT14: RM6,560.00).

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN/ PENILAIAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan/penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan;

(c) lulus peperiksaan/penilaian yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT10

6. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT10 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT12

7. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT12 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT13

8. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT13 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT14

9. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEMERIKSA KAPAL TERBANG

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**AT9, AT10, AT12, AT13, AT14**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**AT10, AT12, AT13, AT14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Penerbangan, Elektrik atau Elektronik) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AT9: RM2,690.00); atau

   (ii) *Aircraft Maintenance Engineer's Licence* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred AT9: RM2,690.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan

   (b) had umur pelantikan:

   (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

   (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

   (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEMERIKSA KAPAL TERBANG GRED AT10, AT12, AT13 ATAU AT14

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT10, AT12, AT13 atau AT14.

   (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2;

   (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

(c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred AT10: RM3,840.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred AT12: RM5,530.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred AT13: RM6,210.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred AT14: RM6,560.00).

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

5. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus lain yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT10

7. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT10 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT12

8. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT12 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT13

9. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT13 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT14

10. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

11. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemeriksa Kapal Terbang yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEMERIKSA KAPAL TERBANG

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**A5, A6, A7, A8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Diploma Kejuruteraan (Aeronautik, Elektrik, Elektronik atau Mekanikal) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,055.00); atau

   (ii) bekas anggota polis atau tentera udara yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya yang telah:

   (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mempunyai pengalaman dalam bidang penyelenggaraan *air-frame*, enjin, elektrik, instrumen atau radio kapal terbang; dan

   (c) lulus Peperiksaan Khas anjuran Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

   (Gaji permulaan ialah pada Gred A5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A6

5. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A6 yang kosong apabila telah:

   (a) disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A7

6. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED A8

7. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMERIKSA KAPAL TERBANG GRED A9

8. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred A9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEMERIKSA KERETA MOTOR

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN	:	**AB1, AB2, AB3, AB5, AB6, AB7, AB8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED AB1

(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai mekanik kenderaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB1: RM1,500.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB1: RM1,561.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB1: RM1,622.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED AB5

(b) (i) Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Jentera atau Automotif atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB5: RM1,731.00); atau

(ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB5: RM1,731.00); atau

(iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB5: RM1,812.00); atau

(iv) Diploma Teknologi dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB5: RM1,974.00); atau

(v) Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Jentera atau Automotif yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AB5: RM2,055.00).

(c) mempunyai Lesen Memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 dan Lesen Memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan yang sah dan bersih serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki kedua-dua lesen tersebut selama tidak kurang daripada 1 tahun.

dan (d) lulus ujian-ujian fizikal yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c) mempunyai Lesen Memandu Kelas B yang sah dan memiliki Lesen Memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB2

5. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB2 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB3

6. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB3 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB5

7. (a) Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1 dan Gred AB2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5 yang kosong apabila telah:

      (i) disahkan dalam perkhidmatan;

      (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b);

      (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

      (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

      (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

   (b) Pemeriksa Kereta Motor Gred AB3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5 yang kosong apabila telah:

      (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

      (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

      (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB6

8. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB6 yang kosong apabila telah:

   (a) disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB7

9. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB7 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED AB8

10. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB8 yang kosong apabila telah:

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA5 ATAU PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP5

11. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1, AB2 atau AB3 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5 atau Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN JURUTERA GRED J9 ATAU PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP9

12. Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 atau AB8 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9 atau Pegawai Penguat Kuasa Gred KP9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
AHLI MUZIK

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**BAKAT DAN SENI**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN	:	**B1, B2, B3, B5, B6, B7, B9, B10, B12, B13, B14**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**B2, B3, B6, B7, B10, B12, B13, B14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1

(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,561.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,622.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B5

(b) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iv) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(v) Diploma dalam bidang Seni Muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B9

(c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,250.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Seni Muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(a)(v), 1(b)(ii), 1(b)(iii), 1(b)(iv), 1(b)(v) dan 1(c)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B2 ATAU GRED B3

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B2 atau B3 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B2: RM2,220.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B3: RM2,790.00).

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B6 ATAU GRED B7

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B6 atau B7 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B6: RM3,080.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B7: RM3,810.00).

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B10, B12, B13 ATAU B14

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B10, B12, B13 atau B14 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B10: RM3,840.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B12: RM5,530.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B13: RM6,210.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B14: RM6,560.00).

SYARAT UJIAN KHAS

6. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED

9. Ahli Muzik adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Ahli Muzik yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Ahli Muzik Gred B14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Ahli Muzik yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**BAKAT DAN SENI**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN	:	**B1, B2, B3, B5, B6, B7, B9, B10, B12, B13, B14**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**B2, B3, B6, B7, B10, B12, B13, B14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1

(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,561.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,622.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B5

(b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iv) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B9

(c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,250.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,250.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(ii) Diploma dalam bidang berkaitan dan Sijil Kursus Perguruan Lepasan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG5: RM1,974.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG9

(b) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,360.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,580.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,580.00); atau

(iv) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM3,130.00); atau

(v) Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM3,460.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG6

5. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG6 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG6

6. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG6 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di Gred DG5;

(d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG7

7. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG7

8. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG7 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 13 tahun di Gred DG6:

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG8

9. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG9

10. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5, DG6, DG7 dan DG8 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memiliki kelayakan di perenggan 1(b); dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG10

11. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG10

12. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di Gred DG9;

(d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG12

13. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG12 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG12

14. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG12 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di Gred DG10;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG13

15. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG13 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG13

16. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG13 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun di Gred DG12;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG14

17. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG14 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG14

18. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG14 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di Gred DG13;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

19. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG14 yang menunjukkan kecemerlangan terkemuka mutunya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

20. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN	:	**DH5, DH6, DH8, DH9, DH10, DH12, DH13, DH14**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**DH6, DH8, DH10, DH12, DH13, DH14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH5

(a) (i) Diploma Perguruan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM1,893.00); atau

(ii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM1,893.00); atau

(iii) Diploma dalam bidang berkaitan dan Sijil Kursus Perguruan Lepasan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM1,974.00); atau

(iv) Diploma Pertanian, Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah, Diploma Ukur Bangunan, Diploma Perancang Bandar dan Wilayah atau Diploma Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM1,974.00); atau

(v) Diploma Pertanian, Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah, Diploma Ukur Bangunan, Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah atau Diploma Seni Bina Landskap dan Sijil Kursus Perguruan Lepasan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM2,055.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH9

(b) (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,470.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,580.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,580.00); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,580.00); atau

(v) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,690.00); atau

(vi) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,580.00); atau

(vii) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,690.00); atau

(viii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan, Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah, Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan, Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap atau Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,690.00); atau

(ix) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan, Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah, Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan, Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap atau Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,800.00); atau

(x) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM2,910.00); atau

(xi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,020.00); atau

(xii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,130.00); atau

(xiii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,240.00); atau

(xiv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,240.00); atau

(xv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,350.00); atau

(xvi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,350.00); atau

(xvii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,460.00); atau

(xviii) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,020.00); atau

(xix) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,130.00); atau

(xx) Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,350.00); atau

(xxi) Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH9: RM3,460.00).

[Senarai badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1(xiv) adalah seperti di **Lampiran B11B**].

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a) dan 1(b) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI GRED DH6 ATAU GRED DH8

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH6 atau DH8 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2;

(b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan

(c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH6 ATAU GRED DH8 TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH6 atau DH8 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH6: RM3,080.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH8: RM5,390.00).

PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH6 ATAU GRED DH8 BERSERTA IKHTISAS PENDIDIKAN

5. Calon-calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH6: RM3,161.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH8: RM5,5471.00).

SYARAT LANTIKAN TERUS KE PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI GRED DH10, DH12, DH13 ATAU DH14

6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH10, DH12, DH13 atau DH14 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2;

(b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan

(c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH10, DH12, DH13 ATAU DH14 TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN

7. Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH10: RM3,840.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH12: RM5,530.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH13: RM6,210.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH14: RM6,560.00).

PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH10, DH12, DH13 ATAU DH14 BERSERTA IKHTISAS PENDIDIKAN

8. Calon-calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH10: RM3,950.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH12: RM5,640.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH13: RM6,320.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH14: RM6,670.00).

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH6

11. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH6 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH8

12. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH8 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH9

13. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH5, DH6 dan DH8 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH9 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) memiliki kelayakan di perenggan 1(b);

    (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH10

14. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH10 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH12

15. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH12 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH13

16. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH13 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH14

17. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

18. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH UNIVERSITI

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**DS11, DS13, DS14,** **Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,** **Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**DS11, DS13, DS14, Gred Khas C**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS11

(a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Veterinar dan Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau

(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Bahagian I Jadual Kedua Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) dan Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,650.00); atau

(v) Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,650.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS13

(b) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a);

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA)

(c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a);

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS14: RM6,560.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a);

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS13

5. Pensyarah Universiti Gred DS11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS13 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA)

6. Pensyarah Universiti Gred DS13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)

7. Pensyarah Universiti Gred DS14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)

8. Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)

9. Pensyarah Universiti Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS11 KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

10. Pensyarah Universiti Gred DS11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DS14.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS11 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

11. Pensyarah Universiti Gred DS11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS13 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

12. Pensyarah Universiti Gred DS13 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

13. Pensyarah Universiti Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)

14. Pensyarah Universiti Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)

15. Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)

16. Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF

17. Pensyarah Universiti Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

    (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH PERUBATAN

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**DU13P, DU13, DU14, DU15,** **Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,** **Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**DU13, DU14, DU15, Gred Khas C**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU13P

(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU13P: RM4,430.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU13

(b) (i) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU13: RM6,210.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU13: RM6,540.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU13: RM6,540.00).

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU14 (PROFESOR MADYA)

(c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(b);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(c)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU14: RM6,560.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU15 (PROFESOR MADYA)

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(b);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(d)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU15: RM7,030.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(b);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang terkemuka mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

3. Pensyarah Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pensyarah Perubatan Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;

(c) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;

(d) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

5. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PELARASAN DARI GRED DU13P KE GRED DU13

6. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU13P akan diselaraskan ke Pensyarah Perubatan Gred DU13 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU13P.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DU14 (PROFESOR MADYA)

7. Pensyarah Perubatan Gred DU13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DU15 (PROFESOR MADYA)

8. Pensyarah Perubatan Gred DU14 (Pakar) adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU15 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)

9. (a) Pensyarah Perubatan Gred DU14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(i) disahkan dalam perkhidmatan;

(ii) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(iii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) Pensyarah Perubatan Gred DU15 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(i) disahkan dalam perkhidmatan;

(ii) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(iii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)

10. Pensyarah Perubatan Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)

11. Pensyarah Perubatan Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT GRED DU13 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

12. Pensyarah Perubatan Gred DU13 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

13. Pensyarah Perubatan Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)

14. Pensyarah Perubatan Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)

15. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)

16. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF

17. Pensyarah Perubatan Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

    (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH FARMASI

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**DUF11, DUF13, DUF14,** **Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,** **Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I**
GRED LANTIKAN TERUS	:	**DUF13, DUF14, Gred Khas C**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF11

(a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang Farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF11: RM3,320.00); atau

(ii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF11: RM3,540.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF13

(b) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF13: RM6,210.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF14 (PROFESOR MADYA)

(c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF14: RM6,560.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUF13

5. Pensyarah Farmasi Gred DUF11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF13 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUF14 (PROFESOR MADYA)

6. Pensyarah Farmasi Gred DUF13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF14 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)

7. Pensyarah Farmasi Gred DUF14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)

8. Pensyarah Farmasi Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)

9. Pensyarah Farmasi Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT GRED DUF11 KE GRED DUF14 (PROFESOR MADYA) DALAM KEADAAN ISTIMEWA

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA6

6. Penolong Penguasa Penjara Gred KA5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KA6 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA7

7. Penolong Penguasa Penjara Gred KA6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KA7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA8

8. Penolong Penguasa Penjara Gred KA7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KA8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENGUASA PENJARA GRED KA9

9. Penolong Penguasa Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KA9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENJARA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KA1, KA2, KA3, KA4**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KA1: RM1,500.00); atau

   (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KA1: RM1,500.00); atau

   (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KA1: RM1,561.00); atau

   (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KA1: RM1,622.00).

   dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

   (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

   (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

   (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

   (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

   (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA2

5. Pegawai Penjara Gred KA1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KA2 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA3

6. Pegawai Penjara Gred KA2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KA3 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KA4

7. Pegawai Penjara Gred KA3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KA4 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KA5

8. Pegawai Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KA5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Penjara yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENGUASA BOMBA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**KB9, KB10, KB12, KB13, KB14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,250.00); atau

   (ii) bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Leftenan atau yang setaraf dengannya dan mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai Juruterbang dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(b) dan 1(c).

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,250.00); atau

   (iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,470.00); atau

   (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,580.00); atau

   (v) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,690.00); atau

   (vi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB9: RM2,910.00).

   (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

   (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

dan (c) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(a)(v) dan 1(a)(vi) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c) memiliki Diploma Lanjutan Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB10

6. Penguasa Bomba Gred KB9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB10 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB12

7. Penguasa Bomba Gred KB10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB12 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB13

8. Penguasa Bomba Gred KB12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB13 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB14

9. Penguasa Bomba Gred KB13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB14 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Penguasa Bomba Gred KB14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penguasa Bomba yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA BOMBA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KB5, KB6, KB7, KB8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB5: RM1,731.00); atau

   (ii) bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan yang mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai *Aerofireman Driver Class 1* dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(b) dan 1(c).

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB5: RM1,731.00); atau

   (iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB5: RM1,812.00); atau

   (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB5: RM1,893.00); atau

   (v) Diploma Kejuruteraan atau Diploma Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB5: RM2,055.00).

   (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

   (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

   (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

   (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

dan (c) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(iii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Bomba adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENGECUALIAN

4. Ketua Jabatan/Perkhidmatan mengikut budi bicaranya boleh memberi pengecualian kepada pegawai yang dilantik melalui Peningkatan Secara Lantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Bomba sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada syarat-syarat latihan yang ditetapkan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

5. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c) memiliki Diploma Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB6

7. Penolong Penguasa Bomba Gred KB5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB6 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB7

8. Penolong Penguasa Bomba Gred KB6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB8

9. Penolong Penguasa Bomba Gred KB7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENGUASA BOMBA GRED KB9

10. Penolong Penguasa Bomba yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI BOMBA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KB1, KB2, KB3, KB4**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB1: RM1,500.00); atau

   (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB1: RM1,500.00); atau

   (iii) bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Prebet yang mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai *Aerofireman Driver Class 1* dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(b) dan 1(c).

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB1: RM1,500.00); atau

   (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB1: RM1,561.00); atau

   (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KB1: RM1,622.00).

   (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

   (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

   (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

   (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

dan (c) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c) memiliki Sijil Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB2

5. Pegawai Bomba Gred KB1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB2 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB3

6. Pegawai Bomba Gred KB2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB3 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB4

7. Pegawai Bomba Gred KB3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB4 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB5

8. Pegawai Bomba yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Bomba yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KESELAMATAN

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**KP9, KP10, KP12, KP13, KP14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau

   (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau

   (iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,470.00).

   dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

   (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

   (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

   (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

   (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

   (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

   (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

   (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan seperti di perenggan 1(a)(i) dan 1(a)(iii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP10

6. Pegawai Keselamatan Gred KP9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP10 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP12

7. Pegawai Keselamatan Gred KP10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP12 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP13

8. Pegawai Keselamatan Gred KP12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP13 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP14

9. Pegawai Keselamatan Gred KP13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP14 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Pegawai Keselamatan Gred KP14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Keselamatan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KP5, KP6, KP7, KP8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

(iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

(iv) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

(v) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,893.00).

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iii) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP6

6. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP6 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP7

7. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP7 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP8

8. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP8 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP9

9. Penolong Pegawai Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KESELAMATAN

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KP1, KP2, KP3, KP4**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP2

5. Pembantu Keselamatan Gred KP1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP2 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP3

6. Pembantu Keselamatan Gred KP2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP3 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP4

7. Pembantu Keselamatan Gred KP3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP4 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP5 ATAU PENOLONG PEGAWAI SIASATAN/PEGAWAI SIASATAN GRED P5

8. Pembantu Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP5 atau Penolong Pegawai Siasatan/Pegawai Siasatan Gred P5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Keselamatan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENGUAT KUASA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**KP9, KP10, KP12, KP13, KP14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau

   (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau

   (iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,470.00); atau

   (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,580.00).

   (b) Syarat lantikan untuk kegunaan di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia:

   (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Hortikultur, Pemakanan atau Ijazah Sarjana Muda Sains Perikanan dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,580.00); atau

   (ii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah Ilmu Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,910.00).

dan (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(b)(i) dan 1(b)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 atau AB8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP10

6. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP10 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP12

7. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP12 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP13

8. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP13 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP14

9. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP14 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
GRED JAWATAN	:	**KP5, KP6, KP7, KP8**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

   (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

   (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

   (iv) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

   (v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,893.00); atau

   (vi) Diploma dalam bidang Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,974.00).

   (b) Syarat lantikan untuk kegunaan di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia:

   (i) Sijil Veterinar/Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau

(ii) Diploma dalam bidang Hortikultur, Pemakanan, Kesihatan Haiwan atau Penternakan atau Diploma Veterinar atau Diploma Teknologi Makanan atau Diploma Pertanian atau Diploma Perikanan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,974.00).

dan (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 2. Surat JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (47) bertarikh 19 Disember 2008 3. Surat JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (48) bertarikh 19 Disember 2008 4. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (31) bertarikh 3 Ogos 2018 5. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (32) bertarikh 3 Ogos 2018 6. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (5) bertarikh 27 Februari 2019 7. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (21) bertarikh 6 Disember 2019 8. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (27) bertarikh 17 Mac 2020 9. Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.12(30) bertarikh 10 Julai 2020 10. Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.12(32) bertarikh 27 Julai 2020 11. Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.13(4) bertarikh 21 April 2021 12. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (7) bertarikh 18 Oktober 2021

	13. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (11) bertarikh 14 Disember 2021 14. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (12) bertarikh 14 Disember 2021 15. Surat JPA(S).800-4/2/51 (8) bertarikh 26 Ogos 2024 16. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U4(1) : Kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup Mengikut Kawasan

Bil.	Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
		Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pelaksana
1.	Kawasan A	300.00	350.00
2.	Kawasan B	250.00	300.00
3.	Kawasan Lain	150.00	200.00

Jadual E4-U4(2) : Pengkelasan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Negeri

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Kawasan A	
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Negeri Sembilan	Seremban
Johor	Johor Bahru, Iskandar Puteri dan Pasir Gudang
Kawasan B	
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Segamat, Pontian dan Pengerang
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Port Dickson dan Jempol
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman
Selangor	Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Kuala Langat

Nota : Perubahan kawasan tertakluk kepada penarafan Pihak Berkuasa Tempatan dan kelulusan JPA.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Imbuhan Wilayah</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1988</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Menampung sebahagian kos sara hidup Pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah dan pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkhidmat di negeri masing-masing.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Sara Hidup</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Bayaran Imbuhan Wilayah (BIW) layak dibayar kepada:
a. pegawai yang bertukar wilayah; dan
b. pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkhidmat di wilayah masing-masing.
2. Dibayar kepada pegawai mulai dari tarikh pegawai mengisytiharkan wilayah asal atau tarikh melaporkan diri di wilayah baharu, mengikut mana yang terkemudian.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>1. Penerima sedia ada:
Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIW yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.
2. Pegawai lantikan baharu atau pegawai yang baru berkelayakan mulai 1 Disember 2024 akan menerima elaun pada kadar tetap seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan Tertinggi</td><td>Utama/Khas</td><td>960.00</td></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>360.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>300.00</td></tr>
<tr><td>1 – 4</td><td>270.00</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

	3. Penerima BIW (wilayah asal adalah Sabah/Sarawak/W.P. Labuan) yang menerima kadar BIW lebih rendah daripada kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) mengikut kawasan, pegawai akan menerima BIW pada kadar BISH mengikut kawasan berkenaan (hanya terpakai kepada pegawai yang bertukar wilayah ke Semenanjung sahaja). 4. Penerima BIW (wilayah asal adalah Semenanjung) yang baru berkelayakan akan menerima BIW pada kadar BISH yang diterima sebelum bertukar wilayah jika kadar tetap BIW adalah lebih rendah daripada kadar BISH.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 2. Perenggan 2 dan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1990 4. Perenggan 1, Lampiran I, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 5. Surat JPA.(S).800-7/2/49 (7) bertarikh 30 Mei 2023 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	1. Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Wilayah; 2. Pegawai bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya dalam keadaan-keadaan berikut: a. pegawai yang berasal dari Sabah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sarawak atau Labuan; b. pegawai yang berasal dari Sarawak dan ditempatkan berkhidmat di Sabah, Semenanjung atau Labuan; c. pegawai yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan berkhidmat di Sarawak, Sabah atau Labuan; atau d. pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. 3. Penentuan wilayah asal adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut: a. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama;

	b. wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza; c. bagi pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; d. wilayah kelahiran ibu atau bapa angkat bagi pegawai yang diambil sebagai anak angkat melalui pengangkatan yang sah; atau e. kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (a) hingga (d) di atas hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan. 4. Pegawai bertukar wilayah hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya semasa pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan awam menggunakan **Borang E4-U5**. Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sebanyak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai. 5. Tafsiran: a. "**wilayah**" bermaksud Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Labuan. b. "**wilayah berkhidmat**" bermaksud wilayah di mana pegawai ditempatkan/diarahkan bertugas.

Borang E4-U5

Borang Pengisytiharan Wilayah Asal

Maklumat Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad):	
Tempat Lahir Pegawai:	
Maklumat Bapa Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad/Mypr):	
Tempat Lahir:	
Maklumat Ibu Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad/Mypr):	
Tempat Lahir:	
Pemilihan Wilayah Asal Pegawai	
Wilayah Asal:	
Tandatangan:	
Kelulusan Ketua Jabatan	

Saya mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat di atas, pegawai berasal dari wilayah:

☐ Semenanjung ☐ Sarawak

☐ Sabah ☐ Labuan

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

**Pengisytiharan wilayah perlu disertakan bersama salinan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa/salinan Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap Ibu atau Bapa/Sijil Warganegara Malaysia Ibu atau Bapa/Akuan Bersumpah dan Sijil Kelahiran Pegawai.*

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2010</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas pengajaran dalam bidang perubatan dan pergigian dilaksanakan oleh Pensyarah yang berkepakaran dan berkemahiran.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pensyarah Perubatan/Pensyarah Pergigian di Universiti Awam yang menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan tugas-tugas klinikal (dengan kelulusan kepakaran klinikal) dan tugas-tugas pre-klinikal (tanpa kelulusan kepakaran klinikal).</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th rowspan="2">Gred</th><th colspan="2">Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><th>Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal</th><th>Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas dan ke atas</td><td>1,200.00</td><td>1,000.00</td></tr>
<tr><td>15</td><td>1,000.00</td><td>-</td></tr>
<tr><td>14</td><td>1,000.00</td><td>800.00</td></tr>
<tr><td>13</td><td>800.00</td><td>600.00</td></tr>
<tr><td>13P</td><td>600.00</td><td>400.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Universiti Awam</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010
2. Surat JPA.SARAAN(S)193/7/3 Klt. 15 (36) bertarikh 9 Februari 2015
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Arahan Pertukaran Wilayah
Tahun Pewujudan	1980
Objektif	Dibayar kepada pegawai yang diarahkan bertukar wilayah bagi membantu pegawai mengurus keperluan diri serta keluarga di wilayah berkenaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun
Syarat Kelayakan	1. Bayaran Insentif Arahan Pertukaran Wilayah (BIAPW) layak dituntut oleh pegawai apabila diarahkan bertukar kembali ke wilayah asalnya; 2. Bagi pasangan suami isteri yang bertukar ke wilayah yang sama, hanya seorang sahaja yang layak menuntut elaun ini berasaskan kepada pegawai yang menerima gaji hakiki yang lebih tinggi; 3. Pegawai bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya dalam keadaan-keadaan berikut: a. pegawai yang berasal dari Sabah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sarawak atau Labuan; b. pegawai yang berasal dari Sarawak dan ditempatkan berkhidmat di Sabah, Semenanjung atau Labuan; c. pegawai yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan berkhidmat di Sarawak, Sabah atau Labuan; atau d. pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. 4. Penentuan wilayah asal adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut: a. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama; b. wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza;

	c. bagi pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika memperoleh Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; d. wilayah kelahiran ibu atau bapa angkat bagi pegawai yang diambil sebagai anak angkat melalui pengangkatan yang sah; atau e. kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (a) hingga (d) di atas hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan. 5. Pegawai bertukar wilayah hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya semasa pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan awam menggunakan **Borang E4-U5.** Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sebanyak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai; dan 6. Pegawai yang sedang dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa peraturan ini dan tidak pernah mengisytiharkan wilayah asalnya, pegawai boleh melakukan pengisytiharan apabila pegawai bertukar wilayah.
Kadar	1. Sebulan gaji hakiki yang diterima pegawai sebelum diarahkan bertukar kembali ke wilayah asalnya. 2. Pegawai boleh, sekiranya perlu memohon pendahuluan diri sebanyak separuh daripada gaji hakiki yang diterima sebelum bertukar wilayah.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 4.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Rujukan: **E4-U8**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bahasa
Tahun Pewujudan	1957
Objektif	Menjamin perkhidmatan penterjemahan bahasa dilaksanakan dengan betul dan tepat.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang mempunyai kelayakan dan menjalankan tugas penterjemahan.
Kadar	Seperti di **Jadual E4-U8**
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1975 2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1976 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U8: Kadar Bayaran Insentif Bahasa

Bahasa	Kadar Sebulan (RM)
Inggeris Darjah Khas	 80.00
Tulisan Cina Menengah Darjah Khas	 60.00 100.00
Hokchiu, Hing Hua, Hainanese, Shanghainese	45.00
Cantonese, Hakka	35.00
Hokkien/Teochew *(apabila **kedua-dua loghat** tidak digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)*	35.00
Hokkien/Teochew *(apabila **salah satu loghat** digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)*	25.00
Jepun ● Pertengahan ● Khas	 60.00 100.00
Siam, Jawa, Bugis, Boyan, Arab ● Lisan ● Bertulis	 35.00 45.00
Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Marathi, Pushtu, Bengali, Singhalese, Gujerati ● Lisan ● Bertulis	 35.00 45.00
Hindustani, Urdu/Hindi *(apabila **kedua-dua loghat** tidak digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)* ● Lisan ● Bertulis	 35.00 45.00
Hindustani, Urdu/Hindi *(apabila **salah satu loghat** digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)* ● Lisan ● Bertulis	 25.00 35.00

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Bahasa (PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia)</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1957</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Menjamin perkhidmatan penterjemahan bahasa di PDRM dan Jabatan Penjara dilaksanakan dengan betul dan tepat.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Pegawai Penjara yang mempunyai sijil atau kelulusan yang diiktiraf oleh badan perkhidmatan berkaitan dan dilantik sebagai jurubahasa.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Bahasa Yang Layak Dibayar</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1. Russia
2. Arab
3. Jerman
4. Jepun
5. Korea
6. Tagalog
7. Vietnam
8. Kampuchea
9. Perancis
10. Tamil
11. Urdu
12. Jawa
13. Thai
14. Hainan (Cina)
15. Hokkien (Cina)
16. Teochew (Cina)</td><td>50.00 satu bahasa (maksimum 100.00 jika mempunyai kemahiran 2 bahasa atau lebih)</td></tr>
</table>
Kadar tambahan:
Bagi pegawai yang mempunyai kecekapan lisan dalam Bahasa Mandarin dan tulisan Cina, kadar elaun adalah sebanyak RM58.00 sebulan.
</td></tr>
</table>

Penerima	1. Jabatan Penjara Malaysia 2. Polis Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/2/2(43) bertarikh 17 Mac 1986 2. Surat JPA(S)BGE63/122/1-2/(25) bertarikh 8 Mac 2007 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bahasa Asing
Tahun Pewujudan	1991
Objektif	Menjamin komunikasi dalam rundingan diplomatik dan perdagangan dilaksanakan dengan berkesan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: a. Pegawai di luar negara yang menggunakan kemahiran berbahasa asing semasa menjalankan tugas rasmi; atau b. Pegawai yang berkhidmat di dalam negara dan diarah menggunakan bahasa asing oleh Ketua Jabatan dalam melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa dalam urusan diplomatik dan perdagangan. 2. Bahasa yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut: a. Arab; b. Jepun; c. Rusia; d. Mandarin; e. Perancis; f. Sepanyol; atau g. Bahasa rasmi negara penempatan penugasan pegawai kecuali Bahasa Inggeris dan penempatan di negara Brunei, Indonesia dan Singapura. 3. Pegawai hendaklah mengemukakan sijil kemahiran bahasa asing yang mengesahkan tahap kemahiran dalam bahasa yang dituntut; 4. Pegawai boleh dibayar maksimum dua (2) bahasa asing dalam satu masa; 5. Bayaran insentif dibayar mulai bulan berikutnya selepas tarikh kelulusan permohonan; dan 6. Jika penterjemah digunakan, pegawai hanya layak diberi bayaran insentif ini pada tahap asas atau pertengahan sahaja.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Tahap Kemahiran Bahasa Asing</th><th>Kadar Sebulan bagi Satu Bahasa (RM)</th></tr>
<tr><td>Asas (Basic) / Pertengahan (Intermediate)</td><td>200.00</td></tr>
<tr><td>Lanjutan (Advanced)</td><td>300.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2009
2. Surat JPA(S)63/2 Klt. 3 (3) bertarikh 28 Julai 2022
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Borang Permohonan Bayaran Insentif Bahasa Asing adalah seperti di Borang E4-U10.</td></tr>
</table>

Borang E4-U10

BORANG PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF BAHASA ASING

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama : .....
2. No. Kad Pengenalan/No. Pasport : .....
3. Kementerian/Jabatan : .....
4. Tarikh Melapor Diri Di Perwakilan (Bagi pegawai yang berkhidmat di luar negeri) : .....
5. Tempoh Perundingan (Bagi pegawai yang berkhidmat di Malaysia) : .....

B. ELAUN BAHASA ASING YANG DIPOHON

Bil.	Jenis Bahasa Asing	Tahap Kemahiran	Tarikh Sijil Dikeluarkan
1.			
2.			

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar dan sekiranya khidmat penterjemah digunakan semasa menjalankan tugas rasmi di luar negeri atau melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa, saya hanya layak dibayar Elaun Bahasa Asing pada tahap asas (*basic*)/pertengahan (*intermediate*) dan tidak layak dibayar pada tahap lanjutan (*advanced*).

Tandatangan : …… Tarikh : ……...

D. KELULUSAN KETUA JABATAN

i) Pegawai ini disahkan menggunakan/tidak menggunakan* bahasa asing di atas dalam menjalankan tugasnya.
ii) Pegawai ini disahkan memenuhi/tidak memenuhi* syarat kelayakan Bayaran Insentif Bahasa Asing.
iii) Permohonan ini diluluskan/tidak diluluskan*.

CATATAN:

……

……

Nama : ..... Tandatangan : .....

Jawatan : ..... Tarikh : .....

Nota: Borang ini hendaklah diisi semula sekiranya pegawai bertukar Perwakilan/terdapat perubahan maklumat/setiap tugas perundingan berbeza.

**Potong yang mana tidak berkenaan.*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat
Tahun Pewujudan	1985
Objektif	Memastikan tugas pengendalian mayat mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang ditempatkan dan menjalankan tugas secara sepenuh masa di Bilik Mayat di fasiliti kesihatan Kerajaan; dan 2. Bayaran bermula dari tarikh pegawai berkenaan diarah menjalankan tugas tersebut.
Kadar	RM150.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Hospital Universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 471/Klt. 4/(2) bertarikh 6 November 1985 2. Surat JPA(S)471/Klt.5/(SV 5) bertarikh 25 September 2002 3. Surat JPA(S)471/Klt.5(57) bertarikh 12 Julai 2003 4. Surat JPA(S)471/Klt. 10(3) bertarikh 20 Oktober 2005 5. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Bomba</td></tr>
<tr><td>Tarikh Pewujudan</td><td>1972</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan penugasan berterusan di balai bomba mampu memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan sampai di tempat kejadian dalam tempoh yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada:
1. Pegawai Bomba dan Penolong Penguasa Bomba yang bertugas selama 12 jam atau 24 jam; dan
2. Pegawai Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Penguasa Bomba yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri seperti berikut:
a. Pegawai Bomba Gred KB3 dan KB4;
b. Penolong Penguasa Bomba Gred KB5, KB6, KB7 dan Gred KB8; dan
c. Penguasa Bomba Gred KB9 hingga KB14.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Masa Bertugas</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>12 jam</td><td>110.00</td></tr><tr><td>24 jam</td><td>220.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(14) bertarikh 30 Jun 1995
2. Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(49) bertarikh 7 November 2000
3. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3 (17) bertarikh 7 Februari 2005
4. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3(17) bertarikh 3 Mei 2006
5. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(39) bertarikh 4 Mei 2007
6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Rujukan**: E4-U13**

Nama Elaun	Bayaran Insentif HAZMAT
Tarikh Pewujudan	2004
Objektif	Memastikan perkhidmatan kebombaan yang berkesan dalam menangani bencana atau insiden berkaitan bahan-bahan berbahaya dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: a. Pegawai Bomba yang bertugas di Unit HAZMAT; dan b. Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. 2. Lulus Kursus Pentauliahan HAZMAT oleh badan tauliah yang berkelayakan; 3. Memiliki Watikah Pelantikan sebagai Pegawai HAZMAT; dan 4. Lulus pemeriksaan kesihatan tahunan oleh Pegawai Perubatan.
Kadar	1. Pegawai bomba di Unit HAZMAT dibayar pada kadar RM100.00 sebulan (kadar tetap), tambahan RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan; dan 2. Bagi Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dibayar pada kadar RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan.
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 klt.3(9) bertarikh 8 November 2004 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(1) bertarikh 16 Januari 2019 3. Surat JPA.SARAAN(S)6/164-1 Jld.12(20) bertarikh 19 Julai 2022 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Juruterbang</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1976</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan perkhidmatan awam mempunyai Juruterbang yang berkemahiran dalam pengendalian setiap jenis pesawat yang berdaftar di Malaysia serta kompeten dalam melakukan audit organisasi dan undang-undang penerbangan</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Jawatan Dan Bidang Tugas</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Juruterbang yang mempunyai Airline Transport Pilot Licence</td><td>8,000.00</td></tr>
<tr><td>Juruterbang yang mempunyai Commercial Pilot Licence/Instrument</td><td>6,000.00</td></tr>
<tr><td>Juruterbang Penguji Pesawat Udara</td><td>4,500.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 1(a), JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980
2. Surat JPA(S) 215/8/2-1 Klt.2(38) bertarikh 25 Mac 1996
3. Perenggan 2.3, surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007
4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Kemahiran (JBPM)</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1994</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas penyelenggaraan dan pembaikan jentera di woksyop bomba dikendalikan oleh pegawai bomba berkelayakan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf dan menjalankan kerja penyelenggaraan dan pembaikan jentera dan peralatan bermotor di woksyop bomba; dan
2. Dibayar juga kepada Pegawai Bomba yang dilantik sebagai wakil Bahagian Pembangunan Kejuruteraan dan Logistik.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table>
<tr><th>Kelayakan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Gred Khas/SKM Tahap III/Setaraf</td><td>180.00</td></tr>
<tr><td>Gred I/SKM Tahap II/Setaraf</td><td>150.00</td></tr>
<tr><td>Gred II/SKM Tahap I/Setaraf</td><td>120.00</td></tr>
<tr><td>Gred III/Asas Ketukangan Khas</td><td>90.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)63/138/Klt.1(15) bertarikh 28 Oktober 1994
2. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(28) bertarikh 26 Mac 2010
3. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.12(2) bertarikh 16 Februari 2021
4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia).</td></tr>
</table>

Rujukan: **E4-U16**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)
Tahun Pewujudan	1953
Objektif	Memastikan tugas ketukangan dikendalikan oleh pegawai yang berkelayakan dan mematuhi prosedur.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan; 2. Dibayar kepada Pegawai Penjara Gred KA1, KA2 dan yang bertugas sebagai: a. Pengajar kepada banduan; b. Pegawai Amra; dan c. Pembantu Pegawai Perubatan. 3. Dibayar kepada Pegawai Penjara Gred KA2 dan KA3 yang mengisi gred kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) dan menjalankan tugas seperti di Perenggan 2(a), (b) atau (c); dan 4. Memiliki sijil kemahiran atau kelayakan dan menjalankan tugas mengikut kemahiran berkaitan seperti di **Jadual E4-U16.**
Kadar	Kadar berdasarkan kelayakan seperti di **Jadual E4-U16.**
Penerima	Jabatan Penjara Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 63/122/1 (22) bertarikh 16 April 2002 2. Surat JPA(S)63/122/1 Klt.2(27) bertarikh 8 Disember 2009 3. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.4(5) bertarikh 26 Mac 2010 4. Surat JPA.(S).800-7/2/103(9) bertarikh 7 Disember 2022 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	1. Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia). 2. Sebarang perubahan pada bidang kemahiran perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadual E4-U16: Kelayakan dan Kadar Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)

Jenis Kemahiran	Gred	Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)
Agama	Gred 1	Kursus Hal Ehwal Islam (JAKIM)	120.00
	Gred 2	Kursus Asas Hal Ehwal Islam (JAKIM)	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Muzik	Gred 1	Sijil Muzik Gred 8	120.00
	Gred 2	Sijil Muzik sekurang-kurangnya Gred 3	90.00
	Gred 3	Sijil Muzik Gred 1 dan 2 (Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia)	60.00
Kemahiran Lain (Sedia Ada)	Gred 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2	120.00
	Gred 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Amra	Gred 1	Kursus Kemahiran Pengendalian Senjata Api ATM/PDRM	120.00
	Gred 2	Kursus Asas Kemahiran Pengendalian Senjata Api ATM/PDRM	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Perubatan	Gred 1	Kursus `*Medical Orderly*` Kementerian Kesihatan Malaysia	120.00
	Gred 2	Kursus Asas `*Medical Orderly*` Kementerian Kesihatan Malaysia	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00

Rujukan: **E4-U17**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
Tahun Pewujudan	2015
Objektif	Memastikan tugas pemeriksaan kualiti kayu dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E1, E2 dan E3 yang bertugas sebagai Pemeriksa Kawalan Kualiti yang memiliki Sijil Kelayakan Memeringkat (C.O.C) Gred 8.
Kadar	RM120.00 sebulan
Penerima	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)262/6/2-3 Jld. 2 (9) bertarikh 10 Februari 2015 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia).

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal (JKDM)</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2015</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan pengendalian enjin dan pengemudian bot kastam dilaksanakan dengan cekap oleh pegawai yang berkemahiran.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pembantu Penguasa Kastam Gred WK1 dan WK2 di Unit Marin, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan
2. Lulus sijil kompetensi yang diiktiraf oleh badan perkhidmatan serta menjalankan tugas dalam bidang kemahiran (Anak Kapal).</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Sijil Kompetensi</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Navigasi</td><td>Jurumudi Mate
<500 GT Domestic Voyage</td><td rowspan="2">120.00</td></tr>
<tr><td>Kejuruteraan</td><td>Juruenjin Kelas III
Engineer Officer
<750kW Near Coastal</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Agensi</td><td>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA.SARAAN(S)63/88/1 Jld. 5 (19) bertarikh 19 Januari 2015
2. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.5(10) bertarikh 29 Mac 2010
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia).</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Menggalakkan pegawai untuk berkhidmat di kawasan pedalaman berdasarkan penentuan lokasi dan tahap kesusahan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Diarah secara bertulis dan ditempatkan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau pejabat-pejabat agensi/Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) di kawasan pedalaman Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK); 2. Kawasan dan kategori pedalaman adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Pemantauan Kementerian masing-masing berdasarkan kriteria mod pengangkutan, risiko perjalanan, utiliti, kediaman, sanitasi, telekomunikasi, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan serta kemudahan lain. Senarai kawasan dan kategori pedalaman yang menerima BIMLTK perlu dirujuk di Kementerian masing-masing; 3. Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) bulan di kawasan pedalaman BIMLTK; 4. Pegawai yang menerima BIMLTK turut dibayar Elaun Balik Kampung (EBK*) mengikut kelayakan perjalanan pegawai semasa bertugas rasmi. Kemudahan EBK diberi sekali setahun dan hanya layak setelah pegawai berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan di kawasan pedalaman tersebut; 5. Bagi suami isteri yang bertugas di kawasan pedalaman BIMLTK, kedua-dua pegawai layak dibayar BIMLTK; 6. Pegawai yang menerima BIMLTK dan EBK tidak layak diberikan Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan kemudahan Tambang Ziarah Wilayah (TZW); dan 7. Mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan BIMLTK yang ditetapkan oleh Kementerian masing-masing.

<table>
<tr><td></td><td>
<u>Syarat kelayakan khusus bagi KPM:</u>
Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berkhidmat di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman BIMLTK.

<u>Syarat Kelayakan khusus bagi KKM:</u>
Dibayar kepada petugas-petugas KKM yang berkhidmat di klinik-klinik di kawasan pedalaman BIMLTK.

<u>Syarat Kelayakan khusus bagi KDN:</u>
a. Dibayar kepada pegawai di pejabat-pejabat agensi/Jabatan di bawah KDN iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
b. Hanya melibatkan fasiliti KDN yang berhampiran dengan sekolah di bawah KPM dan/atau klinik di bawah KKM yang menerima BIMLTK.
</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Kawasan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pedalaman 3</td><td>1,500.00</td></tr>
<tr><td>Pedalaman 2</td><td>1,000.00</td></tr>
<tr><td>Pedalaman 1</td><td>500.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>
1. Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Kementerian Dalam Negeri (PDRM, JIM, JPN, RELA)
</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>
1. Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(11) bertarikh 10 Mei 2007
2. Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(45) bertarikh 9 April 2009
3. Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(49) bertarikh 14 April 2009
4. Surat JPA.SARAAN(S)63/159/7 Jld. 13 SK(1) bertarikh 30 April 2020
5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
</td></tr>
</table>

Catatan	*Kelayakan EBK: 1. EBK layak kepada pegawai yang bertaraf tetap, sementara, *Contract of Service* dan sambilan yang berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman dan dibayar BIMLTK. 2. EBK boleh dituntut sekali dalam satu tahun kalendar. Sekiranya tidak digunakan dalam satu-satu tahun kalendar, ianya akan luput dan tidak boleh dikumpulkan atau dibawa ke tahun hadapan. 3. EBK disediakan secara dua hala iaitu pergi dan balik dari tempat tinggal pegawai di kawasan pedalaman BIMLTK ke kampung asal pegawai.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Menyelam
Tahun Pewujudan	1961
Objektif	Memastikan tugas menyelam dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Mempunyai kelayakan menyelam daripada: a. Badan Profesional tertentu yang diiktiraf oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat bagi Penyelam Kapal/Penyelam Skuba; b. KD DUYONG, Tentera Laut Diraja Malaysia (lulus Kursus Selam Ranjau) bagi Penyelam Ranjau; atau c. VAT69 *Special Response Team Dive Centre*, Polis Diraja Malaysia bagi Penyelam Taktikal. 2. Diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas menyelam/operasi carilamat; dan 3. Masa menyelam adalah sekurang-kurangnya 90 minit sebulan.
Kadar	Kadar seperti di **Jadual E4-U20**
Penerima	1. Angkatan Tentera Malaysia 2. Pusat Sains Negara 3. Jabatan Perikanan Malaysia 4. Polis Diraja Malaysia 5. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 6. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 7. Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 37, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 2. Surat JPA(S)4/32-18(29) bertarikh 25 September 1984 3. Surat Perj.13914 Jld.2(SV 2) bertarikh 7 Jun 2002 4. Surat JPA(S)63/155-1(31) bertarikh 20 Oktober 2005 5. Surat Perj.13914 Jld.II(46) bertarikh 20 Oktober 2005 6. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3(28) bertarikh 20 Oktober 2005

	7. Surat Perj.13914 Jld.II(47) bertarikh 20 Oktober 2005 8. Surat JPA(S) 4/32-18 (66) bertarikh 20 Oktober 2005 9. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (45) bertarikh 15 Oktober 2008 10. Surat JPA.SARAAN(S)63/187(26) bertarikh 22 Julai 2010 11. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(1) bertarikh 16 Januari 2019 12. Surat JPA.SARAAN(S)63/187 JLD.3 (35) bertarikh 25 Julai 2022 13. Surat JPA.800-2/1/1(8) bertarikh 22 Disember 2022 14. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U20: Kadar Bayaran Insentif Menyelam Mengikut Kategori

Bil.	Kategori	Kadar Tetap	Agensi/Kumpulan Penerima
1.	Penyelam Kapal/Penyelam Skuba	RM200 sebulan	● ATM ● PDRM ● APMM ● JBPM ● PSN ● DOF ● NAHRIM
2.	Penyelam Ranjau	RM500 sebulan	● Pegawai dan anggota ATM yang ditempatkan di Markas Selam dan Peperangan Periuk Api, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
		RM300 sebulan	● Pasukan Khas Laut, TLDM ● Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM
3.	Penyelam Taktikal	RM300 sebulan	● Unit 69 Komando, PDRM
4.	Tugas Carilamat (*Search and Rescue*, SAR)	a. RM30.00 bagi setiap hari operasi, terhad kepada RM600.00 sebulan termasuk kadar tetap BIM berdasarkan kelayakan. b. Bagi Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dibayar pada kadar RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan.	

Nama Elaun	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta
Tahun Pewujudan	1959
Objektif	Memastikan tugas pengendalian rawatan pesakit tibi, kusta dan psikiatri dijalankan dengan cekap mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada anggota perubatan yang menjalankan tugas merawat pesakit psikiatri atau tibi atau kusta secara sepenuh masa di hospital yang menyediakan perkhidmatan rawatan tibi dan kusta, hospital yang diwarta menyediakan perkhidmatan psikiatri, Institut Perubatan Respiratori (IPR) dan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN). 2. Anggota perubatan yang terlibat adalah seperti senarai berikut: a. Jururawat; b. Penolong Pegawai Perubatan; c. Pembantu Perawatan Kesihatan; d. Jururawat Masyarakat; e. Pembantu Pembedahan Pergigian yang bertugas di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak; f. Juruteknologi Makmal Perubatan yang bertugas di IPR dan Makmal PKKN sahaja; dan g. Pembantu Teknologi Makmal Perubatan yang bertugas di IPR dan Makmal PKKN sahaja.
Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat FEO.Conf.471/Vol/11/7 bertarikh 23 Oktober 1959 2. Surat FEO.Conf.471/Vol.11/85 bertarikh 8 Disember 1965 3. Surat Perj.(S)3033/14 bertarikh 20 Februari 1970 4. Surat Perj.Sulit 3033/45 bertarikh 13 Julai 1973 5. Surat JPA (S) 471/Klt.5/(SV 9) bertarikh 18 Mac 2003 6. Surat JPA(S)471 Klt.10 (4) bertarikh 20 Oktober 2005

	7. Surat JPA(S)471/KLT.12 (40) bertarikh 10 Februari 2009 8. Surat JPA(S)471/KLT.13 (6) bertarikh 8 Januari 2010 9. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-4Jld.2(11) bertarikh 19 April 2016 10. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023 11. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Hospital yang diwarta menyediakan perkhidmatan psikiatri adalah tertakluk kepada KKM.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Operasi Udara
Tahun Pewujudan	1980
Objektif	Memastikan tugas ketika berada di udara dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat-syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai di bawah Jabatan/Agensi berkaitan yang menjalankan tugas berikut: 1. <u>Jabatan Meteorologi Malaysia</u> Pegawai yang menjalankan operasi pembenihan awan di atas kapal terbang yang bergerak. 2. <u>Jabatan Alam Sekitar</u> Pegawai yang menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan melalui udara seperti berikut: a. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C9, C10 dan C12; b. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C5, C6 dan C7; dan c. Penolong Jurutera Gred JA1, JA2 dan JA3. 3. <u>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</u> Penolong Pemeriksa Kapal Terbang di Bahagian Kalibrasi dan Kejuruteraan yang terlibat. 4. <u>Jabatan Perikanan Malaysia</u> Pegawai menjalankan penguatkuasaan pengawasan udara. 5. <u>Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia</u> Penolong Jurutera di Unit Fotografi Udara, Seksyen Penawanan Data dan Seksyen Topografi yang terlibat dalam tugas *aerial survey* di atas kapal terbang yang bergerak.
Kadar	RM30.00 bagi setiap hari operasi terhad RM600.00 sebulan.
Penerima	1. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia 2. Jabatan Meteorologi Malaysia 3. Jabatan Perikanan Malaysia 4. Jabatan Alam Sekitar 5. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/46/2/(13) bertarikh 20 September 1982 2. Surat JPA(S)63/46/(4) bertarikh 15 November 1990 3. Surat JPA(S)63/17/15 bertarikh 2 Januari 2003 4. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt. 4(5) bertarikh 21 Mac 2007 5. Surat JPA(S)63/46/2(40) bertarikh 30 Julai 2010 6. Surat JPA(S)63/46(8) bertarikh 30 Julai 2010 7. Surat JPA(S)215/8/2 Klt. 5(17) bertarikh 30 Julai 2010 8. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt. 5 (7) bertarikh 30 Julai 2010 9. Surat JPA(S) 63/17/15 (13) bertarikh 30 Jun 2011 10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

;

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pakar
Tahun Pewujudan	1957
Objektif	Memastikan perkhidmatan kepakaran perubatan diberikan adalah berkualiti dan disampaikan oleh pakar-pakar perubatan yang diwartakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal) iaitu Pegawai Perubatan/Pensyarah Perubatan yang diwartakan sebagai pakar; 2. Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal) iaitu Pegawai Pergigian/Pensyarah Pergigian yang diwartakan sebagai pakar; 3. Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam) seperti syarat-syarat pewartaan berikut: a. merupakan Pengamal Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan b. mempunyai kelulusan berikut: i) Sarjana Kesihatan Awam *[Master in Public Health* (MPH)/*Master in Hospital Administration* (MHA)/*Master in Health Planning* (MHP)] dengan mengikuti pengajian selama empat (4) tahun; ii) mempunyai kelulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH/MHA/MHP) dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun dan Doktorat Kesihatan Awam (DrPH) selama tiga (3) tahun; atau iii) mempunyai kelulusan MPH/MHA/MHP dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun pengajian sebelum tahun 2000 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam selama lapan (8) tahun.

	c. Pegawai Perubatan lulusan Sarjana Kesihatan Awam yang mengikuti pengajian kurang daripada empat (4) tahun pada tahun 2000 dan selepasnya, tidak layak diwartakan sebagai pakar. d. Semua kelulusan ijazah yang dinyatakan di atas, mestilah diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. 4. Pegawai Pergigian Pakar (Kesihatan Awam) seperti syarat-syarat pewartaan berikut: a. merupakan Pengamal Pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; dan b. mempunyai kelulusan seperti berikut: i. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian selama empat (4) tahun; ii. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun dan Doktor Kesihatan Awam Pergigian (DrDPH) selama tiga (3) tahun; iii. Doktor Falsafah (PhD) Kesihatan Awam Pergigian; atau iv. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian kurang dari empat (4) tahun sebelum tahun 2011 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam pergigian selama lapan (8) tahun selepas menerima kelayakannya. 5. Bagi tujuan pembayaran bagi pegawai di Perenggan i, ii, iii dan iv, pegawai hendaklah diwartakan sebagai pakar oleh Ketua Pengarah Kesihatan dengan nasihat tiga orang pegawai pakar yang dipilih olehnya atau Jawatankuasa Khas Perubatan/Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Gred
Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas dan ke atas</td><td>3,100.00</td></tr>
<tr><td>15</td><td>3,000.00</td></tr>
<tr><td>14</td><td>2,800.00</td></tr>
<tr><td>13</td><td>2,500.00</td></tr>
<tr><td>12</td><td>2,200.00</td></tr>
<tr><td>11</td><td>2,000.00</td></tr>
<tr><td>10</td><td>1,900.00</td></tr>
<tr><td>9</td><td>1,600.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>1. Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Angkatan Tentera Malaysia
3. Universiti Awam</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 30, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980
2. Perenggan B2, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996
3. Perenggan B2, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001
4. Perenggan 6, 7, 8, 9, dan 13, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011
5. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.15(38) bertarikh 10 Mac 2015
6. Perenggan A3, Lampiran E, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016
7. Perenggan A3, Lampiran C, Surat JPA.BPO(S)324/14/15 Jld.20 (54) bertarikh Disember 2016
8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Catatan	1. Bagi proses pelantikan Pegawai Perubatan/Pensyarah Perubatan termasuk Pegawai Pergigian/Pensyarah Pergigian sebagai Pegawai Pakar di Angkatan Tentera Malaysia, Universiti Awam dan Hospital Universiti, pelantikan tersebut boleh dilaksana melalui penubuhan suatu Jawatankuasa Khas yang telah mendapat persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia. Seterusnya, maklumat pakar yang memenuhi kriteria di peringkat Jawatankuasa Khas perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk kelulusan, seterusnya disiarkan di dalam Warta Kerajaan. 2. Pegawai yang turut memenuhi syarat kelayakan Elaun Pentadbiran Hospital, hanya layak dibayar satu jenis elaun sahaja, mengikut mana-mana kadar yang lebih tinggi. 3. Pengecualian pemakaian syarat umum pemberian elaun dalam keadaan Cuti Separuh Gaji dan Cuti Bergaji Penuh (Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009).

Rujukan: **E4-U24**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pasukan Memanjat Pokok
Tahun Pewujudan	2004
Objektif	Menghargai pasukan memanjat pokok yang melaksanakan tugas di luar skop tugas hakiki dalam memelihara dan memulihara kepelbagaian flora hutan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai yang melakukan tugas memanjat pokok bagi mengutip biji benih pokok hutan dengan syarat seperti berikut: 1. Dilantik sebagai ahli Pasukan Memanjat Pokok oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; 2. Diarah oleh Ketua Jabatan untuk melaksanakan tugas memanjat pokok sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan bagi melayakkan pembayaran; dan 3. Kaedah pembayaran bayaran insentif ini adalah secara tuntutan.
Kadar	1. **RM200.00 sebulan** kepada semua ahli Pasukan Memanjat Pokok; 2. kadar tambahan sebanyak **RM20.00 sehari** kepada **pemanjat pokok** dalam Pasukan Memanjat Pokok, terhad kepada RM100.00 sebulan; dan 3. had maksimum bagi pemanjat pokok adalah **RM300.00 sebulan.**
Penerima	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2(24) bertarikh 29 Februari 2024 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Pasukan SMART</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1994</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan keberkesanan aktiviti-aktiviti mencari dan menyelamat dijalankan dengan cekap dan teratur berdasarkan prosedur yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada pegawai dan anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Pangkat /Jawatan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Leftenan atau setaraf dan ke atas/Ketua Seksyen/Ketua Jurulatih/Ajutan</td><td>500.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Anggota-anggota lain</td><td>400.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)215/8/7 Jld. 3 (30) bertarikh 18 Ogos 2010
2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Pedalaman</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1980</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Menggalakkan pegawai untuk berkhidmat di kawasan pedalaman yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang memenuhi syarat-syarat berikut:
a. Diarah secara bertulis untuk berkhidmat di kawasan pedalaman;
b. Tinggal menetap di kawasan pedalaman; dan
c. Berkhidmat selama tempoh satu (1) bulan kalendar atau lebih di kawasan pedalaman.
2. Senarai kawasan pedalaman perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri yang terlibat.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>1. Penerima sedia ada:
Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir Bayaran Insentif Pedalaman yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.
2. Penerima lantikan baharu/pegawai sedia ada yang baru berkelayakan menerima kadar tetap berikut:
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>210.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr>
<tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr>
</table>
3. Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIP, pegawai akan menerima kadar BIP pada kadar tetap baharu.</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
</table>

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Panduan Pelaksanaan BIP: 1. Kriteria untuk menentukan sesuatu kawasan terpencil mengikut keperihalan negeri masing-masing sebagai kawasan pedalaman adalah seperti berikut: a. **Kemudahan Asas yang tidak sempurna** (bekalan air paip dan bekalan elektrik); dan b. **Kemudahan Awam yang tidak sempurna** (pengangkutan awam, telefon awam dan kemudahan perubatan). 2. Sebuah jawatankuasa penilaian yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Penilaian Kawasan Pedalaman Negeri** hendaklah ditubuhkan yang dianggotai oleh: a. YB Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya sebagai Pengerusi; b. Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya sebagai ahli; dan c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya sebagai ahli. 3. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Kawasan Pedalaman Negeri **boleh ditambah bilamana perlu** dengan persetujuan Pengerusi Jawatankuasa itu. 4. Bidang rujukan Jawatankuasa Penilaian Kawasan Pedalaman Negeri adalah seperti berikut- a. mempertimbang dan memperakukan permohonan daripada mana-mana agensi Kerajaan bagi mengiktirafkan sesuatu kawasan sebagai kawasan pedalaman mengikut keperihalan keadaan negeri berkenaan; b. mempertimbang dan meluluskan kriteria baru sesuatu kawasan mengikut keperihalan keadaan negeri sebagai kawasan pedalaman;

	c. membuat lawatan untuk memastikan sesuatu kawasan menepati kriteria kawasan pedalaman bilamana perlu; d. membuat pemantauan dari masa ke semasa untuk mengemaskinikan senarai kawasan pedalaman; dan e. menjemput mana-mana agensi Kerajaan untuk memberi ulasan terhadap permohonannya untuk diberi BIP. 5. Permohonan oleh mana-mana agensi Kerajaan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar
Tahun Pewujudan	1983
Objektif	Memelihara taraf kesihatan di daerah melalui aktiviti promosi, pencegahan, pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam dalam aspek penyakit berjangkit dan tidak berjangkit serta kesihatan pekerjaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai Perubatan/Pegawai Pergigian yang tidak memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang kesihatan awam dan diwartakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam sebagai Pegawai Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan; 2. Ditugaskan oleh KKM untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam secara sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ordinan yang berkuat kuasa; dan 3. Dibayar mulai tarikh pegawai diwartakan atau tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.
Kadar	RM250.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1966 2. Perenggan 30, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 3. Perenggan B3, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 4. Perenggan B3, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 5. Perenggan 12, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Catatan	Pegawai Kesihatan Daerah merujuk kepada Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan ditugaskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Kesihatan Daerah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ordinan yang berkuat kuasa.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1983</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan konservasi hidupan liar dan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam kawasan Taman Negara.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pegawai-pegawai di Taman Negara yang diarahkan bertugas di luar kawasan pejabat dalam Taman Negara;
2. Bertugas di luar kawasan pejabat dalam Taman Negara sekurang-kurangnya lima (5) hari dalam sebulan; dan
3. Tidak layak menuntut Elaun Lojing sekiranya bertugas di dalam kawasan Taman Negara.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>9 dan ke atas</td><td>350.00</td></tr><tr><td>8 dan ke bawah</td><td>250.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 10, Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991
2. Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2 (19) bertarikh 31 Januari 2024
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Rujukan: **E4-U29**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Pendidikan Khas
Tahun Pewujudan	2009
Objektif	Memastikan aspek pengurusan dan penjagaan murid berkeperluan khas dilaksanakan dengan baik.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Pembantu Pengurusan Murid yang bertugas di: a. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas; b. Sekolah Menengah Pendidikan Khas; dan c. Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan. 2. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S1 - S2 yang bertugas sebagai Pembantu Intervensi di Pusat PERMATA Kurnia.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)324/8/40/(5) bertarikh 16 April 2009 2. Surat JPA(SARAAN)262/6/3-11 Klt. 10(28) bertarikh 12 Mac 2019 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pemuliharaan Hidupan Liar
Tahun Pewujudan	2004
Objektif	Memastikan keberkesanan pengurusan konservasi hidupan liar dan penguatkuasaan undang-undang hidupan liar.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang hidupan liar dan konservasi hidupan liar seperti berikut: a. Pegawai Hidupan Liar; b. Penolong Pegawai Hidupan Liar; c. Pembantu Hidupan Liar; d. Pegawai Veterinar; e. Penolong Pegawai Veterinar; f. Pembantu Laut; dan g. Pembantu Khidmat Am. 2. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan (d) hingga (g) dalam senarai di atas, pegawai perlu dilantik oleh Ketua Pengarah PERHILITAN untuk menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang hidupan liar dan konservasi hidupan liar.
Kadar	RM300.00 sebulan
Penerima	Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2 (19) bertarikh 31 Januari 2024 2. Surat JPA.(S).800-6/1/48 Jld. 2 (27) bertarikh 28 Ogos 2024 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pencegah
Tahun Pewujudan	1950
Objektif	Memastikan tugas penguatkuasaan dan pematuhan akta serta perundangan kastam dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai kastam yang berkhidmat di Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pengurusan Pematuhan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan 2. Melaksanakan tugas penguatkuasaan dan pematuhan akta serta perundangan kastam.
Kadar	RM300.00 sebulan
Penerima	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)1239/109 bertarikh 6 November 1981 2. Perkara 6, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 3. Surat JPA(S)215/8/2-1 (SV48) bertarikh 7 November 2000 4. Surat JPA(S)63/88/1 Klt. 2(35) bertarikh 22 Julai 2010 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
Tahun Pewujudan	2016
Objektif	Menyediakan akses perkhidmatan kepakaran perubatan dan pergigian di Sabah, Sarawak dan Labuan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: a. Pakar Perubatan (Klinikal/Kesihatan Awam) dan Pakar Pergigian (Klinikal/Kesihatan Awam) warganegara lantikan tetap dan lantikan kontrak *Contract of Service (CoS)* yang ditempatkan/berkhidmat di fasiliti kesihatan* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah, Sarawak dan Labuan; b. Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian bukan warganegara yang sedang berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM di Sabah, Sarawak atau Labuan lantikan sebelum atau pada 1 Julai 2016. Ia tidak dipanjangkan kepada pegawai lantikan baharu. Lantikan baharu merujuk kepada Pakar Perubatan/Pergigian bukan warganegara sahaja dan dilantik ke dalam perkhidmatan selepas 1 Julai 2016 tidak termasuk pembaharuan kontrak; dan c. Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian yang berkhidmat di Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan (Pejabat Kesihatan Bahagian/Pejabat Kesihatan Kawasan/Pejabat Kesihatan Daerah) dan Pejabat Pergigian (Pejabat Pergigian Bahagian/Pejabat Pergigian Kawasan/Pejabat Pergigian Daerah) di Sabah, Sarawak dan Labuan, mulai 1 Mac 2021, tertakluk KKM mematuhi syarat-syarat berikut: i. menjalankan tugas di fasiliti kesihatan berdasarkan senarai tugas yang dikemukakan oleh KKM; ii. Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian bertugas di fasiliti kesihatan sekurang kurangnya lima (5) jam dalam tempoh sehari [tempoh perkhidmatan sehari yang melayakkan adalah sekurang-kurangnya lima (5) jam];

<table>
<tr><td></td><td>iii. pembayaran adalah secara tuntutan bulanan mengikut bilangan hari bertugas (pro-rata) di fasiliti kesihatan dengan kadar bayaran bagi sehari bertugas; dan
iv. Dibayar mulai tarikh pegawai ditempatkan berkhidmat di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th rowspan="2">Gred</th><th colspan="2">Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><th>Bandar</th><th>Luar Bandar</th></tr>
<tr><td>Khas A</td><td>2,000.00</td><td>2,500.00</td></tr>
<tr><td>Khas B</td><td>1,700.00</td><td>2,200.00</td></tr>
<tr><td>Khas C</td><td>1,400.00</td><td>1,900.00</td></tr>
<tr><td>15</td><td>1,100.00</td><td>1,600.00</td></tr>
<tr><td>14</td><td>1,100.00</td><td>1,600.00</td></tr>
<tr><td>13</td><td>800.00</td><td>1,300.00</td></tr>
<tr><td>12</td><td>500.00</td><td>1,000.00</td></tr>
</table>
1. Penetapan kadar adalah berdasarkan gred dan kawasan di mana letaknya fasiliti kesihatan (bandar atau luar bandar). Kawasan Bandar merujuk kepada kawasan yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertaraf Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran. Kawasan Luar Bandar merujuk kepada kawasan yang ditadbir oleh PBT bertaraf Majlis Daerah.

2. Kadar Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan (BIPP) yang diterima berubah apabila sesebuah kawasan dinaiktaraf dari Luar Bandar ke kawasan Bandar.

3. Pembayaran BIPP kepada Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian yang berkhidmat di Labuan adalah atas kadar Bandar.</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Kesihatan Malaysia</td></tr>
</table>

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.16 (15) bertarikh 20 November 2015 2. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.16 (21) bertarikh 30 Jun 2016 3. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.17 (12) bertarikh 31 Mac 2017 4. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.20 (5) bertarikh 25 Februari 2021 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	*Fasiliti kesihatan bermaksud hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik desa, klinik bergerak, klinik komuniti dan mana-mana premis yang mana menawarkan perkhidmatan rawatan perubatan.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penerbangan
Tahun Pewujudan	1959
Objektif	Memastikan tugas pengendalian dan operasi pesawat udara dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkemahiran dan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai dan anggota penerbangan yang **lulus kursus yang ditetapkan oleh perkhidmatan** yang berkenaan dan diiktiraf sebagai Pegawai dan Anggota Penerbangan.
Kadar	Kadar bagi Pegawai dan Anggota Penerbangan seperti di **Jadual E4-U33**
Penerima	1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2. Angkatan Tentera Malaysia 3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 4. Polis Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 4/32-10(35) bertarikh 15 September 1982 2. Surat JPA(S) 4/32-10(61) bertarikh 10 Julai 1995 3. Surat JPA(S)(BGE) 4/32-10 Klt.3(6) bertarikh 12 April 2004 4. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.2(18) bertarikh 29 Jun 2004 5. Surat JPA(S)(BGE)63/155-3(5) bertarikh 29 Jun 2004 6. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(27) bertarikh 20 Mac 2007 7. Surat JPA(S)63/17/16 Klt. 4 (9) bertarikh 15 Ogos 2008 8. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(9) bertarikh 25 September 2008 9. Surat JPA(S)(BGE)63/155-3(16) bertarikh 25 September 2008 10. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (42) bertarikh 25 September 2008 11. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (61) bertarikh 21 November 2008 12. Perenggan 34(b), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009 13. Surat JPA.(S).800-7/2/56(3) bertarikh 8 Ogos 2022

	14. Surat JPA(S).800-7/2/93 Jld. 2 (2) bertarikh 9 Februari 2024 15. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U33: Kadar Bayaran Insentif Penerbangan

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)				
	Latihan	Operasi			Jurulatih
		APMM, PDRM, JBPM			
		Kursus Peralihan Pesawat	Pembantu Juruterbang	Juruterbang	
		ATM*			
		(01)	(02)	(03)	
Jeneral/Leftenan Jeneral/ Laksamana Maritim	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Mejar Jeneral/ Pesuruhjaya Polis/Laksamana Madya Maritim	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Brig. Jeneral/Timbalan Pesuruhjaya Polis/Laksamana Pertama Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB14	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Kolonel/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis/Kepten Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB13	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Leftenan Kolonel/ Penolong Pesuruhjaya Polis/Komander Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB12	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Mejar/Timbalan Penguasa Polis/Leftenan Komander Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB10	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)				
	Latihan	Operasi			Jurulatih
		APMM, PDRM, JBPM			
		Kursus Peralihan Pesawat	Pembantu Juruterbang	Juruterbang	
		ATM*			
		(01)	(02)	(03)	
Kapten*/ Penolong Penguasa Polis/ Leftenan Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB9	600.00	1,600.00	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Leftenan*/ Inspektor/ Leftenan Madya Maritim/ Pen. Penguasa Bomba Gred KB6 dan Gred KB7	600.00	1,300.00	2,000.00	3,000.00	3,500.00
Leftenan Muda*/Leftenan Muda Maritim/Pen. Penguasa Bomba Gred KB5	600.00	1,000.00	1,500.00	2,000.00	-

Anak Kapal (Kadar sebulan, RM)			
Posisi	Latihan	Operasi	Jurulatih/ Pemeriksa
Operator *Special Mission Equipment* (SME)**	600.00	1,500.00	2,000.00
Kuartermaster Udara (Pemerhati Udara)/Pramugari /Jurutera Penerbangan***/ *Loadmaster*	400.00	1,000.00	-

Nota:

1. **Terpakai kepada ATM sahaja:*
    a. *01 - Kursus peralihan pesawat operasi bagi Juruterbang asas yang telah menamatkan kursus penerbangan asas;*

b. *02 - Kategori Pembantu Juruterbang bagi pesawat angkut/helikopter, Wingman bagi pesawat pejuang serta anak kapal lain seperti Weapon Sensor Operator (WSO), Jurumalim dan Jurutera Penerbangan - Pegawai; dan*

c. *03 - Kategori Komander Pesawat penerbangan operasi (Aircraft Captain) bagi pesawat angkut/helikopter, "Element lead/Tac lead/Ops lead" bagi pesawat pejuang serta anak kapal lain seperti Jurulatih WSO, Jurulatih Tactical Coordinator (TACCO), Jurulatih Jurumalim dan Jurulatih Jurutera Penerbangan.*

2. ***Terpakai kepada PDRM sahaja.*

3. ****Terpakai kepada APMM dan JBPM sahaja.*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
Tahun Pewujudan	1989
Objektif	Memastikan pengajaran kepada murid berkeperluan pendidikan khas dilaksanakan oleh pegawai yang terlatih dan mempunyai kemahiran khusus.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti berikut: a. mempunyai kelayakan dalam pendidikan khas dan terlibat secara langsung dan mengajar murid berkeperluan pendidikan khas secara sepenuh masa; atau b. mengajar murid-murid berkeperluan pendidikan khas di Sekolah Menengah Teknik/Kolej Vokasional dan guru resos yang mengajar dalam program pendidikan khas inklusif di sekolah-sekolah biasa yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi. 2. Dibayar kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang memiliki kelayakan berikut: a. mempunyai kelayakan/kelulusan dalam pendidikan khas atau hadir kursus kemahiran pengajaran berkeperluan khas yang ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi; b. terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas di Politeknik atau Kolej Komuniti; dan c. mengajar di kelas yang semua pelajarnya adalah pelajar berkeperluan khas, sekurang-kurangnya 6 jam seminggu.
Kadar	RM 250.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Tinggi

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/17 Klt.3/(15) bertarikh 13 Mac 1989 2. Surat JPA(S)63/17 Klt.5 (SV 6) bertarikh 15 April 2003 3. Surat JPA(S)63/17-1(27) bertarikh 3 Januari 2008 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/180 Jld.3(50) bertarikh 11 Januari 2011 5. Surat JPA.SARAAN(S)63/180 Jld.4(24) bertarikh 19 Januari 2015 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1994</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas kawalan trafik udara dijalankan secara cekap dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada pegawai yang mempunyai lesen kawalan trafik udara yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan menjalankan tugas kawalan trafik udara.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Pegawai</th><th>Gred</th><th>Kadar sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td rowspan="5">Pegawai Kawalan Trafik Udara</td><td>A14</td><td>1,200.00</td></tr>
<tr><td>A13</td><td>1,000.00</td></tr>
<tr><td>A12</td><td>900.00</td></tr>
<tr><td>A10</td><td>700.00</td></tr>
<tr><td>A9</td><td>600.00</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara</td><td>A7</td><td>400.00</td></tr>
<tr><td>A6</td><td>350.00</td></tr>
<tr><td>A5</td><td>250.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 2(a), Surat JPA(S)215/8/2-1(16) bertarikh 7 Mac 1994
2. Perenggan 2.2, Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Rating Trafik Udara (Lampiran E4-U46).</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan
Tahun Pewujudan	2008
Objektif	Memastikan pengawasan banduan di institusi penjara dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang bertugas di Institusi Penjara*; dan 2. Pegawai Perkhidmatan Awam yang ditempatkan dan melaksanakan tugas secara sepenuh masa di Institusi Penjara seperti berikut: a. Pegawai Pergigian; b. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; c. Pegawai Perubatan; d. Pegawai Psikologi; e. Jururawat; f. Penolong Pegawai Farmasi; g. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam; h. Penolong Pegawai Latihan Vokasional; i. Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat; j. Penolong Pegawai Perubatan; k. Penolong Pegawai Psikologi; l. Penolong Pegawai Veterinar; m. Pembantu Hal Ehwal Islam; n. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional; dan o. Pembantu Pembangunan Masyarakat.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Agensi Terlibat	Jabatan Penjara Malaysia

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.2/(37) bertarikh 9 Januari 2008 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.6 (10) bertarikh 3 Oktober 2018 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.7(3) bertarikh 24 Februari 2021 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.7(15) bertarikh 8 Februari 2022 5. Surat JPA.(S).800-7/2/104 (2) bertarikh 17 Ogos 2022 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	*Institusi penjara adalah merujuk kepada tafsiran penjara sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Penjara 1995 (Akta 357)

Rujukan: **E4-U37**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengawasan Klien di PUSPEN
Tahun Pewujudan	2012
Objektif	Memastikan pengawasan klien di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai-pegawai yang ditempatkan dan terlibat secara langsung dalam pemulihan penagihan narkotik di PUSPEN seperti berikut: 1. Pegawai Antidadah Gred S9/S10, S10, S12; 2. Penolong Pegawai Antidadah Gred S5/S6/S7, S6/S7, S7; 3. Pembantu Antidadah Gred S1/S2/S3, S2/S3 4. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S5/S6/S7; 5. Penolong Pegawai Perubatan Gred U5/U6/U7; 6. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S1/S2/S3; 7. Pembantu Keselamatan Gred KP1/KP2/KP3; 8. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1/N2/N3; dan 9. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Agensi Antidadah Kebangsaan
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(BGE)324/14/31 Klt.2(17) bertarikh 20 Januari 2012 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/30/15 Jld.2 (29) bertarikh 7 April 2022 3. Surat JPA.(S).800-7/2/95(2) bertarikh 3 November 2022 4. Surat JPA.(S).800-7/2/95(3) bertarikh 22 November 2022 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN

Rujukan: **E4-U38**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih
Tahun Pewujudan	1977
Objektif	Memastikan tugas pengendalian anjing terlatih dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkemahiran.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Memiliki kemahiran pengendalian anjing terlatih yang diiktiraf badan perkhidmatan; 2. Dilantik sebagai Pengendali Anjing Terlatih; dan 3. Menjalankan tugas bersama Anjing Terlatih sepertimana diarahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut: a. Pegawai Bomba di Unit Pengesanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. b. Pegawai Penjara di Unit K9, Jabatan Penjara Malaysia. c. Pembantu Penguasa Kastam di Unit K9, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. d. Pegawai Rendah Polis Gred Y1 hingga Y6 di Unit K9, Polis Diraja Malaysia. e. Pegawai di Unit K9, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). f. Pegawai dan anggota Anggota Tentera Malaysia yang ditempatkan dalam Sel Latih dan Sel Gerak, Cawangan Serigala, Pusat Latihan Tempur Tentera Darat.
Kadar	1. RM250.00 sebulan; dan 2. Tambahan kadar carilamat sebanyak RM30.00 bagi setiap operasi yang dijalankan, terhad kepada RM600.00 sebulan termasuk dengan kadar Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih sebagai kadar tetap kepada Pengendali Anjing Terlatih yang terlibat dengan operasi ‘carilamat’.
Penerima	1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2. Jabatan Penjara Malaysia 3. Jabatan Kastam Diraja Malaysia

	4. Polis Diraja Malaysia 5. Jabatan PERHILITAN 6. Angkatan Tentera Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(51) bertarikh 10 Julai 2007 2. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(28) bertarikh 26 Mac 2010 3. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.4(5) bertarikh 26 Mac 2010 4. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.5(10) bertarikh 29 Mac 2010 5. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (33) bertarikh 5 Disember 2023 6. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (34) bertarikh 5 Disember 2023 7. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (35) bertarikh 5 Disember 2023 8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan *Dog Handlers*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penguat Kuasa
Tahun Pewujudan	2001
Objektif	Memastikan tugas penguatkuasaan akta dan undang-undang dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai yang menjalankan aktiviti/operasi penguatkuasaan akta dan undang-undang di lapangan secara sepenuh masa.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Agensi dan skim perkhidmatan yang terlibat seperti di **Jadual E4-U39.**
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/17/14(13) bertarikh 9 November 2001 2. Surat JPA(S)63/17/14-1(25) bertarikh 17 Mei 2002 3. Surat JPA(S)63/17/14-2(19) bertarikh 18 Mei 2004 4. Surat JPA(S)63/17/14-2(20) bertarikh 18 Mei 2004 5. Surat JPA(S)(BGE)63/17/17(10) bertarikh 28 Mei 2004 6. Surat JPA(S)471 Klt. 10(9) bertarikh 22 November 2005 7. Surat JPA(S)471 Klt.11(6) bertarikh 12 Oktober 2006 8. Surat JPA(S)63/159/6(35) bertarikh 16 Januari 2009 9. Surat JPA(S)63/17/15-1 Jld. 2 (2) bertarikh 14 Jun 2012 10. Surat JPA(SARAAN)(S)63/159/6-1(29) bertarikh 4 September 2012 11. Surat JPA.SARAAN(S)63/159/6-1 Jld.5(2) bertarikh 26 November 2014 12. Surat JPA.SARAAN(S)63/17/23 Jld.4(24) bertarikh 19 April 2016 13. Surat JPA.(S).800-7/2/110 Jld.2 (2) bertarikh 21 Ogos 2024 14. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U39: Senarai Agensi dan Skim Perkhidmatan yang terlibat

Bil.	Agensi	Skim Perkhidmatan Terlibat
1.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ● Bahagian Penguat Kuasa	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
2.	Kementerian Pengangkutan Malaysia ● Jabatan Pengangkutan Jalan	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa 4. Pemeriksa Kereta Motor
3.	Kementerian Dalam Negeri i. Pejabat Penapisan Filem (dahulu dikenali sebagai Bahagian Penapisan Filem). ii. Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (dahulu dikenali sebagai Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran).	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
	iii. Bahagian/Unit Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Malaysia	1. Penguasa Imigresen Gred KP9 hingga Gred KP14 2. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP5 hingga Gred KP8 3. Pegawai Imigresen Gred KP1 dan Gred KP4
4.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ● Bahagian Pembangunan Industri Padi (dahulu dikenali sebagai Bahagian Kawalselia Padi dan Beras),	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
5.	Kementerian Perladangan dan Komoditi ● Lembaga Getah Malaysia	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5 dan Gred KP6

Bil.	Agensi	Skim Perkhidmatan Terlibat
6.	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam ● Jabatan Alam Sekitar (JAS)	Pegawai di JAS (Ibu pejabat) serta JAS Negeri dan Cawangan yang ditempatkan di Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan (kecuali pegawai dan kakitangan yang menjalankan kerja-kerja pendidikan kesedaran alam sekitar secara sepenuh masa) seperti berikut: 1. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C9, C10 2. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C5, C6, C7 3. Penolong Jurutera Gred JA1, JA2, JA3, JA5
7.	Jabatan Wilayah Persekutuan ● Jabatan Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1. Pegawai Penguat Kuasa Gred KP9 hingga Gred KP13, 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5 hingga Gred KP8 3. Pembantu Penguat Kuasa Gred KP1 hingga Gred KP4
8.	Kementerian Kesihatan Malaysia ● Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Pintu Masuk dan Hospital (Unit Kesihatan Awam)	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U5 hingga U14
	● Cawangan Farmasi, Penguatkuasaan dan Pelesenan	1. Pegawai Farmasi 2. Penolong Pegawai Farmasi

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penjagaan Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Papa/Pesakit Mental di Institusi Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tahun Pewujudan	2022
Objektif	Memastikan penjagaan warga emas, orang kurang upaya dan orang papa/pesakit mental diuruskan dengan baik dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai yang terlibat secara langsung dan sepenuh masa dalam melaksanakan tugas perkhidmatan penjagaan dan perawatan kesihatan kepada warga emas, orang kurang upaya dan orang papa/pesakit mental seperti berikut: a. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S1; dan b. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1. 2. Tidak dibayar kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan. 3. Pembayaran kepada pegawai di institusi kebajikan JKM seperti senarai di **Jadual E4-U40**.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Tempoh Kelulusan	1 Disember 2024 - 31 Disember 2024
Agensi	Jabatan Kebajikan Masyarakat
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(63)/1/1-1 (K) Jld. 3 (1) bertarikh 29 November 2021 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U40: Senarai institusi kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlibat dengan pelaksanaan pemberian elaun ini:

Penghuni	**Institusi Kebajikan**
Warga Emas	1. Rumah Seri Kenangan Kangar 2. Rumah Seri Kenangan Bedong 3. Rumah Seri Kenangan Taiping 4. Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta 5. Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar 6. Rumah Seri Kenangan Cheras 7. Rumah Seri Kenangan Seremban 8. Rumah Seri Kenangan Cheng 9. Rumah Seri Kenangan Johor Bahru 10. Rumah Seri Kenangan Kemumin 11. Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru 12. Rumah Ehsan Dungun
Orang Kurang Upaya	1. Taman Sinar Harapan Jubli 2. Taman Sinar Harapan Tampoi 3. Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu 4. Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu 5. Taman Sinar Harapan Seremban 6. Taman Sinar Harapan Cheras 7. Taman Sinar Harapan Jitra 8. Kompleks Sungai Buluh (Kompleks Penyayang Sungai Buluh)
Orang Papa/Pesakit Mental	1. Desa Bina Diri Mersing 2. Desa Bina Diri Jerantut 3. Desa Bina Diri Kuching 4. Desa Bina Diri Kota Kinabalu

Rujukan: **E4-U41**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Perkhidmatan Bomba
Tarikh Pewujudan	2020
Objektif	Memastikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan sentiasa dalam keadaan siap sedia.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada semua Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
Kadar	RM200.00 sebulan
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(15) bertarikh 13 November 2019 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1978</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman dapat disediakan melalui perkhidmatan kesihatan udara.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada anggota perubatan yang terlibat dengan perkhidmatan kesihatan udara seperti berikut:
1. Pegawai Perubatan;
2. Penolong Pegawai Perubatan;
3. Jururawat; dan
4. Jururawat Masyarakat.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Keadaan</th><th>Kadar (RM)</th></tr>
<tr><td>Satu penerbangan pergi dan balik dalam sehari</td><td>30.00</td></tr>
<tr><td>Satu penerbangan pergi dan balik yang melibatkan hari berlainan</td><td>30.00</td></tr>
<tr><td>Dalam sehari melibatkan lebih daripada satu penerbangan</td><td>Bilangan penerbangan pergi dan balik x 30.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Kesihatan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 36, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980
2. Surat JPA(SARAAN)262/10-2 (21) bertarikh 18 September 2008
3. Surat JPA(SARAAN)262/10-2 (44) bertarikh 20 November 2008
4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
Tahun Pewujudan	1992
Objektif	Mengiktiraf skim-skim perkhidmatan kritikal dalam menyokong dasar dan strategi pembangunan kerajaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. **Layak** dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana dalam 32 skim perkhidmatan seperti **Jadual E4-U43** dan memenuhi semua syarat seperti berikut: a. Mempunyai kelayakan/kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan; b. Dilantik sebagai pegawai tetap/sementara/kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan; dan c. Menggunakan kelayakan/kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan deskripsi tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal. 2. **Tidak layak** dibayar BIPK dalam keadaan berikut: a. pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berada dalam tempoh pemangkuan dan memangku jawatan Gred Utama/Gred Khas; dan b. pegawai yang menjalankan tugas-tugas hakiki lain selain yang disenaraikan dalam skim perkhidmatannya seperti tugas pentadbiran, pengurusan personel, perhubungan awam dan perkhidmatan kaunter. 3. Ketua Jabatan perlu mengesahkan pegawai berkenaan melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian BIPK berdasarkan kriteria dan syarat pemberian yang ditetapkan.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
1. Penerima sedia ada:
a. Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIPK yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.
b. Penerima sedia ada yang menerima kadar pegun BIPK yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIPK, pegawai akan menerima kadar BIPK pada kadar tetap baharu.
2. Penerima lantikan baharu/pegawai sedia ada yang baru berkelayakan menerima kadar tetap berikut:
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>BIPK
(RM) sebulan</th></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional*</td><td>9 - 15</td><td>165.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr>
<tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr>
</table>
*6 skim perkhidmatan menerima kadar tetap sedia ada sebanyak RM750.00 sebulan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi.
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Terhad kepada 32 Skim Perkhidmatan seperti di Jadual E4-U43</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>
1. Surat JPA.SARAAN(S)63/158 Klt.15(11) bertarikh 7 Ogos 2019
2. Surat JPA.SARAAN(S)63/158 Jld.15(16) bertarikh 9 Januari 2020
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
</td></tr>
</table>

Jadual E4-U43: Senarai Skim Perkhidmatan Kritikal dan Syarat Khusus BIPK

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT KHUSUS
1.	Pegawai Laut	-
2.	Penolong Pegawai Laut	-
3.	Pegawai Kawalan Trafik Udara	-
4.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	-
5.	Pemeriksa Kapal Terbang	-
6.	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang	-
7.	Juruterbang/Pemeriksa Kapal Terbang	-
8.	Penerbit Rancangan	-
9.	Pensyarah Perubatan	Bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian, bidang-bidang yang layak BIPK ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat Sarjana/PhD dan bukannya peringkat ijazah pertama.
10.	Pensyarah Pergigian	
11.	Pensyarah Farmasi	
12.	Pensyarah Universiti (Kejuruteraan, Perundangan, Kejururawatan, Ukur Bahan, Seni Bina)	
13.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kejuruteraan)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kejuruteraan) yang mengajar di sekolah menengah perlu memenuhi syarat waktu minimum mengajar sekurang-kurangnya 15 waktu seminggu.
14.	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Seni bina)	
15.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional	-
16.	Pegawai Ehwal Ekonomi (MIDA dan MATRADE)	-
17.	Pegawai Pertanian (Kejuruteraan)	-
18.	Pegawai Perikanan (Kejuruteraan)	-
19.	Arkitek	-
20.	Jurutera	-
21.	Juruukur Bahan	-
22.	Pemeriksa Kilang dan Jentera	-

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT KHUSUS
23.	Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera	-
24.	Penjaga Jentera Elektrik	-
25.	Pegawai Undang-Undang	-
26.	Pegawai Penyelidik	-
27.	Pegawai Perubatan	Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti Program Kepakaran Sarjana Perubatan/ Sarjana Pergigian/ Sub-kepakaran/ *Parallel Pathway* yang dilaksanakan dalam negara mengikut Sistem Bersepadu layak dibayar BIPK.
28.	Pegawai Pergigian	
29.	Pegawai Farmasi	-
30.	Jururawat	Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan yang sedang mengikuti kursus Pos Basik yang dikendalikan KKM layak dibayar BIPK.
31.	Penolong Pegawai Perubatan	
32.	Pengajar (Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan)	-

Rujukan: **E4-U44**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pos Basik
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah berkualiti dilaksanakan oleh anggota kesihatan yang terlatih.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada anggota paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai kelulusan sijil/diploma lanjutan dan berkhidmat dalam bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan klinikal yang diiktiraf tertakluk kepada syarat-syarat berikut: a. Hanya satu (1) Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu (1) sijil/diploma lanjutan pos basik; b. Anggota paramedik yang memiliki sijil pos basik tanpa mengira tempat pegawai bertugas selagi pegawai menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pos basik yang dimiliki dalam menjalankan tugas; c. Anggota paramedik yang bertugas merawat pesakit psikiatri, tibi dan kusta serta memiliki sijil/diploma lanjutan pos basik hanya layak satu jenis elaun sahaja yang mana lebih tinggi; d. Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas sepenuh masa di bilik mayat dan memiliki sijil pos basik dalam bidang forensik hanya boleh dibayar salah satu jenis elaun sahaja yang mana lebih tinggi; dan e. Penolong Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas pembiusan di hospital di Sabah dan Sarawak serta memiliki sijil pos basik dalam bidang anesthesia, hanya layak dibayar salah satu daripada bayaran insentif tersebut. 2. Senarai bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan klinikal yang diiktiraf bagi tujuan pembayaran BIPB perlu dirujuk kepada KKM.

Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Tinggi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/111/1Klt.5(13) bertarikh 27 September 2007 2. Surat JPA(SARAAN)262/10-2(49) bertarikh 28 November 2008 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1 (11) bertarikh 30 Mac 2011 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1 (36) bertarikh 30 Mac 2012 5. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1(44) bertarikh 4 Julai 2012 6. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1Jld.3(9) bertarikh 29 Januari 2015 7. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1Jld.3(18) bertarikh 29 Julai 2016 8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Bagi BIPB untuk bidang yang tidak termasuk dalam senarai kursus Pos Basik, perlu mendapat kelulusan mesyuarat Lembaga Pendidikan KKM.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1980</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas pengujian pesawat dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkelayakan mengikut prosedur yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pemeriksa Kapal Terbang berdasarkan jenis pesawat dan bilangan type rating mengikut klasifikasi pesawat-pesawat udara dan hendaklah menjalankan tugas-tugas pemeriksaan ke atas pesawat-pesawat udara.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>Kadar mengikut klasifikasi kapal terbang dan lesen type rating seperti berikut:
<table>
<tr><th>Klasifikasi Kapal Terbang</th><th>Type Rating</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Kapal terbang besar (Berat badan >12,500 lb)</td><td>1 type rating</td><td>800.00</td></tr>
<tr><td>2 type rating ke atas</td><td>1,600.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Kapal terbang sederhana (Berat badan 6,000 – 12,500 lb)</td><td>1 type rating</td><td>350.00</td></tr>
<tr><td>3 type rating ke atas</td><td>1,050.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Kapal terbang (Berat badan < 6,000 lb)</td><td>1 type rating</td><td>250.00</td></tr>
<tr><td>3 type rating ke atas</td><td>750.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Helikopter/ Non-Destructive Testing (NDT)/ Flight Information System (FIS)</td><td>1 type rating</td><td>450.00</td></tr>
<tr><td>2 type rating ke atas</td><td>900.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
</table>

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 1(b), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980 2. JPA(S)215/8/2-1(41) bertarikh 28 Oktober 1994 3. Perenggan 2.1(ii), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4(5) bertarikh 21 Mac 2007 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam (Lampiran E4-U54).

Nama Elaun	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara
Tahun Pewujudan	1994
Objektif	Memastikan keselamatan aliran trafik udara dikawal selia dengan cekap dan teratur.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar kepada Pegawai Kawalan Trafik Udara (PKTU) dan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara (PPKTU) yang memenuhi kriteria-kriteria berikut: 1. PKTU dan PPKTU yang menjalankan tugas di salah satu posisi dan terlibat dalam giliran kerja adalah layak dibayar Bayaran Insentif Rating Trafik Udara (BIRTU) berdasarkan tempoh masa kerja kumulatif yang tertinggi di antara posisi pada bulan berkenaan; 2. pegawai yang menjalankan tugas-tugas pengurusan atau fungsi-fungsi bukan kawalan trafik udara hanya layak dibayar BIRTU setelah bertugas secara giliran kerja sekurang-kurangnya sebanyak 24 jam secara kumulatif atau berturut-turut dalam tempoh sebulan di sesuatu posisi; dan 3. bagi tujuan pembayaran BIRTU kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas pengurusan atau fungsi-fungsi bukan kawalan trafik udara, perlu mendapatkan kelulusan untuk menjalankan fungsi-fungsi kawalan trafik udara daripada Ketua Pegawai Eksekutif CAAM.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Tempat (Posisi)</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Approach Control (Radar)</td><td>750.00</td></tr>
<tr><td>Area Control (Radar), Surface Movement Radar</td><td>600.00</td></tr>
<tr><td>Area Control</td><td>450.00</td></tr>
<tr><td>Approach (Procedural)</td><td>350.00</td></tr>
<tr><td>SMC, Aerodrome Control, Aerodrome Co-Ordinator, Clearance Delivery, Tower Area/Approach Flight Data</td><td>200.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 3(b)(iv), surat JPA(S)215/8/2-1/(16) bertarikh 7 Mac 1994
2. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.2(67) bertarikh 8 Januari 1999
3. Perenggan 2.2 (ii), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007
4. Surat JPA.(S).800.7/2/146 (2) bertarikh 9 Oktober 2023
5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>1. Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara (Lampiran E4-U35).
2. Istilah satu giliran kerja dalam surat bertarikh 7 Mac 1994 dibatalkan.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Memastikan rawatan awal kecemasan dikendalikan dengan berkesan oleh pegawai bomba yang berkelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: a. Pegawai Bomba yang bertugas di Unit *Pre-Hospital Care*, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan b. Jurulatih/Tenaga Pengajar Rawatan Kecemasan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM). 2. Menghadiri dan lulus dengan jayanya Kursus Asas *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS) dan menjalani latihan praktikal/latihan pengukuhan yang ditetapkan Jabatan.
Kadar	1. RM150.00 sebulan. 2. Bagi Jurulatih/Tenaga Pengajar Rawatan Kecemasan di ABPM, kadar adalah secara pro rata mengikut hari operasi.
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5(5) bertarikh 3 Januari 2007 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.12(19) bertarikh 19 Julai 2022 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Trengkas Dwibahasa</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1994</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas trengkas atau nota rintas dilaksanakan dengan cekap dan kompeten.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat (PSP/SP) Gred N1 hingga Gred N8;
2. Melaksanakan tugas trengkas dalam dwibahasa; dan
3. Ketua Jabatan bertanggungjawab:
a. mengesahkan senarai tugas PSP/SP memerlukan kemahiran trengkas atau nota rintas dwibahasa;
b. mengesahkan PSP/SP melaksanakan tugas trengkas atau nota rintas dwibahasa; dan
c. mengarahkan PSP/SP tersebut mengambil semula peperiksaan nota rintas sekiranya mutu kecekapan PSP/SP telah merosot. Sekiranya gagal, elaun tersebut akan dihentikan.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Tahap Kecekapan /Kederasan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 80 perkataan seminit (p.s.m.) dan menaip salinan trengkas atau nota rintas sederas 20 p.s.m</td><td>85.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas atau nota rintas sederas 25 p.s.m.</td><td>100.00</td></tr>
</table>
1. Bagi PSP/SP yang baru menduduki dan lulus peperiksaan trengkas yang berkaitan, pembayaran elaun adalah berkuat kuasa pada bulan berikutnya selepas tarikh keputusan peperiksaan tersebut diumumkan.
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>2. PSP/SP yang lantikan asalnya ialah sebagai Jurutrengkas Bahasa Inggeris dan telah lulus peperiksaan trengkas Bahasa Melayu adalah layak dibayar Elaun Trengkas Dwibahasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP) seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Tahap Kecekapan /Kederasan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 60 p.s.m dan menaip salinan trengkas sederas 20 p.s.m.</td><td>50.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 80 p.s.m dan menaip salinan trengkas sederas 20 p.s.m.</td><td>75.00</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 100 p.s.m dan menaip salinan trengkas sederas 20 p.s.m.</td><td>100.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 6, 7, 8, 9, 10 dan 11, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008
2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Tugas Hukuman Gantung</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1949</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan pelaksanaan hukuman gantung dikendalikan oleh pegawai yang berkemahiran dan memenuhi ketetapan perundangan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Memiliki kelayakan yang diiktiraf oleh Jabatan Penjara Malaysia;
2. Pegawai dilantik oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk melaksanakan hukuman gantung;
3. Dibayar kepada pegawai penjara yang melaksanakan hukuman gantung; dan
4. Kaedah bayaran adalah secara tuntutan.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Jawatan</th><th>Kadar sekali pelaksanaan gantung (RM)</th></tr><tr><td>Ketua</td><td>500.00</td></tr><tr><td>Pembantu</td><td>300.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Penjara Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)215/8/1 Klt.2/(39) bertarikh 1 Oktober 1993
2. Surat JPA(S)63/105(41) bertarikh 4 Februari 2005
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Sebat
Tahun Pewujudan	1949
Objektif	Memastikan pelaksanaan hukuman sebat dikendalikan oleh pegawai yang berkemahiran dan memenuhi ketetapan perundangan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Memiliki kelayakan yang diiktiraf oleh Jabatan Penjara Malaysia; 2. Pegawai dilantik oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk melaksanakan hukuman sebat; 3. Dibayar kepada pegawai penjara yang melaksanakan hukuman sebat; dan 4. Kaedah bayaran adalah secara tuntutan.
Kadar	RM10.00 sekali sebatan
Penerima	Jabatan Penjara Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(Sulit)63/71/(10) bertarikh 12 Februari 1976 2. Surat JPA(Sulit)63/71/(12) bertarikh 27 Mac 1976 3. Surat JPA(S)215/8/1 Klt.2/(39) bertarikh 1 Oktober 1993 4. Surat JPA(S)63/105(41) bertarikh 4 Februari 2005 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah
Tahun Pewujudan	1957
Objektif	Menjamin perkhidmatan penterjemahan bahasa dilaksanakan dengan betul dan tepat di mahkamah.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar kepada: 1. Jurubahasa yang lulus peperiksaan bahasa atau loghat selain daripada bahasa atau loghat yang disyaratkan untuk pelantikan kepada skim perkhidmatan Jurubahasa serta berkhidmat di mahkamah yang dikehendaki menjalankan tugas sebagai Jurubahasa; dan 2. Jika Ketua Jabatan mendapati pegawai gagal mengekalkan kecekapan penguasaan bahasa atau loghat sepertimana yang dikehendaki, pegawai berkenaan boleh dikehendaki menduduki semula peperiksaan dalam bahasa atas loghat berkenaan. Kegagalan dalam peperiksaan semula akan menyebabkan elaun ini diberhentikan sehingga lulus semula peperiksaan tersebut.
Kadar	1. Kadar adalah seperti di **Jadual E4-U51.** 2. Dibayar mulai bulan berikutnya selepas tarikh keputusan peperiksaan dengan syarat lulus keseluruhan peperiksaan bagi bahasa atau loghat tersebut.
Agensi	1. Pejabat Ketua Mahkamah Persekutuan 2. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) 3. Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1975 2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1976 3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2002 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Catatan	1. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan bahasa dan loghat serta menyimpan senarai rekod peperiksaan berkenaan yang dikendalikan setiap tahun. 2. Jurubahasa yang telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja boleh menduduki peperiksaan bahasa atau loghat. Permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan bahawa setiap Jurubahasa yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut: a. telah disahkan dalam perkhidmatan; b. mempunyai prestasi yang baik; dan c. tambahan bahasa atau loghat yang dipohon adalah perlu dan berguna dalam kerja harian Jurubahasa berkenaan. 3. Jurubahasa yang dilantik selepas 1 Oktober 2002, boleh mengumpul tiga (3) bahasa atau loghat bagi Elaun Bahasa Berpencen, manakala untuk bahasa atau loghat yang seterusnya diberi dengan taraf tidak berpencen; 4. Jurubahasa yang menikmati lebih daripada tiga Elaun Bahasa Berpencen sebelum 1 Oktober 2002, hanya layak dibayar Elaun Bahasa Berpencen atas kadar terkini untuk tiga (3) bahasa atau loghat pertama yang diperolehi. Elaun Bahasa Berpencen selebihnya yang diterima sebelum ini hendaklah terus dibayar atas kadar sebelum 1 Oktober 2002; 5. Mahkamah yang dimaksudkan adalah Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Syariah, Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Buruh dan Mahkamah Kuasa Tempatan; dan 6. Elaun ini akan diambil kira sebagai tambahan kepada gaji hakiki jika Jurubahasa bertukar skim perkhidmatan dalam pelarasan gajinya kepada gaji skim perkhidmatan baru.

Jadual E4-U51: kadar Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah

Kumpulan Bahasa	Bahasa/Loghat	Kadar Sebulan (RM)	
		Lisan	Tulisan
Bahasa Utama	Inggeris (Khas)	-	150.00
	Cina (Khas)	-	160.00
	Cina (Menengah)	-	120.00
	Jawi	-	90.00
	Tamil	70.00	90.00
	Mandarin	70.00	-
	Melayu	70.00	-
Bahasa Lain dan Loghat	Hock Chiu (Foo Chow)	90.00	-
	Hing Hua	90.00	-
	Hainanese (Hailam)	90.00	-
	Shanghainese	90.00	-
	Cantonese	90.00	-
	Hakka	90.00	-
	Hokkien	90.00	-
	Teochew	90.00	-
	Punjabi	90.00	150.00
	Telugu	90.00	150.00
	Malayalam	90.00	150.00
	Marathi	90.00	150.00
	Pushtu	90.00	150.00
	Bengali	90.00	150.00
	Gujerati	90.00	150.00
	Singhalese	90.00	150.00
	Hindi	90.00	150.00
	Urdu	90.00	150.00
	Jawa	90.00	-
	Bugis	90.00	-
	Boyan	90.00	-
	Thai	90.00	150.00
	Bahasa Tempatan di Sabah dan Sarawak	90.00	-
Bahasa Asing	Arab	120.00	150.00
	Jepun	120.00	150.00
	Lain-lain	120.00	150.00

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerbangan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1980</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan perkhidmatan kalibrasi penerbangan di lapangan terbang di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang menjalankan tugas kalibrasi penerbangan.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Tahun Perkhidmatan*</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1 - 5 tahun</td><td>350.00</td></tr>
<tr><td>6 - 10 tahun</td><td>750.00</td></tr>
<tr><td>11 tahun dan ke atas</td><td>1,000.00</td></tr>
</table>
*Perubahan kadar akan berlaku apabila genap 6 tahun dan 11 tahun perkhidmatan
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 1(c), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji(59) bertarikh 2 Februari 1980
2. Perenggan 2.4, Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Kewangan
Tahun Pewujudan	1999
Objektif	Memastikan tugas pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur secara sepenuh masa.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan secara **sepenuh masa**; dan 2. Pegawai Pengawal boleh memberi pertimbangan khas kepada pegawai-pegawai selain daripada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan. Pegawai-pegawai tersebut adalah seperti berikut: a. Pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan **sepenuh masa** tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan; dan b. Pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah yang ditempatkan bertugas di **pejabat kecil** dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan selain menjalankan tugas hakikinya.

Kadar

Bil.	Tahap Kecekapan /Kederasan	Kadar Sebulan (RM)
1.	Pegawai yang telah lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) atau memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan	80.00
2.	Pegawai yang belum lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM atau tiada kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan	40.00

Pegawai yang layak dibayar Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:

1. bagi Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan, BITK dibayar mulai tarikh penempatan pegawai di jawatan yang melaksanakan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa;
2. bagi pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah, BITK dibayar mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan secara sepenuh masa; dan
3. pemberian BITK pada kadar RM80.00 sebulan adalah pada keadaan seperti berikut:
    a. pegawai yang telah memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan semasa dilantik, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan;
    b. pegawai yang lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah tarikh keputusan peperiksaan tersebut dikeluarkan; dan

	c. pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan dan kemudiannya memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah memiliki kelayakan akademik tersebut.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2019 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	1. **'Pegawai Pengawal'** bermaksud pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguat kuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuatkuasakan di bawah tujuan itu, dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan. 2. **'pejabat kecil'** bermaksud unit di sesuatu jabatan sama ada di peringkat negeri, wilayah, daerah, stesen atau istilah lain yang digunakan bagi unit yang berkenaan di mana lokasi unit tersebut wujud secara bersendirian. Perjawatan unit ini adalah berdasarkan pengoptimuman sumber manusia sedia ada yang memerlukan kemahiran *multitasking* atau/dan *multi-skilling.* 3. **'tugas pengurusan kewangan'** bermaksud mana-mana tugas yang ditetapkan oleh JANM seperti di **Jadual E4-U53.**

Jadual E4-U53: Bidang Dan Deskripsi Tugas Pengurusan Kewangan dan Perakaunan

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
1.	**PENGURUSAN DAN KAWALAN BELANJAWAN**	
a.	Menyedia dan mengemaskini belanjawan tahunan.	i. Mendapatkan maklumat dalam penyediaan dasar belanjawan. ii. Menyedia pekeliling atau surat arahan berhubung dengan penyediaan anggaran belanjawan. iii. Memastikan cadangan anggaran belanjawan disediakan mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan atau surat arahan penyediaan anggaran belanjawan. iv. Menyediakan cadangan anggaran belanjawan tahunan yang disatukan dan mengemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam jangka masa yang ditetapkan. v. Membantu pegawai dalam pemeriksaan dan pembentangan belanjawan.
b.	Mengurus dan mengawal peruntukan.	i. Menyedia dan mengagihkan waran peruntukan. ii. Menguruskan pindahan, agihan, tambahan dan tarik balik peruntukan. iii. Mengemas kini rekod waran peruntukan.
c.	Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan.	i. Merekod dan mengemaskini Buku Vot. ii. Menyemak dan mengesahkan Buku Vot/Laporan Kedudukan Vot/Dana. iii. Menyediakan laporan perbelanjaan dari semasa ke semasa.
2.	**PENGURUSAN KEWANGAN AM**	
a.	Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar.	i. Merekod dan mengemaskini buku tunai panjar. ii. Menyemak dan mengesah buku tunai panjar. iii. Menyedia dan memproses baucar panjar dan Arahan Pembayaran rekupmen panjar. iv. Menyemak permohonan kiriman wang panjar. v. Memproses penghantaran wang panjar. vi. Menyedia atau menyemak jurnal dan Penyata Penyesuaian Panjar. vii. Menyedia Sijil Perakuan Panjar.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		viii. Menyemak dan mengesah Sijil Perakuan Panjar.
b.	Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai, pinjaman komputer dan telefon bimbit (*smart phone*) dan pinjaman kenderaan.	i. Memproses permohonan atau kelulusan semua jenis pendahuluan atau pinjaman Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk pinjaman perumahan dan lain-lain pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan. ii. Merekod, mengemaskini dan menyemak buku daftar semua jenis pendahuluan atau pinjaman. iii. Memantau bayaran balik pendahuluan atau pinjaman serta mengambil tindakan pelarasan sekiranya perlu. iv. Menyemak baki dan membuat pengiraan tunggakan bayaran balik serta denda yang perlu dikenakan. v. Menyedia dan mengedar laporan atau penyata akaun peminjam kepada pihak berkaitan. vi. Menyemak laporan akaun peminjam pendahuluan atau pinjaman dan mengambil tindakan susulan.
c.	Menguruskan keselamatan peti besi atau bilik kebal dimana wang awam dan barang-barang bernilai disimpan.	i. Menyimpan selamat wang awam dan buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang lain yang berharga termasuk kunci mesin meresit dalam peti besi/bilik kebal. ii. Menyimpan selamat dan mengendalikan penyerahan kunci kombinasi/anak kunci peti besi/bilik kebal. iii. Mengesah dan memperakui kandungan peti besi/bilik kebal dari semasa ke semasa. iv. Melaporkan kehilangan anak kunci peti besi/bilik kebal kepada Ketua Pejabat.
d.	Mengurus dan memantau akaun bank.	i. Menyedia atau memproses permohonan pembukaan dan penutupan akaun bank serta mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat pengurusan akaun bank. ii. Menyedia Penyata Penyesuaian Bank dan mengambil tindakan susulan. iii. Memantau penerimaan dan membuat semakan Penyata Penyesuaian Bank.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
e.	Mengurus dan mengendalikan pengedaran wang tunai, cek dan *Electronic Fund Transfer* (EFT).	i. Mengurus bekalan, penyimpanan dan penggunaan cek kosong. ii. Mengurus penyediaan cek bayaran termasuk mendapatkan tandatangan, menyemak ketepatan dan menyisih cek. iii. Menguruskan penghantaran cek. iv. Mengutip cek dan merekod dalam Daftar Pembayaran. v. Menguruskan penunaian cek terbuka. vi. Menyerahkan wang tunai atau cek kepada penerima berhak. vii. Menguruskan cek atau EFT gantian.
f.	Mendapatkan semula dan mengakaunkan perbelanjaan tidak rasmi atau terlebih bayar.	i. Mendapatkan maklumat butir-butir perbelanjaan tidak rasmi (contoh: panggilan telefon persendirian) atau bayaran yang terlebih bayar oleh jabatan. ii. Menyediakan surat atau memo tuntutan bayaran balik dan membuat kutipan. iii. Menyelaraskan amaun yang dikutip.
g.	Menyelenggara dokumen/borang kewangan terkawal.	i. Mengurus bekalan borang-borang kewangan terkawal seperti Resit Rasmi, Pesanan Kerajaan, Inden Kerja, Waran Perjalanan, Lesen, Buku Tunai Cerakinan dan dokumen kewangan terkawal lain. ii. Merekod dan menyimpan selamat borang atau dokumen kewangan terkawal seperti surat perjanjian, dokumen tender dan lain-lain. iii. Mengendalikan urusan kehilangan dan pelupusan dokumen atau borang kewangan terkawal.
h.	Mengendalikan Buku Daftar Cek Terimaan.	i. Merekod dan mengemaskini Buku Daftar Cek Terimaan. ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam Buku Daftar Cek Terimaan.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
3.	**PENGURUSAN TERIMAAN**	
a.	Mengurus pengeluaran invois semua jenis terimaan wang awam.	i. Mengumpul dan menyediakan maklumat untuk pengeluaran invois. ii. Mengeluarkan dan menguruskan penghantaran invois.
b.	Menerima semua jenis wang awam dan mengeluarkan Resit Rasmi.	i. Menerima kutipan wang tunai/cek/deraf bank/ePembayaran dan mod terimaan lain serta merekod dalam buku tunai. ii. Menyedia dan mengeluarkan Resit Rasmi (dalam apa jua bentuk). iii. Menyimpan rekod cek tak laku dan mengambil tindakan pengutipan semula terimaan. iv. Menyemak buku resit/lesen yang diterima selaras dengan Arahan Perbendaharaan 66. v. Menyediakan dokumen pelarasan bagi cek tak laku dan memaklumkan kepada Pemungut berkenaan.
c.	Mengumpul dan menyerahkan terimaan wang awam serta salinan dokumen/laporan terimaan kepada pegawai bertanggungjawab	i. Mengumpul dan menyerahkan semua kutipan wang tunai, cek, deraf bank, wang pos dan lain-lain bersama-sama salinan dokumen atau laporan terimaan kepada pegawai bertanggungjawab.
d.	Menyelenggara Buku Tunai Cerakinan/ Laporan Buku Tunai	i. Merekod dan mengemaskini Buku Tunai Cerakinan. ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam Buku Tunai Cerakinan/Laporan Buku Tunai.
e.	Menyedia Penyata Pemungut dan memasukkan terimaan ke bank.	i. Menyediakan Penyata Pemungut. ii. Memasukkan semua terimaan ke bank. iii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan pindah catat urus niaga penyata pemungut. iv. Menyemak dan mengesahkan terimaan yang telah diperakaunan telah dibankkan
f.	Menyediakan dan mengemukakan laporan	i. Menyediakan semua dokumen kewangan yang diperlukan dalam penyediaan Laporan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) untuk dihantar ke Bahagian Akaun Kementerian.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		ii. Menyelenggara dan melaporkan akaun belum diterima. iii. Memantau penerimaan, merekod, menyemak Laporan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan mengambil tindakan susulan.
g.	Menyelenggara Laporan Akaun Belum Terima (ABT)	i. Menyelenggara rekod dan laporan ABT termasuk menyelenggara: a) Akaun Kawalan ABT; b) Akaun Subsidiari ABT; dan c) Daftar-daftar lain: 1) Daftar Cek Tak Laku; 2) Daftar Sewaan; 3) Daftar Emolumen Terlebih Bayar; 4) Daftar Pendahuluan Diri; 5) Daftar Pendahuluan Pelbagai; 6) Daftar Denda Ke Atas *No Show Passenger*; 7) Daftar Penjejasan Nilai Akaun Belum Terima; dan 8) Daftar Hapus Kira. d) Penyata Akaun Belum Terima dan Tunggakan. ii. Memantau baki ABT dan mengutip ABT
4.	**PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN**	
a.	Menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.	i. Menerima dan mengumpul permohonan pembelian atau perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja serta menyemak cara perolehan dan peruntukan yang sedia ada. ii. Menyemak dan mengesahkan cara pembelian atau perolehan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa dan seterusnya mendapat kelulusan. iii. Menguruskan proses perolehan secara terus, sebutharga dan tender. iv. Mengesahkan bekalan, perkhidmatan atau kerja telah diterima atau dilaksanakan dengan sempurna.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
5.	**PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN**	
a.	Menguruskan hal ehwal bayaran emolumen dan potongan Pegawai Perkhidmatan Awam.	i. Menyediakan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96). ii. Menyemak dan mengesahkan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96). iii. Menyediakan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019). iv. Menyemak dan mengesahkan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019). v. Kunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019). vi. Menyemak dan mengesahkan ketepatan pindah catat urus niaga perubahan gaji dan Arahan Pembayaran. vii. Menyediakan Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan. viii. Menyediakan baucar jurnal untuk pelarasan emolumen. ix. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam laporan dan dokumen berkaitan.
b.	Menyediakan Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019) Pegawai Perkhidmatan Awam.	i. Menjana Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019). ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran di dalam Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019).
c.	Menerima, memproses dan mengagihkan cek dan laporan gaji kepada pihak yang berkaitan.	i. Menerima dan merekod dalam Buku Daftar Cek bayaran emolumen dan potongan gaji. ii. Mengagihkan cek kepada penerima yang berhak. iii. Menyemak dan mengesahkan laporan emolumen bulanan.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
6.	**PENGURUSAN PEMBAYARAN**	
a.	Menguruskan semua jenis bayaran selain bayaran emolumen Pegawai Perkhidmatan Awam.	i. Menerima dan menyemak invois, penyata atau dokumen sokongan. ii. Menyedia Arahan Pembayaran dan dokumen-dokumen sokongan. iii. Menyemak dan mengesah ketepatan butiran dalam Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan. iv. Menyemak dan mengesah ketepatan butiran bayaran melalui Kad Kredit Korporat. v. Menyelenggara rekod Akaun Belum Bayar (ABB).
b.	Menyedia dan memproses borang pewujudan, pembatalan atau pindaan akaun Sistem Bayaran Pukal.	i. Menyediakan Borang Wujud/Batal/Kemaskini Akaun Bayaran Pukal (Kew. 310E). ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran di dalam Borang Wujud/Batal/Kemaskini Akaun Bayaran Pukal (Kew. 310E). iii. Memproses Borang Kew. 310E dan mengambil tindakan selanjutnya ke atas borang yang telah disahkan.
c.	Menyemak bil pukal yang diterima daripada agensi dengan Laporan Bulanan Pembayaran Pukal dan Laporan Terperinci Pembayaran Pukal; dan mengambil tindakan susulan.	i. Menyemak dan mengesahkan Laporan Bulanan Pembayaran Pukal dan Laporan Terperinci Pembayaran Pukal; dengan bil yang diterima daripada agensi. ii. Mengambil tindakan susulan dengan agensi sekiranya memerlukan pembetulan atau tindakan selanjutnya jika bil tidak diterima dari agensi.
d.	Menyelenggara Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103)	i. Mengemaskini Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103). ii. Menyemak Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103) dan mengambil tindakan susulan.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
e.	Mengurus dan menyelenggara EFT/Cek dari segi pembatalan, penggantian, pembukaan palang dan penahanan cek/EFT.	i. Menyediakan Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan bagi bayaran semula EFT/Cek terbatal. ii. Memproses EFT/Cek gantian di atas permohonan atau cek rosak. iii. Memproses pembatalan palang cek mengikut peraturan yang ditetapkan. iv. Memaklumkan dan menghantar surat kepada bank mengenai penahanan bayaran ke atas EFT/Cek. v. Mengambil tindakan susulan yang perlu ke atas EFT/Cek yang ditahan pembayaran berdasarkan arahan yang sah.
f.	Membantu menguruskan kredit pembekal/surat piutang.	i. Menyediakan atau memproses permohonan kredit pembekal (pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan dalam bentuk barangan) atau surat piutang (*Letter of Credit*). ii. Mengesahkan pembayaran ke atas kes-kes ketidaksamaan atau pindahan.
g.	Menyelenggara, mengemaskini dan mengedarkan Jadual Kadar Pertukaran Matawang Asing.	i. Menyediakan dan mengedarkan Jadual Kadar Pertukaran Matawang Asing.
7.	**PENGURUSAN AKAUN**	
a.	Menyelenggara, mengemaskini, memantau akaun vot/dana/amanah/terimaan/ deposit.	i. Merekod dan mengemaskini urus niaga vot/dana/amanah/terimaan/deposit secara manual atau berkomputer. ii. Menyemak laporan vot/dana/amanah/terimaan/deposit. iii. Menyedia Mengesah baki dan menyedia penyata penyesuaian akaun vot/dana/amanah/terimaan/deposit. iv. Memantau penerimaan Sijil Pengesahan Baki serta Penyata Penyesuaian dan mengambil tindakan susulan. v. Menyedia Sijil Pengesahan Baki vot/dana/amanah/terimaan/deposit.

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		vi. Menyemak dan mengesah Sijil Pengesahan Baki vot/dana/amanah/terimaan/deposit.
b.	Menyelenggara dan mengemaskini akaun subsidiari termasuk penyesuaian dengan akaun kawalan.	i. Merekod dan mengemaskini Daftar Akaun Subsidiari. ii. Memproses dan memindah catat data atau maklumat akaun subsidiari. iii. Menyediakan penyesuaian akaun subsidiari dengan akaun kawalan.
c.	Menyelenggara buku daftar dokumen kewangan.	i. Merekod, mengemaskini dan menyemak buku daftar dokumen kewangan.
8.	**PEMANTAUAN DAN NAZIRAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN**	
a.	Menjalankan pemantauan dan naziran kewangan dan perakaunan	i. Naziran Belanja ii. Naziran Terimaan iii. Naziran Pendahuluan iv. Naziran Aset v. Naziran pematuhan Piawaian Perakaunan Sektor vi. Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards* - MPSAS), melibatkan Liabiliti, Ekuiti, Belanja, Aset Dan Hasil.
9.	**PERAKAUNAN PENGURUSAN**	
a.	Menganalisis maklumat kewangan dan bukan kewangan dan menyediakan laporan berkaitan Perakaunan Pengurusan	i. Analisis Pengekosan – myCOST: a) *PTJ Based Costing* (PBC) b) *Outcome Based Costing* (OBC) ii. Analisis Penyata Kewangan Dan Penilaian Risiko iii. Analisis Pengurusan Prestasi iv. Analisis Sumber v. Analisis maklumat kewangan dan bukan kewangan

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
10.	**PERAKAUNAN ASET**	
a.	Menjalankan tugasan berkaitan perakaunan aset	i. Perakaunan Perolehan Aset: a) Perolehan Aset Hadiah /Sumbangan dan Lain-lain. b) Perolehan Aset Pajakan Kewangan. c) Perolehan Aset Konsesi. ii. Perakaunan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan: a) Arahan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan. b) Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan Pindahan Aset. iii. Perakaunan Pindahan Aset iv. Perakaunan Pengelasan Aset v. Perakaunan Pelarasan Aset vi. Perakaunan Pembatalan Urus niaga Aset vii. Perakaunan Penilaian Semula Aset viii. Perakaunan Penjejasan Aset ix. Perakaunan Pelupusan Aset
11.	**KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN**	
a.	Memberi khidmat nasihat dan perundingan kewangan dan perakaunan	i. Khidmat nasihat berkaitan prosedur/piawaian perakaunan dan kewangan. ii. Memantau, memberi khidmat nasihat dan menjadi pakar rujuk sistem perakaunan dan kewangan. iii. Membantu menyelesaikan isu berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan.

Bidang dan Deskripsi Tugas Pengurusan Kewangan dan Perakaunan seperti di Jadual E4-U53 adalah berdasarkan Lampiran B1, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2020 serta tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam
Tahun Pewujudan	1977
Objektif	Memastikan tugas pemeriksaan kapal terbang dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pemeriksa Kapal Terbang yang diarah dan melaksanakan tugas pemeriksaan kapal terbang
Kadar	RM1,500.00 sebulan
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 1(b), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980 2. Perenggan 2(a), Surat JPA(S)215/8/2-1(41) bertarikh 28 Oktober 1994 3. Perenggan 2.1(i), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4(5) bertarikh 21 Mac 2007 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang (Lampiran E4-U45)

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear
Tahun Pewujudan	1989
Objektif	Memastikan tugas pengendalian reaktor nuklear dilaksanakan dengan teratur berdasarkan prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai berikut: a. Penolong Jurutera Gred JA5; b. Penolong Pegawai Sains Gred C5; c. Pembantu Makmal Gred C1 dan C2; dan d. Pegawai lain yang berkelayakan dan mengendalikan reaktor nuklear di Loji dan Pusat Kemudahan Agensi Nuklear Malaysia. 2. Lulus peperiksaan khas bertulis dan latihan amali berkaitan tugas pengendalian reaktor nuklear; dan 3. Tugas mengendali reaktor dan loji merupakan tugas tambahan pegawai.
Kadar	RM150.00 sebulan
Agensi	Agensi Nuklear Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan (a), Surat JPA(S)63/17/9/(33) bertarikh 4 Mei 1989 2. Surat JPA(S)(BGE)63/17-2 Klt. 2 (4) bertarikh 28 Mac 2008 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1999</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas pengurusan stor dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut tatacara yang berkuat kuasa.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Kelayakan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang kawalan stok dan penstoran; dan
2. Bidang tugas pengurusan stor adalah seperti di Jadual E4-U56.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Kelayakan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pegawai yang memiliki kelayakan* yang diiktiraf</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pegawai yang tidak memiliki kelayakan* yang diiktiraf</td><td>40.00</td></tr>
</table>
**kelayakan - sijil atau slip keputusan peperiksaan
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1999
2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Jadual E4-U56 : Perincian Tugas Pengurusan Stor

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
1.	Kawalan Stok	i. Mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut paras-paras stok tertentu serta menyediakan pesanan (rekuisisi) bagi penokokan stok. Mengurus rekod yang sistematik dalam daftar stok mengikut kod dan menyelenggara katalog barang-barang. ii. Melaksanakan pemeriksaan stok (pengiraan fizikal) berkala ke atas semua jenis barang dan menyelaras dengan rekod-rekod stok. iii. Menyediakan laporan/penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang stor.
2.	Penstoran	i. Mengurus hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna. ii. Menguruskan hal ehwal pembungkusan, pengangkutan dan penghantaran barang-barang ke destinasi tertentu. iii. Mengurus, mengemaskini dan memantau semua akaun berhubung dengan kawalan stok, kawalan kerja dan kawalan kewangan bagi stor-stor tidak beruntuk (*unallocated stores*)

Nama Elaun	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan.
Tahun Pewujudan	1998
Objektif	Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berterusan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada anggota perubatan yang terlibat dengan tugas-tugas atas panggilan selepas waktu pejabat seperti berikut: 1. Jururawat Masyarakat yang bertugas secara berseorangan di Klinik Desa di seluruh negara; dan 2. Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas secara berseorangan di Klinik Kesihatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA 63/31 SK. 6 Klt. 4 (34) bertarikh 24 April 1998 2. Surat JPA(S)471/Klt. 6 (8) bertarikh 1 Mac 2004 3. Surat JPA(S) 471/Klt. 7/(28) bertarikh 17 September 2004 4. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023 5. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld.3 (19) bertarikh 28 Ogos 2024 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2002</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan perkhidmatan rawatan pesakit selepas waktu pejabat di klinik kesihatan dan klinik rawatan pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital dilaksanakan dengan berkesan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (Kumpulan Pengurusan dan Profesional, [P&P]) yang bertugas dalam waktu peluasan (extended hours) selepas waktu pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital merangkumi Hari Bekerja Biasa, Hari Rehat Mingguan (Sabtu), Hari Kelepasan Mingguan (Jumaat/Ahad) dan Hari Kelepasan Am.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Kadar Sejam (RM)</th></tr>
<tr><td>Pegawai Perubatan</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (P&P)</td><td>25.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Kesihatan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S).800-7/2/148 (9) bertarikh 30 Mac 2023
2. Surat JPA(S).800-7/2/148 (27) bertarikh 16 Jun 2023
3. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.2 (5) bertarikh 21 September 2023
4. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.2 (11) bertarikh 6 November 2023
5. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.3 (2) bertarikh 12 Mac 2024
6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Pindaan nama daripada Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Guru Besar dan Pengetua</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1989</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan urusan pentadbiran sekolah dilaksanakan oleh Pengetua atau Guru Besar yang berkelayakan dan terlatih.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik sebagai Pengetua di sekolah menengah atau Guru Besar di sekolah rendah.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Kategori</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Pengetua</td><td>300.00</td></tr><tr><td>Guru Besar</td><td>200.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Pendidikan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)63/75/3 (SV8) bertarikh 12 Januari 2001
2. Surat JPA(SARAAN)(S)63/17-1 Jld. 2 (32) bertarikh 7 April 2010
3. Surat JPA.SARAAN(S)63/75/3 Klt.9(6) bertarikh 19 Januari 2015
4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Guru Kelas Bahasa Ibunda</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2001</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Meningkatkan penguasaan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar Cina dan India di sekolah kebangsaan selepas waktu persekolahan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab Tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina selepas waktu persekolahan; dan
2. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar Bahasa Tamil dan Bahasa Cina di sekolah kebangsaan selepas waktu persekolahan hendaklah memiliki kelayakan yang relevan sekurang-kurangnya di peringkat sijil ikhtisas atau setaraf.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Kadar Sejam (RM)</th></tr>
<tr><td>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 dan ke atas</td><td>60.00</td></tr>
<tr><td>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 hingga DG8</td><td>50.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Pendidikan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)215/8/2-10(SV160) bertarikh 28 Ogos 2001
2. Surat JPA (BGE) (S) 63/51/4 (9) bertarikh 11 Oktober 2007
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Jurulatih Sukan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2008</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas kejurulatihan dilaksanakan oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkelayakan dan terlatih.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang menjadi jurulatih bagi Program Bakat Muda di Pusat Kecemerlangan Sukan yang melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) jenis sukan prestasi tinggi mengikut syarat dan peraturan Persekutuan Sukan Antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
2. Mempunyai Sijil Kejurulatihan yang diiktiraf oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan dan mempunyai keahlian yang aktif dalam Pendaftaran Jurulatih Peringkat Kebangsaan di bawah Institut Sukan Negara Malaysia;
3. Melaksanakan sesi latihan sekurang-kurangnya tiga (3) kali seminggu selama dua (2) jam sehari kecuali pada masa cuti persekolahan dan bulan Ramadan; dan
4. Perlu mengemukakan laporan lengkap Program Latihan dan Prestasi Kemajuan Atlet secara bulanan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Tahap Kemahiran*</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Tahap III</td><td>375.00</td></tr><tr><td>Tahap II</td><td>300.00</td></tr><tr><td>Tahap I</td><td>225.00</td></tr></table>**Berdasarkan kepada kelayakan yang diiktiraf oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan*</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Pendidikan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(BGE)(S)63/51/5(14) bertarikh 25 Januari 2008
2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Kerja Luar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2007</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Menghargai penugasan di luar pejabat dalam memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air dan tanah.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab Tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang perlu bermalam dan berkhemah dalam hutan kerana menjalankan tugas rasmi dengan syarat seperti berikut:
1. Pegawai yang menuntut elaun ini tidak layak membuat tuntutan Elaun Lojing. Walau bagaimanapun, pegawai masih layak menuntut elaun dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi; dan
2. Pegawai perlu menyatakan alamat secara kasar atau kedudukan perkhemahannya seperti nombor management unit atau kedudukan global positioning system semasa membuat tuntutan elaun ini.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Gred</th><th>Kadar Semalam (RM)</th></tr><tr><td>12</td><td>70.00</td></tr><tr><td>9 - 10</td><td>65.00</td></tr><tr><td>1 - 8</td><td>50.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.3 (40) bertarikh 30 Januari 2008
2. Surat JPA.(S).800-6/1/48 (12) bertarikh 15 Februari 2023
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Kerja Luar Kadastra dan Pemetaan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1974</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Menggantikan kelayakan tuntutan kerana bertugas rasmi bagi tugas-tugas melibatkan penyediaan maklumat ukur hak milik tanah, pemetaan dan persempadanan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang menjalankan aktiviti pengukuran bagi kerja-kerja berikut:
a. ukur kadaster (meliputi ukuran hakmilik, trabas kawalan dan semakan kerja-kerja strata);
b. ukuran pemetaan topografi (termasuk pemetaan utiliti);
c. ukuran sempadan antara negeri; dan
d. ukuran sempadan antarabangsa Malaysia - Thailand.
2. Pegawai tidak layak menuntut perbelanjaan penginapan dan Elaun Makan sekiranya dibayar elaun ini.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th rowspan="2">Gred</th><th colspan="5">Kadar Sehari (RM)</th></tr>
<tr><th>A</th><th>B</th><th>C</th><th>D</th><th>E</th></tr>
<tr><td>J9 dan J10</td><td>12.67</td><td>31.70</td><td>34.67</td><td>79.00</td><td>44.17</td></tr>
<tr><td>JA5 - JA8</td><td>9.87</td><td>24.67</td><td>27.67</td><td>62.20</td><td>35.07</td></tr>
<tr><td>H1</td><td>8.67</td><td>21.67</td><td>24.67</td><td>55.00</td><td>31.17</td></tr>
</table>
Catatan:
A. Tugas dalam kawasan pejabat
B. Tugas dalam kawasan biasa di luar kawasan pejabat
C. Tugas dalam kawasan hutan di luar kawasan pejabat
D. Tugas pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia – Thailand
E. Tugas pengukuran sempadan antara negeri
</td></tr>
</table>

Penerima	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.63/32/11(11) bertarikh 19 Disember 1974 2. Perenggan (b), Surat JPA.63/32/(77) bertarikh 22 Jun 1982 3. Surat JPA.63/32/(101) bertarikh 29 Jun 1983 4. Surat JPA 63/32/(102) bertarikh 7 Julai 1983 5. Surat JPA 63/32/(133) bertarikh 30 November 1985 6. Perenggan 2.1, Surat JPA 63/32/JD.2/(27) bertarikh 6 Ogos 1996 7. Perenggan B10, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 8. Surat JPA(S)63/183(18) bertarikh 24 April 2008 9. Surat JPA(S)63/183(44) bertarikh 5 Mac 2010 10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Rujukan: **E4-U64**

Nama Elaun	Elaun Lebih Masa
Tahun Pewujudan	1974 (Perintah Am Bab G - Waktu Bekerja dan Lebih Masa)
Objektif	Memastikan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan di luar waktu bekerja biasa diselesaikan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat dalam PPSM SR.4 Waktu Bekerja Ceraian SR.4.3.1 Kerja Lebih Masa dan Elaun Lebih Masa.
Kadar	Rujuk kadar dalam PPSM SR.4 Waktu Bekerja Ceraian SR.4.3.1 Kerja Lebih Masa dan Elaun Lebih Masa.
Penerima	Semua Kementerian dan Agensi kecuali ATM, PDRM, APMM, JBPM, Jabatan Penjara Malaysia dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Luar Penghulu</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1974</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas penghulu di peringkat kampung dilaksanakan secara berterusan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Penempatan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat-syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Penghulu Gred NP5, NP6, NP7 dan NP8</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td><table><tr><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>NP7 dan NP8</td><td>300.00</td></tr><tr><td>NP6</td><td>250.00</td></tr><tr><td>NP5</td><td>200.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Agensi</td><td>Kerajaan Negeri</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 19, Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991
2. Perenggan 9, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996
3. Perenggan 12, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002
4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009
5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Rujukan**: E4-U66**

Nama Elaun	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia
Tahun Pewujudan	2005
Objektif	Memastikan tugas-tugas pemanduan dilaksanakan oleh pegawai penjara dengan cekap.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat-Syarat Khusus	Dibayar kepada pegawai penjara yang mempunyai kelayakan dan memandu kenderaan Jabatan Penjara Malaysia mengikut tahap seperti berikut: 1. **Gred 1:** a. Menjadi pemandu kepada Komisioner Jeneral Penjara (JUSA A) dan/atau Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (JUSA B); b. Mempunyai lesen Kelas "E" yang ditugaskan memandu kenderaan berat yang melebihi 7.5 tan; c. Semua penyelia pengangkutan yang bertanggungjawab dalam penyeliaan operasi, penyeliaan pemandu, pemprosesan lesen pasukan dan menguruskan pengeluaran kenderaan; dan d. Hadir dan lulus Kursus Pemanduan Berhemah. 2. **Gred 2:** a. Semua pemandu yang memiliki lesen memandu kelas 'D'; b. Semua pemandu yang memiliki lesen memandu kelas 'E'; dan c. Hadir dan lulus Kursus Pemanduan Berhemah. 3. **Gred 3** a. Semua pemandu am yang telah menjalankan tugas berterusan selama tiga (3) tahun; dan b. telah mencapai prestasi baik serta disokong oleh Pegawai Pemerintah. 4. **Pemandu Am** a. Semua pemandu kelas 'D' dan 'E' yang belum menghadiri kursus; dan b. ditugaskan membawa kenderaan ringan dan telah menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) bulan.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>135.00</td></tr>
<tr><td>2</td><td>105.00</td></tr>
<tr><td>3</td><td>90.00</td></tr>
<tr><td>Pemandu Am</td><td>75.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Penjara Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)63/122/1-1(25) bertarikh 16 Februari 2005
2. Surat JPA.(S).800-7/2/103(3) bertarikh 16 Ogos 2022
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Elaun Pemangkuan
Tahun Pewujudan	1976
Objektif	Memastikan pegawai menerima imbuhan kerana menjalankan tugas di gred yang lebih tinggi.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat dalam PPSM UP.3 Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Ceraian UP.3.1.1 Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.
Kadar	Rujuk kadar dalam PPSM UP.3 Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Ceraian UP.3.1.1 Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Catatan	Dikawal selia oleh Bahagian Perkhidmatan, JPA

Nama Elaun	Elaun Pembantu Khas
Tahun Pewujudan	1994
Objektif	Memastikan tugas Pembantu Khas dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat (PSP/SP) Gred N1 hingga Gred N7 yang menjalankan tugas sebagai Pembantu Khas kepada pegawai penyelia yang diperuntukkan Pembantu Khas; 2. PSP/SP yang tidak dikhususkan sebagai Pembantu Khas tetapi diarahkan oleh Ketua Jabatan menjalankan tugas-tugas Pembantu Khas secara ganti kepada pegawai penyelia yang layak mendapat Pembantu Khas; 3. Sekiranya PSP/SP yang bertugas sebagai Pembantu Khas diarah menanggung tugas Pembantu Khas yang lain, pegawai tersebut hanya layak dibayar Elaun Penanggungan Kerja atas jawatan yang ditanggung; dan 4. Jadual penetapan gred jawatan hakiki PSP/SP yang menjalankan tugas Pembantu Khas kepada pegawai penyelia yang layak berdasarkan gred jawatan hakiki pegawai penyelia serta jadual penempatan secara fleksi PSP/SP kepada pegawai penyelia yang layak adalah berdasarkan kepada **Perenggan 5 dan 6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2010.**

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Hakim Mahkamah Atasan*</td><td rowspan="2">250.00</td></tr>
<tr><td>Gred Turus I, II dan III atau setaraf</td></tr>
<tr><td>Gred Utama A dan B atau setaraf</td><td rowspan="2">190.00</td></tr>
<tr><td>Gred Khas A dan B atau setaraf **</td></tr>
<tr><td>Gred Utama C atau setaraf</td><td rowspan="2">150.00</td></tr>
<tr><td>Gred Khas C atau setaraf **</td></tr>
<tr><td>Gred 14 atau setaraf **</td><td rowspan="2">120.00</td></tr>
<tr><td>Gred 13 dan Gred 12 atau setaraf ***</td></tr>
</table>
*Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah & Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi & Pesuruhjaya Kehakiman
**tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Perjawatan dan Organisasi)
***yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Perjawatan dan Organisasi)
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 4(c), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1988
2. Perenggan 7, 8, 9 10 dan 11, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2010
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Pembedahan Elektif</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>2008</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan kes-kes tertunggak melibatkan pembedahan elektif dapat diselesaikan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian syarat umum pemberian elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Pergigian Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengendalikan pembedahan elektif pada hari Sabtu di hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Jawatan</th><th>Kadar Sejam (RM)</th></tr>
<tr><td>Pegawai Perubatan Pakar/Pegawai Pergigian Pakar</td><td>200.00</td></tr>
<tr><td>Pegawai Perubatan/Pegawai Pergigian</td><td>80.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Kesihatan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA (S) (BGE) 63/111 /1 Klt.6 (13) bertarikh 14 April 2008
2. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1 JLD.11 (17) bertarikh 5 Ogos 2019
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

Rujukan**: E4-U70**

Nama Elaun	Elaun Penanggungan Kerja
Tahun Pewujudan	1974
Objektif	Memastikan pegawai menerima imbuhan sewajarnya dalam tempoh penanggungan kerja.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat dalam PPSM PO.1 Panduan Pentadbiran Pengurusan Pejabat Ceraian PO.1.1.6 Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam.
Kadar	Rujuk kadar dalam PPSM PO.1 Panduan Pentadbiran Pengurusan Pejabat Ceraian PO.1.1.6 Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Catatan	Dikawal selia oleh Bahagian Perkhidmatan, JPA.

Rujukan: **E4-U71**

Nama Elaun	Elaun Pengetua Asrama
Tahun Pewujudan	1975
Objektif	Memastikan urusan pentadbiran dan pembangunan hal ehwal pelajar dapat dilaksanakan dengan cekap.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai akademik di universiti yang dilantik sebagai Pengetua Asrama.
Kadar	RM400.00 sebulan
Penerima	Universiti Awam
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 4(b), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Elaun Pentadbiran Hospital
Tahun Pewujudan	1979
Objektif	Memastikan tugas pentadbiran hospital dilaksanakan dengan berkualiti oleh Pegawai Perubatan yang berkelayakan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Pegawai Perubatan yang mempunyai **kelulusan lepasan ijazah yang diiktiraf oleh Kerajaan** dalam bidang Pentadbiran Hospital dan menjalankan tugas dalam bidang tersebut di peringkat kementerian, negeri atau daerah; 2. Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai kelulusan ijazah dalam Pentadbiran Hospital, tetapi telah menjalankan tugas sebagai Pengarah/Penguasa Perubatan Hospital atau Pegawai Perubatan yang menjaga hospital dan telah dibayar elaun pada kadar RM250.00 sebulan berdasarkan surat JPA(S)81/8/5-2 Klt.3/(69) bertarikh 14 September 1993, boleh terus dibayar elaun pada kadar tersebut selagi masih menjalankan tugas berkenaan; 3. Sekiranya, pegawai dikenakan hukuman tatatertib supaya turun pangkat maka pegawai hanya layak dibayar elaun mengikut kadar bayaran bagi pangkat yang diterima selepas diturunkan pangkat itu; dan 4. Pemanjangan pembayaran elaun ini kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai Ijazah Lanjutan Pentadbiran Hospital dan menjalankan tugas berkaitan pentadbiran hospital sama ada di peringkat kementerian, negeri atau daerah.

<table>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas dan ke atas</td><td>2,480.00</td></tr>
<tr><td>15</td><td>2,240.00</td></tr>
<tr><td>14</td><td>2,240.00</td></tr>
<tr><td>13</td><td>2,000.00</td></tr>
<tr><td>12</td><td>1,760.00</td></tr>
<tr><td>10</td><td>1,520.00</td></tr>
<tr><td>9</td><td>1,280.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Kementerian Kesihatan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Surat JPA(S)81/8/5-2 Klt.2 /(69) bertarikh 14 September 1993
2. Perenggan B4, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996
3. Perenggan B4, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001
4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2009
5. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-3 Jld.2 (13) bertarikh 30 Ogos 2018
6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Pengecualian pemakaian syarat umum pemberian elaun dalam keadaan Cuti Separuh Gaji dan Cuti Bergaji Penuh (Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009).</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Elaun Pesuruhjaya Sumpah
Tahun Pewujudan	1975
Objektif	Memastikan dokumen/surat akuan bersumpah diperakukan seperti mana ketetapan dalam akta atau peraturan yang berkuat kuasa.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Jurubahasa Mahkamah, Pembantu Tadbir dan pegawai lain dalam Gred 1 hingga Gred 4 yang diwartakan sebagai Pesuruhjaya Sumpah.
Kadar	RM120.00 sebulan
Agensi	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perkara (d), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1975 2. Perenggan B11, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 3. Surat JPA MBG/A/4280/D/3 SK1 Klt. 2 (26) bertarikh 9 November 2011 4. Surat JPA MBG/A/4280/D/3 SK1 Klt. 2 (28) bertarikh 23 November 2011 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Rujukan: **E4-U74**

Nama Elaun	Elaun Syarahan Akademik Sambilan
Tahun Pewujudan	1985
Objektif	Memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun
Syarat Kelayakan	1. Layak dibayar kepada pensyarah sambilan yang dilantik untuk memberi syarahan akademik apabila wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi tempoh yang panjang termasuk cuti sabatikal, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar; 2. Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandangnya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh pensyarah yang dilantik secara sambilan atau pensyarah lain; 3. Pelantikan sebagai pensyarah sambilan tidak menjejaskan tugas hakiki pensyarah yang dilantik berkenaan; 4. Tugas sebagai pensyarah sambilan adalah merupakan tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya; 5. Perlantikan pensyarah sambilan adalah di bawah bidang kuasa Dekan atau Ketua Jabatan di institusi pendidikan tinggi berkenaan. Pensyarah sambilan dilantik daripada pensyarah-pensyarah yang berkelayakan dari fakulti yang sama atau berlainan di universiti yang sama atau dari universiti yang berlainan sekiranya tidak ada kepakaran di universiti yang sama. Lantikan juga boleh dibuat daripada kalangan pegawai sektor awam yang mempunyai kelulusan akademik yang diperlukan. Walau bagaimanapun, keutamaan perlu diberi kepada pensyarah universiti yang sama; dan 6. Pensyarah yang dilantik sebagai pensyarah sambilan perlu mendapat kelulusan Dekan atau Ketua Jabatan masing-masing. Pensyarah juga dikehendaki membuat laporan kepada Dekan atau Ketua Jabatan berhubung dengan Elaun Syarahan Akademik Sambilan yang diterima.
Kadar	RM100.00 sejam dengan had maksimum RM1,200.00 sebulan.

Penerima	Universiti Awam
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 1.2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1985 2. Perenggan 3, 5, 6 dan 7, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
Tahun Pewujudan	1997
Objektif	Memastikan Pembantu Khidmat Am yang diberikan tanggungjawab khas pemanduan melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. **Pembantu Khidmat Am** yang **dikhususkan** memandu termasuk menjaga, menyelenggara dan menguruskan kenderaan seperti berikut: a. Kereta rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas; b. Ambulans atau apa-apa kenderaan yang memenuhi spesifikasi ambulans yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau mana-mana pihak yang berautoriti; c. Kenderaan/Jentera dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) yang melebihi 5,000 kilogram; atau d. Kenderaan di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pemandu terlibat secara langsung dengan tugas operasi mencegah penyeludupan. 2. **Pegawai Bomba Gred KB1** yang memandu kenderaan JBPM dan melebihi 5,000 kilogram dan kenderaan *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS) bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan sahaja. 3. Pembantu Khidmat Am/Pegawai Bomba Gred KB1 yang **tidak dikhususkan** memandu kenderaan seperti di atas tetapi diarahkan untuk memandu kenderaan tersebut pada masa-masa tertentu **layak** dibayar elaun ini secara pro rata.
Kadar	RM150.00 sebulan

	<u>Pembayaran secara pro rata:</u> 1. Tempoh empat (4) jam adalah dikira mulai dari Pembantu Khidmat Am/Pegawai Bomba Gred KB1 memandu kenderaan sehingga selesai tugasnya, meliputi tempoh menunggu kerana menjalankan tugas rasmi yang ada kaitan dengan tugas hakikinya atau Jabatannya atau pegawai yang dibawanya. 2. Dalam keadaan Pembantu Khidmat Am/Pegawai Bomba Gred KB1 yang tidak dikhususkan dan bertugas secara syif atau atas panggilan (*oncall*), bilangan hari menjalankan tugas adalah merujuk kepada giliran bertugas Pembantu Khidmat Am/Pegawai Bomba Gred KB1 tersebut. Ini bermakna satu giliran bertugas bagi Pembantu Khidmat Am/Pegawai Bomba Gred KB1 tersebut adalah dikira sebagai satu hari bertugas. 3. Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia yang memandu kenderaan JBPM melebihi 5,000kg dan kenderaan EMRS bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan sahaja.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1Jld.8(45) bertarikh 25 November 2014 2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2019 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/13/3 Jld.2 (20) bertarikh 26 Februari 2019 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld. 2(20) bertarikh 19 Julai 2022 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

BORANG TUNTUTAN ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU (ETKP)
BAGI BAYARAN SECARA PRO RATA (*PROPORTIONATE*) BAGI BULAN ____TAHUN _____.

Arahan: Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **HURUF BESAR.**

BAHAGIAN I : MAKLUMAT PEGAWAI (PEMANDU KENDERAAN)

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Jawatan/Gred :

BAHAGIAN II : KENYATAAN TUNTUTAN ETKP

Bil.	**Tarikh**	**Waktu**		**Jumlah Jam**	**Jenis Kenderaan @ BTM**	**No. Plat Kenderaan**	**Kenyataan Tugas (tujuan/tempat/dll.)**
		Mulai	Hingga				

4. **Jumlah Tuntutan** = $\frac{\text{(A)}}{\text{(B)}}$ x RM150.00 = RM _____

Nota: 1. (A) adalah bilangan hari menjalankan tugas.
2. (B) adalah bilangan hari dalam bulan berkenaan.

BAHAGIAN III: PENGAKUAN PEGAWAI

5. Saya mengaku bahawa kenyataan seperti di Bahagian II adalah benar dan telah dibuat atas urusan rasmi.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

BAHAGIAN IV : PENGESAHAN DAN KELULUSAN KETUA JABATAN

6. Saya dengan ini mengesahkan bahawa tuntutan pegawai MEMATUHI/TIDAK MEMATUHI* syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan pindaannya dari semasa ke semasa. Maka, permohonan tuntutan ETKP berjumlah RM_____bagi pegawai adalah DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN*.

Nama : _____
Tandatangan : _____ Tarikh : _____

7. Jika jumlah tuntutan dipinda/tidak diluluskan (nyatakan sebab):
.....
....
.....
....

Nota: 1. Sila sertakan salinan Buku Log kenderaan/dokumen-dokumen lain yang berkaitan bersama-sama borang tuntutan ini.
2. Sila tandakan garis batal (*strikethrough*) pada butiran yang tidak berkaitan (*).

Nama Elaun	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik di Parlimen
Tahun Pewujudan	2013
Objektif	Memastikan tugas penyeliaan dan penyelarasan urusan Parlimen dilaksanakan dengan cekap dan teratur.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai Tadbir Gred N12 paling kanan di Parlimen yang bertindak sebagai penyelaras kepada tugas penyelidik; dan 2. Sekiranya gred jawatan Pegawai Tadbir di Parlimen yang lebih tinggi daripada Gred N12 diwujudkan bagi menjalankan tugas penyeliaan dan penyelarasan tugas penyelidik, maka elaun ini **tidak layak** diberikan kepada gred yang lebih tinggi tersebut.
Kadar	RM150.00 sebulan
Penerima	Parlimen Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)215/8/2 Klt. 6 (12) bertarikh 16 Disember 2013 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen.

Nama Elaun	Elaun Tugas Atas Panggilan bagi Pegawai Perubatan
Tahun Pewujudan	1994
Objektif	Memastikan perkhidmatan rawatan pesakit di fasiliti kesihatan adalah berterusan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar kepada: 1. Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Pergigian Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian lantikan tetap, sementara dan kontrak di Hospital Kerajaan, Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera, Klinik Kesihatan dan Klinik Ibu dan Anak yang diarah untuk menjalankan tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa. 2. Pengarah Hospital (Pegawai Perubatan) Gred UD10 yang menjalankan tugas atas panggilan di Hospital Pakar Minor dan Hospital Tanpa Pakar dengan syarat berikut: a. Hospital yang dikenal pasti kekurangan Pegawai Perubatan untuk tinggal di atas panggilan pada satu-satu masa oleh Pengarah Kesihatan Negeri; b. jumlah maksimum bertugas atas panggilan (aktif dan pasif) yang dibenarkan ke atas Pengarah Hospital adalah tidak melebihi 10 hari sebulan; c. pemberian elaun kepada Pengarah Hospital dihentikan dalam keadaan berikut: i. Pengarah Hospital dinaikkan pangkat ke gred UD12 atau lebih tinggi; dan ii. Hospital Pakar Minor atau Hospital Tanpa Pakar dinaik taraf sebagai Hospital Pakar Major.

Kadar

Bil	**Jenis Tugas Atas Panggilan**	**Kadar (RM/Semalam)**	
		Pakar Perubatan/ Pakar Pergigian	**Pegawai Perubatan /Pegawai Pergigian**
1.	Panggilan Aktif: Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada:		
	a) Hari bekerja	230.00	200.00
	b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	250.00	220.00
2.	Panggilan Pasif Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam pada:		
	a) Hari bekerja	150.00	130.00
	b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	160.00	140.00
3.	Panggilan Pasif: Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada:		
	a) Hari bekerja ;	100.00	80.00
	b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	105.00	85.00

Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Hospital Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan Malaysia 3. Hospital Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)215/8/2-4/(20) bertarikh 28 Oktober 1994 2. Surat JPA(S)215/8/2-4/Klt. 2/(39) bertarikh 25 Julai 1997 3. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt.2/(SV4) bertarikh 29 Oktober 2001 4. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt. 4/(7) bertarikh 25 Mei 2005 5. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt. 4/(23) bertarikh 2 Disember 2005 6. Surat JPA.SARAAN(S)215/8/2-4 Klt.6(11) bertarikh 16 Disember 2011 7. Surat JPA.SARAAN(S)215/8/2-4 Jld. 8(9) bertarikh 19 April 2016 8. Surat JPA.(S)215/8/2-4 KLT.10(7) bertarikh 30 Julai 2021 9. Surat JPA.(S)215/8/2-4 KLT.10(20) bertarikh 25 Januari 2022 10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Senarai Hospital Pakar Minor dan Hospital Tanpa Pakar adalah tertakluk kepada KKM.

Nama Elaun	Elaun Tugas Bius
Tahun Pewujudan	2004
Objektif	Memastikan prosedur pembiusan oleh Penolong Pegawai Perubatan dapat diberikan dengan cekap dan selamat.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Penolong Pegawai Perubatan yang menghadiri latihan kursus dan memiliki sijil dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan membantu melaksanakan tugas-tugas pembiusan di hospital-hospital Kerajaan di Sabah dan Sarawak; dan 2. Pegawai yang menerima elaun ini **tidak layak** menerima Bayaran Insentif Pos Basik.
Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 471 /Klt.7(52) bertarikh 6 November 2004 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Tugas Khas Pentadbiran di Universiti dan Institusi Penyelidikan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1970</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tadbir urus di fakulti atau institusi penyelidikan dilaksanakan dengan cekap dan teratur.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>Dibayar kepada pegawai akademik yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran sebagai tugas tambahan.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th colspan="2">Universiti</th></tr>
<tr><th>Jawatan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Dekan</td><td>500.00</td></tr>
<tr><td>Timbalan Dekan</td><td>400.00</td></tr>
<tr><td>Ketua Jabatan</td><td>300.00</td></tr>
</table>
<table>
<tr><th colspan="2">Institusi-Institusi Penyelidikan di Universiti</th></tr>
<tr><th>Jawatan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Ketua Bahagian</td><td>250.00</td></tr>
<tr><td>Timbalan Ketua Bahagian</td><td>200.00</td></tr>
<tr><td>Ketua Kumpulan</td><td>150.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Universiti Awam</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>1. Perenggan 1.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1985
2. Perenggan 4(a), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995
3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Tugas Memandu Kenderaan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1980</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas pemanduan kenderaan Jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Pegawai selain daripada skim Pembantu Khidmat Am yang diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi Jabatan;
2. Mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah tempoh mengikut kategori kenderaan yang berkenaan;
3. Bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot berenjin, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia; dan
4. Memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada empat (4) jam sehari.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Kenderaan</th><th>Kadar Sehari (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kenderaan beroda empat dan ke atas*/Bot Berenjin</td><td>5.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Motosikal</td><td>3.00</td></tr>
</table>
*Apa-apa kenderaan berenjin milik Kerajaan
</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Semua Kementerian/Jabatan/Agensi</td></tr>
<tr><td>Pembatalan PP/SPP/SE</td><td>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007</td></tr>
<tr><td>Catatan</td><td>Pembantu Khidmat Am Gred H1 dan ke atas yang diarah untuk memandu bot berenjin layak dibayar elaun ini dengan mematuhi syarat di perenggan (3) dan (4).</td></tr>
</table>

Nama Elaun	Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah
Tahun Pewujudan	1989
Objektif	Memastikan urusan pentadbiran melibatkan hal ehwal sekolah dan pelajar berjalan lancar.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik sebagai Guru Penolong Kanan/Guru Kanan/Guru Hal Ehwal Murid/Guru Penolong Kanan Petang/Ketua Pendidik.
Kadar	Kadar seperti di **Jadual E4-U81**
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/75/3 Klt.4(SV 5) bertarikh 16 Oktober 2002 2. Surat JPA(SARAAN)(S) 63/17-1 Jld. 2 (32) bertarikh 7 April 2010 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/75/3Klt.9(6) bertarikh 19 Januari 2015 4. Surat JPA.SARAAN(S)215/8/2Klt.7(16) bertarikh 26 Januari 2016 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U81: Kadar Elaun Tugas Pentadbiran di Sekolah

Pegawai	Sekolah	Kadar Sebulan (RM)
● Guru Penolong Kanan ● Guru Kanan Mata Pelajaran	Sekolah Menengah Gred A	120.00
● Guru Kanan Pentadbiran ● Guru Hal Ehwal Murid ● Guru Kokurikulum ● Guru Penolong Kanan Petang	Sekolah Menengah Gred B	
● Guru Penolong Kanan ● Guru Penolong Kanan Petang	Sekolah Rendah Gred A	60.00
● Guru Kanan Pentadbiran ● Guru Hal Ehwal Murid ● Guru Kokurikulum ● Guru Penolong Kanan Petang	Sekolah Rendah Gred B	
Ketua Pendidik	Pusat Anak PERMATA Negara	60.00

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Tugas Pentaksiran di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1974</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan operasi pengkastaman dijalankan secara berterusan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Dibayar kepada Penguasa Kastam Gred WK9 di Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, kelepasan am atau hari rehat mingguan di pelabuhan, lapangan terbang, sempadan jalan darat, zon bebas dan penggudangan; dan
2. Pegawai yang mendapat bayaran insentif ini tidak layak mendapat Cuti Gantian bagi tempoh kerja lebih masa yang sama.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>1. Jadual kadar elaun:
<table><tr><th>Tempoh Kerja Lebih Masa</th><th>Kadar Bayaran (Hari Kerja Biasa)</th><th>Kadar Bayaran (Hari Rehat Mingguan*/Hari Kelepasan Am)</th></tr><tr><td>Kerja Lebih Masa Melebihi 4 jam</td><td>RM40.00/hari</td><td>RM50.00 /hari</td></tr><tr><td>Kerja Lebih Masa 2 jam hingga 4 jam</td><td>RM20.00/hari</td><td>RM25.00/hari</td></tr></table>**Hari Rehat Mingguan bagi pegawai yang bekerja secara giliran adalah merujuk kepada Hari Rehat pegawai mengikut jadual gilirannya.*

2. Kadar maksimum elaun adalah RM600.00 sebulan dan Ketua Jabatan perlu memastikan waktu bekerja giliran bagi pegawai tersebut tidak melebihi 72 jam termasuk waktu bekerja secara giliran dalam seminggu.</td></tr>
<tr><td>Penerima</td><td>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</td></tr>
</table>

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/88/1 Jld. 5 (26) bertarikh 21 Disember 2015 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Elaun Waktu Bekerja Fleksi Bagi Pegawai Perubatan Siswazah
Tahun Pewujudan	2011
Objektif	Memastikan Pegawai Perubatan Siswazah adalah kompeten dan terlatih dalam memberi perkhidmatan kesihatan berterusan di fasiliti kesihatan Kerajaan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	**Tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pegawai Perubatan Siswazah yang menjalani Latihan Siswazah dan memenuhi syarat berikut: 1. Mempunyai sijil pendaftaran sementara dan dibenarkan mengamal oleh Majlis Perubatan Malaysia; dan 2. Bekerja secara Waktu Bekerja Fleksi di hospital tertakluk kepada peraturan dan garis panduan pelaksanaan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
Kadar	RM600.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Angkatan Tentera Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S) 215/8/2-4 Klt.6 (12) bertarikh 16 Disember 2011 2. Surat JPA.SARAAN(S) 215/8/2-4 Klt.6 (22) bertarikh 30 Disember 2011 3. Surat JPA.SARAAN(S) 215/82-4 Jld.7(28) bertarikh 25 Jun 2013 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

<table>
<tr><td>Nama Elaun</td><td>Elaun Warden Asrama</td></tr>
<tr><td>Tahun Pewujudan</td><td>1957</td></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>Memastikan tugas penyeliaan dan pengawasan asrama dan penghuninya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Kriteria</td><td>Tanggungjawab Tambahan</td></tr>
<tr><td>Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun</td><td>Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Kelayakan</td><td>1. Layak dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan lain-lain pegawai yang dilantik dan bertugas sebagai Warden Asrama;
2. Bagi ATM, dibayar kepada Ketua Warden Asrama (Pegawai) dan Warden Asrama (Anggota Lain-lain Pangkat) di Cawangan Latihan, Maktab Tentera Diraja; dan
3. Layak dibayar setiap bulan untuk sepanjang tahun.</td></tr>
<tr><td>Kadar</td><td>
<table>
<tr><th>Agensi</th><th>Jawatan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">1. Sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
2. Maktab Rendah Sains MARA.</td><td>Ketua Warden Asrama</td><td>350.00</td></tr>
<tr><td>Warden Asrama</td><td>300.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">1. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, JAKIM;
2. Darul Quran, JAKIM;
3. Kolej Matrikulasi;
4. Politeknik dan Kolej Komuniti;
5. Institut Kemahiran Belia Negara/Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara; dan
6. Maktab Tentera Diraja.</td><td>Ketua Warden Asrama</td><td>280.00</td></tr>
<tr><td>Warden Asrama</td><td>240.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

Penerima	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Maktab Rendah Sains MARA, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 3. Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi 4. Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Kementerian Belia dan Sukan 5. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 6. Darul Quran, JAKIM 7. Maktab Tentera Diraja, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA 63/49/83/(8) bertarikh 28 Februari 1977 2. Surat JPA 63/49/83/(32) bertarikh 30 April 1985 3. Surat JPA 63/49/83/(45) bertarikh 19 Oktober 1985 4. Surat JPA 63/49/83/(52) bertarikh 14 Oktober 1989 5. Surat JPA 63/49/83/(80) bertarikh 8 Julai 1997 6. Surat JPA (S) BGE 215/8/2-16 (9) bertarikh 9 Julai 2004 7. Surat JPA.63/49/83 KLT. 2 (50) bertarikh 24 April 2008 8. Surat JPA(SARAAN)(S) 63/17-1 Jld. 2 (32) bertarikh 7 April 2010 9. Surat JPA(SARAAN)(S)193/7/3Klt.14(46) bertarikh 6 Ogos 2014 10. Surat JPA(SARAAN)(S)63/75/3 Klt.9 (23) bertarikh 9 Oktober 2015 11. Surat JPA(S)63/75 Jld 7 (12) bertarikh 9 Jun 2022 12. Surat JPA.(S).800-6/1/23(25) bertarikh 11 Disember 2023 13. Surat JPA.(S).800-6/1/23(36) bertarikh 10 Januari 2024 14. Surat JPA.(S).800-7/2/159(9) bertarikh 19 April 2024 15. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Elaun-elaun Kerana Berkursus
Tahun Pewujudan	1974
Objektif	Memastikan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran semasa berkursus dibuat mengikut Perintah Am Bab B Tahun 1974 dan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan.
Kriteria	Bayaran Balik Perbelanjaan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat: 1. **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.3**: Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Memindahkan Barang-Barang Persendirian Sebelum Dan Selepas Berkursus; dan 2. **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10**: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan.
Kadar	Rujuk kadar Pekeliling Perbendaharaan WP 1.3 dan WP1.10.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi

Nama Elaun	Elaun-elaun Kerana Bertugas Rasmi
Tahun Pewujudan	1974
Objektif	Memastikan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi dibuat mengikut Perintah Am Bab B Tahun 1974, Akta Polis No. 41 Tahun 1967 (bagi PDRM) dan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan.
Kriteria	Bayaran Balik Perbelanjaan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk: 1. **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4**: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis); dan 2. **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.5**: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (bagi PDRM sahaja).
Kadar	Rujuk kadar Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 atau WP 1.5
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi

Nama Elaun	Elaun-elaun Kerana Bertukar dan Berpindah
Tahun Pewujudan	1974
Objektif	Memastikan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada pegawai perkhidmatan awam yang bertukar atau berpindah rumah dalam negeri dilaksanakan mengikut Perintah Am Bab B Tahun 1974, Pekeliling Perbendaharaan dan surat edaran yang berkaitan.
Kriteria	Bayaran Balik Perbelanjaan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat: 1. **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2**: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah; 2. **Tuntutan tambang mengangkut kenderaan bukan milik sendiri** oleh pegawai kerana bertukar dan berpindah: a. Takrifan kereta dalam Perintah Am 12(a), Bab B merangkumi kenderaan persendirian termasuk kenderaan bukan milik sendiri; b. Ketua Jabatan hendaklah memastikan: i. Pegawai mengesahkan kenderaan tersebut berada dalam keadaan yang baik dan selamat; ii. Sekiranya pemilik kenderaan yang sah ada membuat tuntutan elaun dan kemudahan kerana bertukar dan berpindah rumah, termasuk tambang mengangkut kenderaan ke atas kenderaan yang sama sepanjang tempoh yang sama, maka tuntutan pegawai yang mengangkut kenderaan bukan milik sendiri itu tidak layak dipertimbangkan; iii. Setiap permohonan tuntutan perlu mendapat sokongan Ketua Jabatan di pejabat baharu di mana pegawai itu diarah bertukar; dan iv. Pegawai dimaklumkan bahawa Kerajaan adalah tidak bertanggungjawab walau dalam apa-apa bentuk pun sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kehilangan atau kesusutan nilai kepada kenderaan atas sebab-sebab bertukar dan berpindah rumah berkenaan.

	3. **Tuntutan elaun berpindah dari rumah sewa sendiri/tumpangan ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan kerajaan dan berpindah rumah atas keadaan di luar kawalan**: a. Ketua Jabatan boleh menimbang dan meluluskan tuntutan elaun berpindah rumah disebabkan oleh dua (2) keadaan iaitu **berpindah ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan dan berpindah rumah atas keadaan di luar kawalan** tanpa tertakluk kepada syarat berpindah rumah dalam stesen yang sama atau satu lingkungan kawasan 33 km dari tempat bertugas. b. Ketua Jabatan hendaklah memastikan: i. rumah dibeli melalui kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan dan pegawai hendaklah mendiami rumah tersebut secara tetap; ii. pegawai berpindah rumah secara tetap dalam keadaan di luar kawalan seperti berikut: 1. bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran, rumah runtuh dan sebagainya; atau 2. pengambilan balik tanah, termasuk tapak rumah, oleh Kerajaan atau pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan. iii. Kemudahan tuntutan elaun berpindah ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan hanya diberi sekali sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai; dan iv. Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh perpindahan dilakukan. 4. Bagi urusan menimbang permohonan pembayaran elaun-elaun kerana **bertukar dan berpindah rumah atas permohonan sendiri**, Ketua Jabatan boleh menimbang permohonan tuntutan elaun-elaun tersebut kepada pegawai yang telah diluluskan pertukarannya atas salah satu keadaan berikut: a. Pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di pejabat terakhir pada tarikh permohonannya, atau empat (4) tahun bagi pegawai yang bertukar wilayah;

	b. Pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di fasiliti atau kawasan pedalaman yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri; c. Bagi mengikuti isteri atau suami yang telah bertukar terlebih dahulu dan pegawai telah berkhidmat melebihi satu (1) tahun di pejabat terakhir pada tarikh permohonannya; d. Pegawai perlu mendapatkan rawatan bagi diri atau suami/isteri atau anak; atau e. Bagi menjaga ibu bapa yang sakit dan memerlukan penjagaan rapi. 5. Pembayaran tuntutan elaun-elaun berkaitan adalah ditanggung oleh Kementerian/Jabatan/Agensi tempat asal pegawai bertugas. Ketua Jabatan hendaklah menyatakan **kelayakan pembayaran elaun** dalam surat pertukaran/penempatan yang dikeluarkan kepada pegawai terlibat seperti kenyataan di bawah sama ada: a. Pertukaran pegawai diluluskan dan layak menuntut Elaun Pertukaran berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2 yang berkuat kuasa dan pindaannya; **atau** b. Pertukaran pegawai diluluskan tetapi tidak layak menuntut Elaun Pertukaran berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2 yang berkuat kuasa dan pindaannya.
Kadar	Rujuk kadar Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA rujukan JPA(S)63/163 Klt. 5 (42) bertarikh 8 April 2022 2. Surat JPA rujukan JPA(S)63/163 Klt. 6 (8) bertarikh 16 Ogos 2022 3. Surat JPA rujukan JPA.(S).800-6/1/22 (9) bertarikh 8 November 2023 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Elaun-elaun Khidmat Luar Negeri
Tahun Pewujudan	1974
Objektif	Memastikan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran bagi pegawai perkhidmatan awam yang berkhidmat di luar negeri dilaksanakan mengikut Perintah Am Bab B Tahun 1974.
Kriteria	Pelbagai kriteria
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2013: Dasar dan Peraturan Khidmat Luar Negeri.
Kadar	Rujuk kadar Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2013: Dasar dan Peraturan Khidmat Luar Negeri.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi

Nama Elaun	Imbuhan Tetap Keraian
Tahun Pewujudan	1947
Objektif	Menampung sebahagian kos sara hidup pegawai awam.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 10 hingga 15.
Kadar	Rujuk **Jadual E4-U89** bagi kadar Imbuhan Tetap Keraian mengikut perkhidmatan.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	<u>Perkhidmatan Awam</u> 1. Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1988 2. Perenggan 2.2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996 3. Perenggan A2, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000 4. Perenggan A2, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 5. Perenggan A1, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 6. Perkara 3 bagi Imbuhan Tetap Keraian Jawatan Gred Khas, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2008 7. Perenggan A2, Lampiran E, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 8. Perenggan A2, Lampiran E, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016 9. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

	APMM 10. Perenggan 20(b), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 11. Perenggan 28(a), surat JPA.BPO(S)187/6/2-1 Jld. 7 (20) bertarikh 29 Oktober 2013 12. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. PDRM 13. Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1988 14. Perenggan 3.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1996 15. Perenggan 43.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 16. Perkara 24.1, lampiran Surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld. 3 (7) bertarikh 14 Mac 2013 17. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. ATM 18. Surat JPA (S) 63/103/3/(3) bertarikh 26 Februari 1990 19. Surat JPA (S) 215/8/1 Klt. 4 (34) bertarikh 20 Ogos 2002 20. Surat JPA(S)63/103/3(6) bertarikh 5 Disember 2005 21. Surat JPA(BGE)223/5/4-3(5) bertarikh 25 September 2006 22. Surat JPA.SARAAN (S)63/103/3 (36) bertarikh 11 Januari 2010 23. Surat JPA.SARAAN(S) 63/103/3 (42) bertarikh 22 Julai 2010 24. Surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-5 Jld. 3 bertarikh 14 Mac 2013 25. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U89: Kadar Imbuhan Tetap Keraian bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Ketua Setiausaha Negara	5,300.00
Utama/Khas Turus I	5,200.00
Utama/Khas Turus II	5,100.00
Utama/Khas Turus III	5,000.00
Utama/Khas ‘A’	4,000.00
Utama/Khas ‘B’	3,050.00
Utama/Khas ‘C’	2,500.00
15	2,100.00
14	800.00
13	600.00
12	550.00
11*	500.00
10	400.00

**Diberi kepada Pensyarah Universiti yang tempoh perkhidmatan lebih 10 tahun dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambil kira tidak termasuk tempoh Cuti Tanpa Gaji.*

Nama Elaun	Imbuhan Tetap Khidmat Awam
Tahun Pewujudan	1980
Objektif	Menampung sebahagian kos sara hidup pegawai awam.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai seperti berikut: 1. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 9; 2. Pensyarah Universiti Gred 11 yang tidak genap 10 tahun perkhidmatan; dan 3. Pegawai dalam Kumpulan Pelaksana.
Kadar	Rujuk **Jadual E4-U90** bagi perkhidmatan awam
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	<u>Perkhidmatan Awam</u> 1.Perenggan 24 dan 25, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 2.Perenggan 2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1990 3.Perenggan 3, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 4.Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 5.Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006 6.Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>PDRM</u> 8. Perenggan 34(a), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009 9. Perkara 24.2, lampiran Surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld. 3 (7) bertarikh 14 Mac 2013

	10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>APMM</u> 11. Perenggan 20(a), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 12. Perenggan 28(b), Surat JPA**.**BPO(S)187/6/2-1 Jld. 7 (20) bertarikh 29 Oktober 2013 13. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>ATM</u> 14. JPA (S) 63/103/3/(3) bertarikh 26 Februari 1990 15. JPA (S) 215/8/1 Klt. 4 (34) bertarikh 20 Ogos 2002 16. JPA(S)63/103/3(6) bertarikh 5 Disember 2005 17. JPA(BGE)223/5/4-3(5) bertarikh 25 September 2006 18. JPA.SARAAN (S)63/103/3 (36) bertarikh 11 Januari 2010 19. JPA.SARAAN(S) 63/103/3 (42) bertarikh 22 Julai 2010 20. Perenggan 27, Surat JPA(BPO)(S)324/14/15 Jld.18 (6) bertarikh 7 Januari 2013 21. JPA.SARAAN(S)256/21/17-5 Jld. 3 bertarikh 14 Mac 2013 22. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pegawai yang menerima kadar ITKA yang lebih tinggi (SSM) daripada kadar ITKA yang berkuat kuasa dalam SSPA, pegawai kekal menggunakan kadar ITKA yang lebih tinggi secara KUP (Perenggan 86).

Jadual E4-U90: Kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan

Gred	Kadar Sebulan (RM)
11*	300.00
9	300.00
7 dan 8	220.00
5 dan 6	160.00
3 dan 4	140.00
1 dan 2	115.00

**Diberi kepada Pensyarah Universiti yang tempoh perkhidmatan kurang 10 tahun dan ke bawah dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambil kira tidak termasuk tempoh Cuti Tanpa Gaji.*

Nama Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan
Tahun Pewujudan	1967
Objektif	Menampung sebahagian kos perumahan pegawai perkhidmatan awam.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	**Tidak tertakluk** kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Pegawai tidak menduduki Rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan layak menerima kadar penuh Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). <u>Pemberian ITP kepada Pegawai yang Diperuntukkan Kuarters</u> 2. ITP diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuk Perkhidmatan Bomba dan Perkhidmatan Penjara yang mendiami kuarters, pada kadar 25% daripada kadar kelayakan ITP pegawai. 3. Penetapan pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai **tidak terpakai** kepada pegawai yang diperuntukkan: a. Rumah Biasa Kerajaan dan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan (kecuali Perkhidmatan Tentera, Polis, Bomba, Penjara dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)); b. Rumah Khas Jabatan; c. Rumah Khas Jawatan; d. Rumah Kediaman Luar Negeri; e. Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan; atau f. kemudahan perumahan yang tidak dianggap sebagai kuarters di kawasan pedalaman. 4. Bagi pegawai yang diperuntukkan kuarters, pegawai itu layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan pegawai dalam keadaan berikut: a. Termasuk dalam keadaan berikut: i. Pegawai tersebut mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa dalam keadaan pegawai itu dibenarkan untuk menduduki kuarters; atau

ii. Bagi pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa, pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar 25% daripada kelayakan pegawai atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau melebihi kadar 25% daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.

b. kecuali, jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai itu menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai hanya akan dibayar separuh daripada kadar 25% daripada ITP tersebut.

<u>Pemberian ITP kepada Pegawai yang Tidak Diperuntukkan Kuarters</u>

5. Bagi pegawai yang tidak diperuntukkan kuarters, layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar penuh:

   a. Termasuk dalam keadaan berikut:

      i. Pegawai yang mendiami kuarters yang diperuntukkan kepada pasangan pegawai;

      ii. Pegawai mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau

      iii. Pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar penuh atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau lebih daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.

   b. Kecuali, jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan dibayar ITP separuh daripada kadar penuh ITP tersebut.

	<u>Pemberian ITP kepada Pegawai yang Disediakan Kemudahan Perumahan Tetapi Tidak Dianggap Sebagai Kuarters di Kawasan Pedalaman</u> 6. Pemberian ITP kepada pegawai yang disediakan kemudahan perumahan tetapi rumah tersebut tidak dianggap sebagai kuarters (Rumah Kerajaan) di kawasan pedalaman tertakluk kepada syarat-syarat berikut: a. Penentuan kawasan pedalaman adalah sepertimana senarai kawasan pedalaman negeri yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pindaannya dari semasa ke semasa: b. Kemudahan perumahan yang disediakan itu tidak menepati ketiga-tiga kriteria perumahan Kerajaan sepertimana yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri iaitu: i. Sebuah rumah yang dijadikan kuarters di kawasan pedalaman hendaklah diperoleh atau dibina dengan peruntukan Kerajaan; ii. Diselenggara oleh Kerajaan; dan iii. Mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, kaedah pembuangan najis dan kumbahan yang sempurna. c. Sebarang keraguan berhubung definisi kuarters seperti yang dijelaskan di atas, boleh dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. 7. Bagi pegawai yang disediakan k**emudahan perumahan tetapi rumah tersebut tidak dianggap sebagai kuarters di kawasan pedalaman**, layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar penuh: a. Termasuk dalam keadaan berikut: i. Pegawai yang mendiami kuarters yang diperuntukkan kepada pasangan pegawai; atau ii. Pegawai mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau iii. Pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar penuh atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau lebih

	daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya. b. Kecuali, jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan dibayar ITP separuh daripada kadar penuh ITP tersebut. <u>Pemberian ITP kepada Pegawai yang Diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan</u> 8. Bagi pegawai yang diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan (kecuali Perkhidmatan Tentera, Polis, Bomba, Penjara dan APMM) layak menerima bayaran ITP pada kadar 50% daripada kelayakan pegawai dan tidak dikenakan bayaran sewa: a. Termasuk dalam keadaan berikut: i. Pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau ii. Pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar 50% daripada kelayakan pegawai atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau melebihi kadar 50% daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya b. Kecuali jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan menerima bayaran separuh daripada kadar 50% daripada ITP tersebut. 9. Pegawai Bomba Gred KB1 - KB10 dan Pegawai Penjara Gred KA1 - KA10 yang bertukar wilayah hanya layak dibayar ITP dan bukannya BIPW.

Kadar	Rujuk: 1. **Jadual E4-U91(1)** bagi kadar ITP bagi Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Persekutuan. 2. **Jadual E4-U91(2)** bagi Pegawai Perkhidmatan Bomba dan Pegawai Perkhidmatan Penjara di Gred 14 dan ke bawah.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	<u>Perkhidmatan Awam</u> 1. Perenggan 7, 8 dan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980 2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>JBPM dan Jabatan Penjara Malaysia</u> 4. Surat JPA(S)63/162 Klt.3 (79) bertarikh 6 Januari 1996 5. Surat JPA(S)2760/10 Klt.7(95) bertarikh 18 Oktober 1999 6. Surat JPA(S)2760/10 Klt.7(92) bertarikh 20 Oktober 1999 7. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>APMM</u> 8. Surat JPA(S)2760/10 Klt.21(63) bertarikh 10 September 2015 9. Surat JPA.SARAAN(S)2760/10 Jld.23 (10) bertarikh 8 Julai 2019 10. Surat JPA.SARAAN(S)2760/10 Jld.23(14) bertarikh 7 Ogos 2019 11. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>PDRM</u> 12. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1994 13. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2001 14. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2006

	15. Surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld. 3 bertarikh 14 Mac 2013 16. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2015 17. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini. <u>ATM</u> 18. Surat JPA(S)2760/10 Klt.21(62) bertarikh 10 September 2015 19. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U91(1): Kadar Imbuhan Tetap Perumahan Skim Perkhidmatan Awam

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Ketua Setiausaha Negara	3,000.00
Utama/Khas Turus I	2,500.00
Utama/Khas Turus II	2,500.00
Utama/Khas Turus III	2,500.00
Utama/Khas ‘A’	2,000.00
Utama/Khas ‘B’	1,600.00
Utama/Khas ‘C’	1,300.00
15	1,100.00
14	900.00
13	700.00
11 - 12	700.00
10	400.00
9	300.00
1 - 8	300.00

Jadual E4-U91(2): Kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi skim perkhidmatan JBPM dan Jabatan Penjara Malaysia

Gred Skim Perkhidmatan		Kadar Sebulan (RM)		
JBPM	Jabatan Penjara Malaysia	Semenanjung	Sarawak	Sabah/ WP. Labuan
Utama 'A'	Utama 'A'	2,000.00	2,000.00	2,000.00
Utama 'B'	Utama 'B'	1,600.00	1,600.00	1,600.00
Utama 'C'	Utama 'C'	1,300.00	1,300.00	1,300.00
14	14	900.00	900.00	900.00
13	13	700.00	700.00	800.00
12	12	700.00	700.00	800.00
10	10	500.00	500.00	700.00
9	9	450.00	475.00	600.00
8	8	420.00	450.00	580.00
7	7	420.00	450.00	580.00
6	6	420.00	450.00	580.00
5	5	420.00	450.00	580.00
4	4	300.00	360.00	480.00
3	3	300.00	360.00	480.00
2	2	300.00	360.00	480.00
1	1	300.00	330.00	435.00

LAMPIRAN E5

Pegun Kadar Elaun

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Bayaran Insentif Pedalaman
(BIP)</th><th>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
(BIPK)</th><th>Bayaran Imbuhan Wilayah
(BIW)</th></tr>
<tr><td>Penerima sedia ada</td><td>Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIP yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.</td><td>Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIPK yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.</td><td>Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIW yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.</td></tr>
<tr><td>Pegawai lantikan baharu/ Pegawai sedia ada yang baru berkelayakan</td><td>Kadar tetap baharu
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>210.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr>
<tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr>
</table></td><td>Kadar tetap baharu
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional*</td><td>9 - 15</td><td>165.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr>
<tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr>
</table>
*6 skim perkhidmatan kritikal menerima kadar tetap sedia ada sebanyak RM750.00 sebulan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi.</td><td>Kadar tetap baharu
<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan Tertinggi</td><td>Utama/ Khas</td><td>960.00</td></tr>
<tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>360.00</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>300.00</td></tr>
<tr><td>1 – 4</td><td>270.00</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Perkara	Bayaran Insentif Pedalaman (BIP)	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)	Bayaran Imbuhan Wilayah (BIW)
Kelayakan pemberian	Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIP, pegawai akan menerima kadar BIP pada kadar tetap baharu.	1. **Tiada pemanjangan** kepada skim perkhidmatan lain (terhad kepada 32 skim perkhidmatan sedia ada); dan 2. Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIPK, pegawai akan menerima kadar BIPK pada kadar tetap baharu.	1. Penerima BIW (wilayah asal adalah Sabah/Sarawak/W.P. Labuan) yang menerima kadar BIW lebih rendah daripada kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) mengikut kawasan, pegawai akan menerima BIW pada kadar BISH mengikut kawasan berkenaan (hanya terpakai kepada pegawai yang bertukar wilayah ke Semenanjung sahaja). 2. Penerima BIW (wilayah asal adalah Semenanjung) yang baru berkelayakan akan menerima BIW pada kadar BISH yang diterima sebelum bertukar wilayah jika kadar tetap BIW adalah lebih rendah daripada kadar BISH.

LAMPIRAN F1

PRINSIP PEMBERIAN KEMUDAHAN

Kemudahan diperuntukkan berdasarkan empat (4) prinsip iaitu **holistik**, **khusus**, **dinamik**, dan **bersasar** dengan perincian seperti yang berikut:

(a) **holistik** merujuk kepada pendekatan yang menyeluruh dalam melaksanakan pemberian kemudahan. Ia tidak terhad kepada sesetengah aspek sahaja tetapi merangkumi semua aspek kehidupan seseorang pegawai. Pendekatan ini sejajar dengan tujuan memberi manfaat tambahan kepada pegawai;

(b) **khusus** menekankan bahawa setiap kemudahan diberikan untuk sesuatu tujuan tertentu tanpa bertindih dengan kemudahan lain untuk memenuhi keperluan sesuatu kumpulan sasar;

(c) **dinamik** mencerminkan kemudahan dalam perkhidmatan awam boleh berubah mengikut perkembangan dan tuntutan semasa sekiranya terdapat keperluan untuk beradaptasi dengan perubahan keadaan, seperti teknologi baharu, trend pasaran kerja dan perubahan dalam demografi tenaga kerja; dan

(d) **bersasar** merujuk kepada pemberian sesuatu kemudahan boleh disasarkan kepada kelompok tertentu untuk membantu aspek pelaksanaan tugas atau memelihara kesejahteraan dengan mengambil kira pelbagai aspek yang berkaitan contohnya seperti jenis kerja dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pegawai.

LAMPIRAN F2

KEMUDAHAN YANG DIKEKALKAN

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
CUTI			
1.	Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
2.	Kemudahan Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
3.	Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikuti Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Luar Negara	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
4.	Kemudahan Cuti Rehat Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
5.	Kemudahan Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
6.	Kemudahan Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan Bagi Pegawai	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
	Perkhidmatan Awam Persekutuan		ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
7.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
8.	Kemudahan Cuti Haji	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
9.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan Dan Hari Gawai	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
10.	Kemudahan Kelayakan Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
11.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Tahun Baru Siam (Songkran) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berketurunan Siam	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
12.	Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
13.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Organ	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
14.	Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
15.	Kemudahan Cuti Sakit Tibi, Kusta Dan Barah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
16.	Kemudahan Cuti Sakit Lanjutan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
17.	Kemudahan Cuti Sakit Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
18.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Terlibat Dalam Pertandingan Sukan Di Peringkat Kebangsaan Dan/Atau Antarabangsa	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
19.	Kemudahan Cuti Latihan Pasukan Sukarela Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
20.	Kemudahan Cuti Menghadiri Aktiviti Pertubuhan/Persatuan	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
21.	Kemudahan Cuti Gantian	-	i) Perintah Am Bab C Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
22.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Menghadiri Konvensyen Dwi-Tahunan Pemilihan Pihak Pekerja MBK.	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
23.	Cuti Kerantina	-	Perintah Am 24 Bab C 1974
24.	Cuti Kecederaan	-	Perintah Am 27-29 Bab C 1974

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
25.	Cuti Lain-lain Kursus	-	Perintah Am PA42(b) Bab C 1974
26.	Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas	-	Perintah Am 45 Bab C 1974
27.	Cuti Tugas Khas Perubatan	-	Perintah Am 47 Bab C 1974
28.	Cuti Sambilan	-	Perintah Am 67 Bab C 1974
29.	Cuti Untuk Membuat Kerja Penyelidikan	-	PP…./1975
30.	Cuti Sabbatikal	-	PP…./1975
WAKTU BEKERJA			
31.	Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan	-	i) Perintah Am Bab G Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
32.	Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
33.	Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja Di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja	-	i) Perintah Am Bab G Tahun 1974

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
			ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
34.	Pemberian Pelepasan Seperti Bertugas Rasmi Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Petugas Lembaga Tabung Haji Di Tanah Suci Semasa Musim Haji	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
35.	Pelepasan Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Darah	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
36.	Pelepasan Waktu Bekerja Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menjalankan Tugas Rondaan Di Bawah Skim Rondaan Sukarela Kawasan Rukun Tetangga	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
37.	Pelepasan Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Mempunyai Anak- Anak Kurang Upaya	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
38.	Peraturan Memberikan Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab-Musabab Kecemasan Am	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
PERUBATAN			
39.	Rawatan Dalam Negara	-	i) Perintah Am Bab F Tahun 1974; ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
40.	Rawatan Luar Negeri	-	i) Perintah Am Bab F Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
41.	Pembekalan Ubat Di Hospital/Klinik/Agensi Swasta	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
42.	Pembekalan Alat Di Hospital/Klinik/Agensi Swasta	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
43.	Perkhidmatan Perubatan (MRI,CT Scan dan lain-lain)	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
44.	Kelayakan Wad	-	i) Perintah Am Bab F Tahun 1974 ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
45.	Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Bagi Pegawai Perkhidmatan	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
	Awam Keluar Negara Atas Urusan Persendirian		
46.	Pemeriksaan Kesihatan (Bekerja Dengan Kerajaan, Pegawai Berkursus dan Keluarga Pegawai Untuk Belajar)	-	Perintah Am Bab F Tahun 1974
47.	Pemeriksaan Kesihatan (Pegawai Berumur 40 Tahun Ke Atas)	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
PERUMAHAN			
48.	Rumah Biasa Kerajaan (RBK)	-	i) Perintah Am Bab E Tahun 1974; dan ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
49.	Rumah Khas Jabatan (RKJ)	-	
50.	Rumah Khas Jawatan	-	
51.	Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan	-	
52.	Rumah Kediaman Luar Negeri	-	
53.	Mes/Asrama	-	
PAKAIAN			
54.	Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran	-	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU	PUNCA KUASA
	Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi		
55.	Kemudahan Jubah Imam dan Bilal bagi Pegawai/Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	-	i) Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)26/4 Klt.19 (39) bertarikh 16/08/2010
56.	Kemudahan Jubah dan Songkok Rasmi Yang Amat Arif/ Yang Arif Hakim Syarie dan Pakaian Istiadat Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	-	i) Surat Kelulusan JPA(S)1852/2A Klt.11 bertarikh 18/5/2015
KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN			
57.	Peraturan Bayaran Balik Letak Kenderaan	Kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
58.	Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam	Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN

LAMPIRAN G

OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

LAMPIRAN G1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN G1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

ARAHAN
*1. Kategori **pegawai yang terlibat adalah seperti di Lampiran B1 hingga B4**.*
*2. Lampiran **G1** hingga **G4** hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam DUA (2) salinan.*
- *SATU (1) salinan untuk jabatan.*
- *SATU (1) salinan untuk pegawai.*

*3. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran **G2** dan **G3** kepada Ketua Jabatan.*

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan : ……

Kepada : ……

: ……...……...

……...……...

……...……...

……...……...

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

BAHAGIAN A

1. Nama : .....…….....
2. No. K/P : .....…….....
3. Maklumat Perkhidmatan Semasa:
   - (i) Nama Skim Perkhidmatan : ……..…...
   - (ii) Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia
   - (iii) Gred Hakiki : …….....
   - (iv) Gaji Hakiki pada 30 November 2024 : …….....
   - (v) Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
   - (vi) Tarikh Pergerakan Gaji : ……

BAHAGIAN B

4. Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ..... ke skim perkhidmatan ..... yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan gaji tuan/puan mulai 1 Disember 2024 adalah ditetapkan seperti berikut:

   (i) Gred : …….....

   (ii) Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....

   (iii) Gaji : RM……...…….....

5. Sekiranya tuan/puan **tidak bersetuju** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 3(iv), Bahagian A** surat tawaran ini.

6. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan **dikekalkan**.

7. Tuan/puan dikehendaki **MEMBACA** dan **MEMAHAMI** keseluruhan kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

8. Tuan/puan juga dikehendaki **MELENGKAPKAN** dan **MENANDATANGANI** borang opsyen di **Lampiran G3** dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan **sebelum atau pada 30 November 2024**.

9. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan **JELAS** dan **TANPA BERSYARAT**.

   (ii) Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.

   (iii) Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

   (iv) Sekiranya tuan/puan **tidak membuat pilihan opsyen** atau membuat opsyen:

      (a) **tidak jelas;**

      (b) **dengan bersyarat;**

      (c) **dengan bantahan;**

      (d) **dengan pindaan; atau**

      (e) **tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,**

tuan/puan **disifatkan sebagai tidak bersetuju** menerima tawaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan tuan/puan akan terus **kekal** dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

10. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan (kecuali meletak jawatan untuk menjawat jawatan lain dengan agensi kerajaan) atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya **terbatal**.

11. Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

12. Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

13. Opsyen tuan/puan adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Ketua Jabatan : …….....

Nama : …….....

Jawatan : …….....

Alamat Jabatan : .....

Tarikh : ……...

Cap Rasmi

LAMPIRAN G2

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN G2

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

[Surat Akuan ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Jabatan sebaik sahaja pegawai menerima Surat Tawaran Opsyen di Lampiran G1 (salinan pegawai) dan Borang Opsyen di Lampiran G3]

Kepada : .....

.....

.....

.....

.....
(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Saya dengan ini mengaku menerima **Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam berserta dengan Borang Opsyen** mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....
(Pegawai)

Tarikh : .....

LAMPIRAN G3

BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN G3

BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

(Opsyen ini hendaklah dibuat oleh pegawai)

Kepada: .....……...……

.....……...……....……

.....……

…….....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini*)

Tuan/Puan,

Merujuk kepada surat tuan/puan rujukan: .....* bertarikh ..... * yang menawarkan opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, maka dengan ini saya membuat opsyen:**

(a) ☐ **BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;

ATAU

(b) ☐ **TIDAK BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

** Diisi oleh Ketua Jabatan.*
*** Sila tandakan √ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dan implikasi opsyen ini serta saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Pegawai : …….....

Nama : ……

No. K/P : ……

Jawatan : …….....

Tarikh : ……

LAMPIRAN G4

SURAT AKUAN
OLEH KETUA JABATAN
MENGENAI PENERIMAAN
BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM
DARIPADA PEGAWAI

LAMPIRAN G4

Rujukan Fail: …….....

SURAT AKUAN OLEH KETUA JABATAN
MENGENAI PENERIMAAN BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM DARIPADA PEGAWAI

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

(Surat Akuan ini hendaklah diserahkan kepada pegawai sebaik sahaja Ketua Jabatan menerima Borang Opsyen di Lampiran G3 yang telah lengkap dan ditandatangani oleh pegawai)

Kepada : ……

……

……

……

……

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Dengan ini diakui bahawa Borang Opsyen yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertarikh …….. sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 telah diterima oleh Jabatan ini.

Tandatangan :…….....

Nama :…….....

Jawatan :…….....

(Ketua Jabatan)

Tarikh :…….....

Cap Rasmi

\



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN

LAMPIRAN H

OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

LAMPIRAN H1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN H1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

ARAHAN

*1. Lampiran **H1** hingga **H4** hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam dua (2) salinan.*
- *SATU (1) salinan untuk jabatan.*
- *SATU (1) salinan untuk pegawai.*

*2. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran **H2** dan **H3** kepada Ketua Jabatan.*

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan : ……

Kepada : ……

……

……

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

Skim Perkhidmatan yang terlibat bagi opsyen ini adalah seperti senarai di bawah. Tuan/ Puan adalah di bawah Skim Perkhidmatan seperti yang ditandakan di bawah:

Sila Tandakan (√) Yang Berkenaan	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	**Pembantu Khidmat Am Gred H1**
	Pemandu/ Operator Jentera Pemunggah Gred H11, H14, H16, H18	
	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
	Penghantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	

BAHAGIAN A

1. Nama : …….....…….....
2. No. K/P : .....…….....
3. Maklumat Perkhidmatan Semasa:
   (i) Nama Skim Perkhidmatan : …….....
   (ii) Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia
   (iii) Gred Hakiki : …….....
   (iv) Gaji Hakiki pada 30 November 2024 : ……...…….....
   (v) Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
   (vi) Tarikh Pergerakan Gaji : …….....……

BAHAGIAN B

4. Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ..... ke skim perkhidmatan ..... berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan gaji tuan/puan mulai 1 Disember 2024 ditetapkan seperti berikut:
   (i) Gred : …….....
   (ii) Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
   (iii) Gaji : RM……..…….....

5. Sekiranya tuan/puan **tidak bersetuju** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 3(iv), Bahagian A** surat tawaran ini.

6. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan **dikekalkan/berubah** kepada:*
   (i) 1 Jan ☐ (ii) 1 Apr ☐ (iii) 1 Jul ☐ (iv) 1 Okt ☐
   ** Sila tandakan √ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*

7. Tuan/puan dikehendaki **MEMBACA** dan **MEMAHAMI** semua kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

8. Tuan/puan juga dikehendaki **MELENGKAPKAN** dan **MENANDATANGANI** borang opsyen di **Lampiran H3** dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan **sebelum atau pada 30 November 2024.**

9. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan **JELAS** dan **TANPA BERSYARAT**.

   (ii) Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.

   (iii) Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

   (iv) Sekiranya tuan/puan **tidak membuat pilihan opsyen** atau membuat opsyen:

   (a) **tidak jelas;**
   (b) **dengan bersyarat;**
   (c) **dengan bantahan;**
   (d) **dengan pindaan; atau**
   (e) **tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,**

   tuan/puan **disifatkan sebagai tidak bersetuju** menerima tawaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan tuan/puan akan terus **kekal** dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

10. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan (kecuali meletak jawatan untuk menjawat jawatan lain dengan agensi kerajaan) atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya **terbatal**.

11. Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

12. Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

13. Opsyen tuan/puan adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Ketua Jabatan : …….....

Nama : …….....

Jawatan : …….....

Alamat Jabatan : .....

Tarikh : ……...

Cap Rasmi

LAMPIRAN H2

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN H2

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

[Surat Akuan ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Jabatan sebaik sahaja pegawai menerima Surat Tawaran Opsyen di Lampiran H1 (salinan pegawai) dan Borang Opsyen di Lampiran H3]

Kepada : .....

.....

.....

.....

.....
(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Saya dengan ini mengaku menerima **Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam berserta dengan Borang Opsyen** mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....
(Pegawai)

Tarikh : .....

LAMPIRAN H3

BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN H3

BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI TETAP MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

(Opsyen ini hendaklah dibuat oleh pegawai)

Kepada: …….....……

…….....……

…….....……

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini*)

Tuan/Puan,

Merujuk kepada surat tuan/puan rujukan: .....* bertarikh ..... * yang menawarkan opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, maka dengan ini saya membuat opsyen:**

(a) ☐ **BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;

ATAU

(b) ☐ **TIDAK BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

** Diisi oleh Ketua Jabatan.*
*** Sila tandakan √ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dan implikasi opsyen ini serta saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Pegawai : ……..…….....

Nama : ……..

No. K/P : ……..

Jawatan : …….....

Tarikh : ……..

LAMPIRAN H4

SURAT AKUAN OLEH KETUA JABATAN MENGENAI PENERIMAAN BORANG OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM DARIPADA PEGAWAI

LAMPIRAN H4

Rujukan Fail: …….....

SURAT AKUAN OLEH KETUA JABATAN
MENGENAI PENERIMAAN BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM DARIPADA PEGAWAI

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

(Surat Akuan ini hendaklah diserahkan kepada pegawai sebaik sahaja Ketua Jabatan menerima Borang Opsyen di Lampiran H3 yang telah lengkap dan ditandatangani oleh pegawai)

Kepada : ……...……

……...……

...……

……...……

……...…

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Dengan ini diakui bahawa Borang Opsyen yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertarikh …….. sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 telah diterima oleh Jabatan ini.

Tandatangan : ……

Nama : ……

Jawatan : ……

(Ketua Jabatan)

Cap Rasm

Tarikh : ……



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN

Cap Rasmi

LAMPIRAN I

OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG BELUM MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

LAMPIRAN I1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAMPIRAN I1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG BELUM MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

ARAHAN

*1. Lampiran **I1** hingga **I4** hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam DUA (2) salinan.*
- *SATU (1) salinan untuk jabatan.*
- *SATU (1) salinan untuk pegawai.*

*2. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran **I2** dan **I3** kepada Ketua Jabatan.*

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan : ……

Kepada : ……

……

……

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

Skim Perkhidmatan yang terlibat bagi opsyen ini adalah seperti senarai di bawah. Tuan/Puan adalah di bawah Skim Perkhidmatan seperti yang ditandakan di bawah:

Sila Tandakan (√) Yang Berkenaan	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	**Pembantu Khidmat Am Gred H1**
	Pemandu/ Operator Jentera Pemunggah Gred H11, H14, H16, H18	
	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
	Penghantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	

BAHAGIAN A

1. Nama : …….....….....
2. No. K/P : …….....
3. Maklumat Perkhidmatan Semasa:
   (i) Nama Skim Perkhidmatan : …….....
   (ii) Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia
   (iii) Gred Hakiki : …….....
   (iv) Gaji Hakiki pada 30 November 2024 : …….....
   (v) Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....
   (vi) Tarikh Pergerakan Gaji : …….....

BAHAGIAN B

4. Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ..... ke skim perkhidmatan ..... serta gred dan jadual gaji yang **berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat** yang ditetapkan adalah seperti berikut:

   (i) Gred : …….....
   (ii) Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....

5. Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam:-

   (i) Gaji tuan/puan pada 1 Disember 2024 ditetapkan pada RM.....;
   (ii) Tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 sehingga tuan/puan memenuhi syarat tersebut; dan
   (iii) Tuan/puan akan dipindahkan ke skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat.

6. Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam:-

   (i) Gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 3(iv), Bahagian A** surat tawaran ini; dan
   (ii) Tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

7. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan **dikekalkan/berubah** kepada:*

(i) 1 Jan ☐ (ii) 1 Apr ☐ (iii) 1 Jul ☐ (iv) 1 Okt ☐

** Sila tandakan √ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*

8. Tuan/puan dikehendaki **MEMBACA** dan **MEMAHAMI** semua kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

9. Tuan/puan juga dikehendaki **MELENGKAPKAN** dan **MENANDATANGANI** borang opsyen di **Lampiran I3** dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan **sebelum atau pada 30 November 2024.**

10. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan **JELAS** dan **TANPA BERSYARAT**.

(ii) Sekiranya tuan/puan **tidak membuat pilihan opsyen** atau membuat opsyen:

(a) **tidak jelas;**

(b) **dengan bersyarat;**

(c) **dengan bantahan;**

(d) **dengan pindaan; atau**

(e) **tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,**

